

KANDUNGAN

UCAPAN TAKZIAH:

- Ucapan Takziah Kepada Balu dan Keluarga
Allahyarham Datuk Haji Fadzil Md. Noor Atas
Kembalinya Allahyarham ke Rahmatullah (Halaman 1)

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Halaman 2)

RANG UNDANG-UNDANG:

- Rang Undang-undang Ahli Parlimen
(Saraan) (Pindaan) 2002 (Halaman 13)

- Rang Undang-undang Perbekalan
Tambahan (2002) 2002 (Halaman 49)

USUL:

- Anggaran Pembangunan (Tam.)(Bil.2) 2002 (Halaman 51)

- Menangguhkan Mesyuarat Di Bawah
Peraturan Mesyuarat 16(3) (Halaman 80)

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:

- Penambahan SRJK (C) di Kawasan Cheras
– *Y.B. Tuan Tan Kok Wai (Cheras)* (Halaman 80)

- Industri Bioteknologi, Keperluan Strategik Ke Arah
Pemantapan Negara Maju Tahun 2020
– *Y.B. Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop (Alor Gajah)* (Halaman 82)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tun Dato Seri Dr. Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.S.D.K., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Seri Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)

“ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P, S.M.J, P.I.S. (Bakri)

“ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, S.I.M.P., D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)

“ Menteri Penerangan, Tan Sri Dato' Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)

“ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)

“ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)

“ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)

“ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)

“ Menteri Belia dan Sukan, Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim, S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu)

- “ Menteri Pertanian, Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi, S.I.M.P., P.G.B.K., D.P.M.S., J.S.M., J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dato’ Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Timbalan Menteri Penerangan Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Seri Dr. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A(Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato’ Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
- “ Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato’ Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)

- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Ng Yen Yen (Raub)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Datuk Yong Khoon Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S. G. Sothinathan (Telok Kemang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato' Kosai (Muar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tapah)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Datuk Rizalman bin Abdullah, P.G.D.K., J.P. (Tenom)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Fu Ah Kiow, D.I.M.P. (Mentakab)
- “ Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)
- “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
- “ Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, D.S.S.S.M.T. (Marang)
- “ Datuk Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman, P.J.N.(Sungai Benut)
- “ Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)

Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)

- “ Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
- “ Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C, D.P. (Kota Samarahan)
- “ Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
- “ Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar, D.S.A.P. (Larut)
- “ Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
- “ Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, D.P.M.S., A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
- “ Datuk Bung Moktar bin Radin, P.G.D.K., A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
- “ Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
- “ Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
- “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
- “ Tun Dato' Daim Zainuddin, D.G.S.M., S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor, D.S.D.K. (Pendang)
- “ Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
- “ Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
- “ Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
- “ Dato Goh Siow Huat (Rasah)
- “ Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
- “ Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
- “ Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
- “ Tan Sri Dato' Hew See Tong, P.S.M., D.P.M.P., J.P. (Kampar)
- “ Dato' Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)

- Yang Berhormat Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P. (Rompin)
- “ Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
- “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Tuan Joseph Salang anak Gandum (Julau)
- “ Tuan Juslie bin Ajirol, A.S.D.K. (Libaran)
- “ Dato' Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat)
- “ Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
- “ Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
- “ Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
- “ Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
- “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
- “ Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
- “ Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
- “ Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
- “ Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
- “ Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
- “ Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
- “ Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
- “ Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
- “ Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
- “ Dato' Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K, P.J.M. (Balik Pulau)
- “ Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
- “ Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
- “ Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat)
- “ Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)

Yang Berhormat Dato' Mustafa bin Ali, D.P.M.T. (Dungun)

- “ Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
- “ Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
- “ Tuan Ng Lip Yong (Batu)
- “ Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
- “ Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
- “ Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
- “ Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
- “ Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu)
- “ Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
- “ Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
- “ Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A (Sepang)
- “ Dato' Shahnnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
- “ Tuan Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
- “ Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
- “ Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)
- “ Dato' Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
- “ Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Tan Sri Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
- “ Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)
- “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
- “ Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
- “ Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Dato' Seri Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
- “ Dato' Tiong Thai King, (Lanang)
- “ Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
- “ Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)

Yang Berhormat Dato' Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)

- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Datuk Yong Teck Lee, P.G.D.K., P.J.N. (Gaya)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Dato' Seri Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
- “ Dato' Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin, K.M.N., P.A.T., D.P.M.P., J.S.M., P.J.N.

- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
- “ Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor, K.M.N., D.S.D.K., D.I.M.P., D.S.A.P., P.J.N.
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk M Kayveas, P.J.N.
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin, P.J.N., J.M.N., S.M.S., A.M.K.

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN****Setiausaha Dewan Rakyat**

Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

Ketua Penolong Setiausaha

Roosme binti Hamzah
Zamani bin Haji Sulaiman
Haji Mustakin bin Salamat
Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha

Haji Mustafa bin Abdul Rahman
Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Zaiton binti Yaacob
Abd. Talip bin Hasim
Noorhazmah binti Hamzah
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Nurziana binti Ismail
Noor Effarizan binti Mat Satib
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Marzila binti Muslim
Syed Azuddin bin Syed Othman
Habibunisah Mohd. Azir
Abu Bakar bin Hasan

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
MESIN CETAK**

Kamal bin Oyub
Haji Latif bin Ismail
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

JURUBAHASA SERENTAK

Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman
Mazidah binti Mohamed
Hajah Paizah binti Haji Salehuddin

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Zakaria bin Salleh
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah
Lt Kol (B) Mohamed Nor bin Mohd. Darus

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
KOMPUTER**

Mohd Shah bin Rahman
Sulaiman bin Sirad
Azzahar bin Hashim

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
PERUNDANGAN**

Mohd. Shariff bin Hussein
Azmi bin Othman
Zafniza binti Zakaria
Mohd. Sidek bin Mohd. Sani
Mazlina binti Ali
Norlaila binti Abdullah Sidi
Alias bin Mohd. Nor

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Isnin, 24 Jun 2002****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan majlis*]**UCAPAN TAKZIAH****Ucapan Takziah Kepada Balu dan Keluarga Allahyarham
Datuk Haji Fadzil bin Md. Noor
atas Kembalinya Allahyarham ke Rahmatullah**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan perasaan yang amat sedih saya membuat pengumuman bahawa pada pagi kelmarin 23 Jun 2002 jam 10.30 pagi maka terpulangkan ke rahmatullah seorang rakan kita Allahyarham Dato' Fadzil bin Md. Noor, Ketua Pembangkang dan juga Presiden Parti Islam Se-Malaysia.

Pemergiannya beliau itu adalah dengan tidak disangka-sangka kerana seminggu sebelumnya beliau telah pun dikatakan sedang beransur sembuh. Semasa saya dan rakan-rakan saya melawatnya di hospital pada hari Isnin lepas, saya diberitahu dia boleh membuka matanya bila namanya dipanggil, pada masa itu kita berharap beliau akan segera sembuh dan balik bersama kita dalam dewan ini tidak lama lagi. Tetapi begitulah lumrah alam ini kita manusia merancang dan berikhtiar dan Allah Yang Maha Kuasa juga yang melaksanakannya.

Allahyarham adalah seorang yang gigih menjalankan tugas-tugasnya yang diperlukan ke atasnya. Semenjak beliau menjadi Ahli Parlimen dari hujung tahun 1999 beliau menghadiri mesyuarat Dewan Rakyat dengan rajin dan telah berjaya menjalankan tugas-tugasnya sebagai Ketua Pembangkang dengan berdedikasi dan cukup berkesan.

Saya mengenali beliau semenjak dari Kedah lagi, perangnya amat merendah diri tetapi tegas pendiriannya. Penyabar orangnya dan dapat mendengar fikiran orang lain dan memberi fikirannya sendiri dengan tenang. Beliau mengatur percakapannya dengan suara rendah dan bertutur dengan perlahan-lahan. Saya tidak pernah melihat beliau menunjukkan kemarahan atau menunjukkan kekasaran terhadap sesiapa semasa berbahas di dalam dewan ini.

Pemergiannya menjadi satu kerugian kepada Parlimen dan juga kepada partinya, lebih-lebih lagi kepada keluarganya yang kehilangan tempat bergantung dan tempat mereka mendapat tunjuk ajar dan nasihat.

Saya bagi pihak ahli-ahli Dewan yang mulia ini dan bagi pihak Parlimen keseluruhannya dan bagi pihak saya sendiri dan timbalan-timbalan speaker dan semua warga Parlimen dengan ini mengucapkan setinggi-tinggi takziah kepada balunya Yang Berbahagia Datin Siti Khatijah Ibrahim, anak-anaknya dan kesemua kaum keluarganya. Kita berdoa moga-moga Allah S.W.T akan mencucuri rahmat ke atas rohnyanya dan menempatnya di antara roh orang-orang yang soleh.

Saya dengan ini mengarahkan isi-isi takziah ini dirakamkan dan disimpan dalam arkib Parlimen ini dan satu salinannya dihantarkan kepada balunya. Sekarang saya memohon Ahli-ahli Yang Berhormat dan kesemua yang berada di dalam Dewan yang mulia ini bangun, orang-orang yang beragama Islam di minta membaca Al-Fatihah untuk dihadiahkan kepada Allahyarham dan orang-orang yang bukan Islam bertafakur selama dua minit untuk mengingati jasanya.

[Dewan bertafakur selama dua minit. Ahli-ahli Yang Berhormat beragama Islam membaca surah Al-Fatihah]

Terima kasih.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Tuan Yang di-Pertua, seperti Tuan Yang di-Pertua nyatakan tadi negara kita baru menghadapi satu suasana yang agak luar biasa di hujung minggu dan kesempatan ingin saya mengambil, pertama BBC menyokong usul Tuan Yang di-Pertua, mengucapkan takziah kepada keluarga Ahli Parlimen Ketua Pembangkang dan juga kepada Parti PAS di atas kehilangan pemimpin mereka dan kita mohon supaya roh beliau dicucuri rahmat oleh Allah S.W.T dan kita sokong benar pandangan Tuan Yang di-Pertua tadi yang kita telah kehilangan seorang rakan di dewan yang mulia ini.

Pada masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengemukakan soalan saya negara juga amat terkejut sekali dengan pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang ingin menarik diri daripada jawatannya tetapi kita bersyukur kepada Allah S.W.T, beliau atas rayuan Majlis Kerja Tertinggi UMNO dan seluruh rakyat Malaysia menarik balik pengumuman beliau dan kita menzahirkan terus sokongan beliau supaya terus memimpin kita [*Tepuk*] dan kita juga berbangga usaha Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang menangani perkara ini di hujung minggu dengan baiknya. Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya berterima kasih.

Soalan saya soalan nombor satu.

1. **Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]** minta Menteri Pertahanan menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk menarik lebih ramai bilangan graduan yang menganggur untuk menyertai perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia.

Menteri Pertahanan [Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat di antara program-program yang dilaksanakan untuk menarik lebih ramai bilangan graduan yang menganggur untuk menyertai ATM adalah seperti berikut:

- (i) Mengadakan pameran dan ceramah kerjaya ATM di seluruh negara dengan kerjasama pertubuhan-pertubuhan sukarela Kementerian Pendidikan dan institusi pengajian tinggi dan juga di pusat-pusat membeli-belah seperti di KL Suria yang telah diadakan pameran baru-baru ini.
- (ii) Memberi pendedahan umum terhadap organisasi ATM, peluang kerjaya dan lain-lain kemudahan yang terdapat di dalam ATM.
- (iii) ATM sentiasa memperluaskan program pengambilan anggota-anggota tentera dengan menyiarkan iklan pengambilan untuk pegawai dari masa ke semasa di dalam akhbar-akhbar tempatan. Sebagai galakan untuk menarik minat para graduan yang menganggur, ATM dari masa ke semasa telah memperbaiki syarat-syarat dan kemudahan yang ada seperti berikut:
 - (a) Bagi calon-calon yang mempunyai kelulusan ijazah dengan kepujian, kalau dulu diberi pangkat leftenan, sekarang ini akan mendapat pangkat kapten sementara bagi mereka yang memiliki diploma akan ditauliahkan dalam pangkat leftenan
 - (b) Pemberian elaun perjalanan, perumahan, pakaian serta kemudahan-kemudahan yang sedia ada selaras dengan keadaan semasa. Selain dari itu elaun teknikal juga diberi kepada kepakaran-kepakaran yang diiktiraf.
 - (c) Memberi gaji penuh kepada anggota tentera yang melanjutkan pelajaran di peringkat ijazah seperti yang telah diumumkan baru-baru ini

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kebelakangan ini pemegang-pemegang ijazah telah menunjukkan minat yang lebih untuk menyertai ATM sebagai contoh ekoran dari iklan pengambilan yang disiarkan di akhbar-akhbar tempatan pada bulan

Februari tahun 2002, pihak ATM telah menerima sebanyak 700 permohonan untuk menyertai Skim Pegawai Graduan Tugas Am dan ikhtisas.

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pertahanan di atas jawapan tadi. Sebagai seorang bekas penjawat di dalam ATM saya merasa bangga dan terima kasih kepada kerajaan, di atas usaha untuk menggalakkan graduan menyertai ATM. Bagi saya satu cara yang amat baik untuk meningkatkan lagi, dengan izin, kapasiti dan *capability* terutama dari segi profesionalisme dan penggunaan teknologi tinggi dan canggih, saya mencadangkan satu cara alternatif untuk meningkatkan lagi penyertaan graduan dalam ATM. Menerusi penubuhan satu skim khidmat ketenteraan negara, menerusi skim ini siswazah terutamanya yang sedang menggantung akan diwajibkan untuk menyertai ATM, memberi khidmat ketenteraan kepada negara selama dua atau tiga tahun. Siswazah selain daripada mendapat kemudahan dapat juga berbakti kepada negara di samping meningkatkan jadi diri. Sudah tamat ATM, siswazah terbabit diberi pilihan untuk memanjangkan lagi tempoh kontrak, apakah pendapat kementerian di atas cadangan ini? Terima kasih.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kerajaan telah melancarkan skim latihan untuk para graduan yang menggantung. Skim ini dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam secara menyeluruh, pada masa sekarang ini kita tidak ada cadangan untuk ATM melakukan latihan seperti mana yang telah dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Soalan tambahan. Seperti mana yang kita mengetahui golongan profesional ini biasanya dan sebahagian besarnya tidak begitu arif dari segi sudut pentadbiran di jabatan-jabatan dan kita mengetahui juga sebahagian besar di Jabatan Kerja Raya, JPS, hospital dan sebagainya dia melantik pegawai tadbir di jabatan mereka. Apakah kerajaan tidak bercadang untuk melantik seberapa ramai siswazah menggantung ini berada di dalam perkhidmatan angkatan tentera tetapi mereka ini tidak dianggap sebagai, atau tidak serupa dengan tentera-tentera yang lain tetapi mereka ini hanya sebagai pegawai tadbir di dalam angkatan tentera. Apakah kerajaan tidak bercadang untuk mengambil seberapa banyak yang dapat?

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, masalah graduan yang menggantung ini perlu ditangani secara menyeluruh tidaklah dibebankan kepada ATM semata-mata, jadi pada masa sekarang ini kerajaan memikirkan bahawa skim latihan graduan yang menggantung yang dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam adalah memadai untuk menampung masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Lee Kah Choon.

2. **Tuan Lee Kah Choon [Jelutong]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan bagaimana kementerian dapat memastikan dakwaan/keterangan yang didapati di'label' barangan adalah benar dan tidak mengelirukan (*mislead*) pengguna.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna [Dato' S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini, terdapat beberapa undang-undang yang dikuatkuasakan oleh kerajaan berhubung dengan pelabelan ke atas barangan. Di bawah perundangan yang dikuatkuasakan oleh kementerian saya, pengawalseliaan ke atas pelabelan barangan dibuat mengikut Perintah Kawalan Harga (Pelabelan oleh Pekilang, Pengimport, Pengeluar atau Penjual Borong) 1980 yang mana mewajibkan semua barangan tersedia bungkus dilabelkan dengan maklumat-maklumat asas sewajarnya. Pekilang dan peniaga adalah bertanggungjawab menentukan kesahihan maklumat-maklumat tersebut dan juga perihal dagangan lain yang dilabelkan pada sesuatu barangan. Tindakan boleh diambil di bawah Akta Perihal Dagangan 1972 jika pelabelan atau perihal dagangan itu palsu, mengelirukan atau boleh mengelirukan.

Bagi memastikan pengguna tidak tertipu atau dikelirukan dari aspek pelabelan ini, kementerian secara konsisten menjalankan pemeriksaan proaktif bagi mengesan dan menentukan kesahihan sesuatu pelabelan itu. Di samping itu, pemeriksaan berbentuk reaktif juga dibuat berasaskan aduan-aduan yang diterima daripada pengguna dan pihak industri. Pada tahun 2001, kementerian telah mengambil 2,385

tindakan kes melibatkan penyitaan barang-barang bernilai kira-kira RM2.98 juga di bawah Perintah Kawalan Harga (Pelabelan oleh Pekilang, Pengimport, Pengeluar atau Penjual Borong) 1980 manakala 2,219 tindakan kes diambil di bawah Akta Perihal Dagangan 1972 melibatkan penyitaan barang-barang bernilai kira-kira RM10.7 juta.

Selain daripada tindakan penguatkuasaan oleh kementerian saya, pengawalseliaan ke atas pelabelan juga dijalankan oleh pihak Kementerian Kesihatan khusus berhubung dengan barang-barang makanan. Ini termasuklah penandaan tarikh luput serta pelabelan berkaitan kandungan bahan-bahan makanan.

Tuan Lee Kah Choong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Walaupun kita mempunyai banyak undang-undang untuk mengawal *labelling*, tetapi kita masih mempunyai banyak produk yang dilabel sebagai *sugar-free*, *caffeine free*, *cholesterol free* dan baru-baru ini, *slimming pills* yang diharamkan di Amerika Syarikat, dijual di negara kita sebagai pil herba. Soalan tambahan saya adalah, apakah tindakan penguat kuasa yang *preemptive*, yang boleh diambil oleh kementerian supaya kejadian yang tidak diinginkan dapat dielakkan. Sekian, terima kasih.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjelaskan bahawa ada dua jenis kawalan, dua jenis undang-undang dan juga penguatkuasaan. Yang pertama, dari segi barang-barang makanan dan satu lagi adalah barang-barang bukan makanan. Dari segi barang-barang makanan dan juga barang-barang yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dalam soalan seperti produk-produk *cholesterol free*, *slimming pills* dan sebagainya, adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kesihatan, yang mempunyai undang-undang khas dan juga termasuklah tarikh luput dan juga pihak kementerian mempunyai kuasa di bawah undang-undang tersebut untuk mengambil tindakan terhadap perkara-perkara ini.

Kalau Ahli Yang Berhormat maklum bahawa, mengenai *slimming pills* itu pun, Kementerian Kesihatan telah mengambil tindakan dan mengarahkan untuk menarik balik barang-barang itu daripada dijual di pasaran dan juga mereka, saya fikir menjalankan ujian terhadap barang-barang lain dari masa ke semasa.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, sejauh mana kepastian barang-barang yang diimport terutamanya barang makanan, umpamanya tomyam daripada Thailand, yang ia adalah halal atau sama ada kementerian juga bercadang untuk melabelkan, kalau hari ini ada label halal, juga barang-barang yang tidak halal untuk pengetahuan terutamanya bagi orang-orang Islam. Terima kasih.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, yang pertama, soalan itu pun adalah berkaitan dengan barang-barang makanan. Jadi, itu adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kesihatan. Tetapi, kalau pelabelan yang dikatakan barang-barang itu diimport, jika kita dapat maklumat bahawa barang-barang itu tidak diimport dan sebaliknya dibuat di tanah air kita ataupun di tempat selain daripada apa yang disebutkan di label, kita ada kuasa untuk mengambil tindakan dan kita telah pun mengambil tindakan terhadap barang-barang itu.

Satu lagi, adalah perkara halal. Buat masa sekarang, tanggungjawab tanda halal atau tidak halal, adalah diletakkan di atas pengeluar untuk menunjukkan barang itu halal atau tidak halal tetapi kalau ada tanda itu tidak benar dan sebaliknya, kita ada kuasa untuk mengambil tindakan dan kita juga sentiasa menasihati orang-orang yang beragama Islam supaya berhati-hati sebelum membeli barang-barang itu. Kalau khuatir, jangan beli, mengelakkan pembelian barang-barang itu.

[Soalan No. 3 - Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu) tidak hadir]

[Soalan No. 4 - Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) tidak hadir]

5. **Datuk Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz [Hulu Langat]** minta Menteri Pertahanan menyatakan berapakah kadar/bilangan anggota pasukan yang memohon bersara awal (5 tahun kebelakangan) dan adakah penganugerahan pangkat kapten untuk pemegang ijazah dan lepasan ATMA boleh menarik minat calon memasuki Anggota Tentera Malaysia.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah keseluruhan anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang mohon bersara awal dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini adalah seramai 66 orang berpangkat pegawai dan seramai 12,310 orang bagi lain-lain pangkat. Penganugerahan pangkat kapten kepada "sisca" ATMA serta calon-calon awam yang mempunyai ijazah dari IPTA tempatan dan luar negara, adalah merupakan salah satu usaha untuk menarik lebih ramai lepasan IPTA menyertai ATM. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kebelakangan ini, pemegang-pemegang ijazah telah menunjukkan minat untuk menyertai ATM.

Sebagai contoh, ekoran daripada iklan pengambilan yang disiarkan di akhbar-akhbar tempatan pada bulan Februari tahun 2002, pihak ATM telah menerima sebanyak 700 permohonan untuk menyertai skim pegawai graduan tugas am ikhtisas. Jumlah ini adalah sungguh menggalakkan. Ianya boleh disebabkan penganugerahan pangkat kapten untuk memegang-pemegang ijazah yang akan menyertai ATM.

Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berdasarkan jawapan Yang Berhormat Menteri dan juga jawapan yang pertama tadi, menunjukkan orang yang memohon untuk bersara awal ini banyak, kerana jawapannya tadi 12,000 orang. Apa yang saya khuatir, dengan memberikan pangkat kapten kepada *graduates* dan diploma kepada leftenan, ini akan memungkinkan atau menyekat peluang lain-lain pangkat - *rank and file* - untuk menjadi pegawai. Saya khuatir kalau dengan penyekatan ini, jumlah 12,000 ini akan bertambah. Jadi, apakah peluang kepada lain-lain pangkat ini untuk naik ke pangkat pegawai, supaya mereka juga tidak terus mengalir keluar berbanding dengan pegawai yang cuma 66 orang sahaja yang bersara. Terima kasih.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, bukan semua berpangkat lain-lain pangkat ini akan berakhir dengan pangkat pegawai. Hanya mereka yang layak sahaja, menepati kriteria yang agak ketat, boleh dinaikkan pangkat. Jadi, saya fikir bahawa langkah kita untuk menganugerahkan jawatan kapten kepada mereka yang mempunyai ijazah dengan kepujian, pada hakikatnya tidak akan menyekat peluang kepada mereka di kalangan lain-lain pangkat untuk dinaikkan pangkat bagi peringkat pegawai.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan soalan tambahan. Berdasarkan kepada jawapan Yang Berhormat Menteri, 12,000 orang yang memohon untuk bersara awal, satu jumlah yang cukup besar sebenarnya dan apakah sebab sebenarnya mereka ini memohon untuk bersara? Adakah kerana kebajikan di dalam tentera agak dinafikan?

Yang keduanya, kita lihat bahawa pesara-pesara ini, kebanyakan mereka merupakan orang-orang yang kemudiannya menjadi masalah kepada masyarakat terutamanya sebahagian besar tinggal di kawasan setinggan, berlakunya kes-kes yang melibatkan bekas pesara tentera dan kita juga melihat bahawa sebahagian daripada mereka merupakan pemandu-pemandu teksi yang terpaksa bekerja dengan syarikat-syarikat milik orang lain, dengan tidak diberikan peluang kepada mereka untuk memiliki teksi sendiri. Jadi, saya minta jawapan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak bercadang untuk memaksa seseorang itu untuk terus berkhidmat pada peringkat pegawai ataupun lain-lain pangkat dalam ATM sekiranya seseorang itu tidak berminat untuk meneruskan perkhidmatannya dalam ATM. Sebahagian daripada mereka yang memasuki ATM, sebenarnya daripada peringkat awal lagi telah mengatakan bahawa mereka sanggup untuk berkhidmat selama 10 tahun sahaja, 13 hingga 15 tahun atau sebagainya. Ini terpulang kepada pilihan masing-masing. Bukan semua yang bercadang untuk berkhidmat itu akan berkhidmat sampai mereka pencen ataupun tamat 21 tahun. Mereka boleh keluar mengikut peraturan yang sedia pakai pada masa ini dan sebab-sebab mereka keluar adalah banyak.

Antaranya ialah mereka hendak pengalaman sementara dalam ATM. Selepas itu, mereka hendak kerjaya di sektor swasta dan sebagainya. Dari segi kebajikan, pihak ATM dan Kementerian Pertahanan sedang menangani perkara ini dengan latihan-latihan yang diberikan oleh PERHEBAT dan juga dengan penubuhan Jabatan Hal-Ehwal Veteran dan juga kerjasama dengan kementerian-kementerian, agensi-agensi dan kerajaan-kerajaan negeri. Terima kasih.

6. **Datuk Goh Siow Huat [Rasah]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:-

- (a) adakah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan mewajibkan setiap Pengerusi/Presiden pertubuhan sukarela menandatangani cek-cek akaun pertubuhan itu sebagai satu prosedur biasa sesuatu pertubuhan sukarela; dan
- (b) bagaimana jika adanya berlaku kekeliruan akaun bagi kutipan derma awam dalam pertubuhan sukarela itu. Adakah pengerusi/presidennya perlu bertanggungjawab walaupun tidak menandatangani cek-cek pertubuhan sukarela itu.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Rasah. Jabatan Pendaftaran Pertubuhan tidak mewajibkan presiden ataupun pengerusinya secara sukarela menandatangani cek-cek bukan pertubuhan itu. Ini adalah tertakluk kepada undang-undang pertubuhan tersebut mengenai siapa yang berhak menandatangani cek-cek pertubuhan tersebut. Jika berlaku kekeliruan akaun, Jabatan Pendaftaran Pertubuhan akan meminta penjelasan daripada jawatankuasa pertubuhan yang berkenaan. Jawatankuasa pertubuhan adalah bertanggungjawab ke atas urusan kewangan pertubuhan khususnya ahli-ahli jawatankuasa yang diberi kuasa mengikut undang-undang pertubuhan yang berkenaan.

Dato' Goh Siow Huat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Adakah bagi setiap negeri, Jabatan Pendaftaran mempunyai juruaudit masing-masing dan dalam masa sepuluh tahun ini berapa kes penyelewengan wang awam berlaku? Apakah tindakan yang telah dijalankan? Sekian, terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Jawapan awal yang telah diberi oleh saya tadi ialah berkaitan dengan persoalan yang dibangkitkan sekali lagi. Semua pertubuhan-pertubuhan yang melibatkan kewangan sama ada kewangan pertubuhan itu ataupun pungutan daripada orang awam ataupun derma, perkara-perkara ini hendaklah mendapat kebenaran lebih awal daripada pihak yang berwajib. Setelah mendapat kebenaran itu barulah badan-badan yang berkenaan boleh memungut wang daripada sumber-sumber yang tertentu atau daripada orang awam.

Berkaitan dengan kekeliruan akaun kira-kira ataupun simpanan kira-kira yang dibuat oleh pertubuhan ini, sekiranya berlaku kekeliruan ataupun salah tafsiran yang dibuat oleh pertubuhan yang berkenaan dengan peraturan dan kemampuan yang ada dalam Jabatan Pertubuhan Pendaftaran ini, apabila didapati kesilapan dan kesalahan ini Jabatan Pendaftaran meminta pertubuhan-pertubuhan yang berkenaan untuk memberi penjelasan ataupun membetulkan perkara-perkara yang berkaitan.

Sekiranya atas permintaan dan nasihat ini tidak dibuat, pegawai-pegawai ataupun kakitangan jabatan yang berkenaan akan dipanggil untuk diberi penjelasan lebih lagi dan sekiranya tiada akta mengenai pertubuhan dalam perkara-perkara akaun kewangan ini, akan diambil tindakan.

7. **Dr. Maximus Johnity Ongkili [Bandau]** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan berapakah jumlah Pusat Giat Mara di seluruh negara setakat ini dan berapakah jumlah pendaftaran pelajar dalam tahun 2001 dan 2002. Seterusnya setakat manakah "*marketability*" para penamat yang dikeluarkan oleh Giat Mara khasnya di dalam sektor swasta.

Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Pusat Giat Mara telah beroperasi sejak tahun 1986 untuk mengendalikan program latihan kemahiran yang sesuai dengan keperluan setempat untuk jangka masa latihan di antara enam bulan hingga setahun. Setakat ini terdapat sejumlah 142 buah Pusat Giat Mara di seluruh negara. Jumlah pendaftaran pelatih Giat Mara bagi tahun 2001 adalah seramai 12,507 orang manakala untuk tahun 2002 setakat bulan Jun adalah seramai 8,108 orang.

Sejak beroperasi iaitu dari tahun 1986 hingga 2002, Pusat Giat Mara telah melatih seramai 91,912 orang. Dari segi *marketability* seramai 76,056 orang (83%) pelatih lepasan Pusat Giat Mara telah mendapat pekerjaan di sektor swasta dan kerajaan, 2,352 orang (3%) mengusahakan bengkel atau syarikat sendiri, 2,441 orang

(2%) telah menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi manakala bakinya sebanyak 11,263 orang (12%) baru menamatkan latihan mereka.

Dr. Maximus Johnnity Ongkili: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri atas maklumat yang begitu menyeluruh. Namun demikian, saya mempunyai satu soalan tambahan. Adalah dipandang umum bahawa para penamat-penamat Pusat Giat Mara ini seolah-olah dipandang begitu rendah berbanding dengan pusat-pusat latihan vokasional yang lain dan saya percaya ini adalah salah tanggapan.

Apakah usaha yang dibuat oleh pihak kerajaan untuk memapankan Pusat-pusat Giat Mara ini ataupun lepasan-lepasannya sebagai lepasan pelajar-pelajar program cemerlang supaya ia mendapat sambutan yang lebih luas mahupun daripada para bakal pelajar ataupun daripada pihak swasta dan seterusnya adakah pihak kerajaan pada masa yang sama melatih mereka ini membantu sekali gus untuk mendapatkan lesen-lesen sebagai usahawan muda khususnya mendapat seperti lesen PKK, lesen PPKF dan seterusnya. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, kalau daripada tanggapan orang ramai iaitu bahawa mereka ini dianggap sebagai pusat pengajian yang rendah tarafnya, itu ialah kerana sememangnya mereka terdiri daripada orang-orang yang ketinggalan dari segi pendidikan – dia berhenti semasa di Darjah 6 ataupun dia tidak lulus sewaktu ambil PMR. Jadi kita tidak boleh lari daripada tanggapan orang ramai iaitu bahawa ini merupakan sebuah institusi yang rendah kerana sememangnya orang yang kita ambil ini ialah orang-orang yang ketinggalan dari segi pendidikan akademik.

Walau bagaimanapun, kita tidak menganggap mereka sebagai tidak mempunyai harapan kerana kita semua tahu bahawa bumiputera ini salah satunya *late developer*; nombor dua, dia *good with their hands*, dia mungkin tidak cenderung kepada akademik tetapi dia bagus dengan *skill* tangan dan lain-lain lagi. Maka oleh kerana itu kita memberi ruang apabila mereka cemerlang sebagai contoh dia cemerlang dalam Pusat Giat Mara, dia keluar, saya sebut tadi iaitu bahawa ada yang melanjutkan pendidikan mereka dan mereka boleh pergi ke Institut Kemahiran Mara (IKM). Jadi dia boleh *graduate* daripada situ. Oleh kerana IKM ini merupakan sebuah institusi di bawah kementerian kita, kita boleh menentukan syarat kita sendiri, jadi kita boleh ambil dia untuk masuk IKM.

Kemudian pada 5 Julai ini, kita akan mengisytiharkan iaitu bahawa MARA telah pun diberi keizinan untuk mewujudkan sebuah universiti yang dipanggil Universiti Teknikal Mara. Jadi daripada Pusat Giat Mara mereka pergi ke IKM, kalau dia cemerlang, dia lulus, dia boleh melanjutkan pendidikannya terus pula ke Universiti Teknikal Mara. Bermakna bahawa mereka ada ruang untuk akhirnya mendapat ijazah. Jadi kita beri peluang kepada mereka, jadi tidaklah sebegitu gelap masa hadapannya.

Kemudian Yang Berhormat tanya berkenaan dengan bagaimana kita hendak memajukan Giat Mara ini. Saya ingin memaklumkan bahawa dalam Rancangan Malaysia Kelapan, kerajaan telah bersetuju untuk memberikan kepada setiap Giat Mara RM1 juta untuk mengubahsuai dan mengelokkan lagi Pusat-pusat Giat Mara yang ada sekarang. *Every constituency*, dengan izin, akan diberikan RM1 juta untuk memperbaiki Pusat Giat Mara yang ada sekarang. Kadang-kadang ada Pusat Giat Mara di bangunan-bangunan, tetapi hari ini kita hendak ada *specific action* untuk diambil supaya ianya merupakan sebuah institusi yang nampak, tidak seperti Yang Berhormat sebut tadi. Terima kasih.

Tuan Philip Benedict Lasimbang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tanya Menteri soalan tambahan, apakah kriteria untuk membina Pusat Giat Mara ini seperti di Sabah kita mempunyai masalah tanah dan sebagainya. Adakah kita akan membeli tanah persendirian untuk mempercepatkan pembinaannya? Apakah perbezaan nanti ataupun yang *significant* di antara Pusat Giat Mara dengan Kolej Komuniti yang bakal beroperasi tidak lama lagi, mungkin tahun hadapan? Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya jawab yang akhir dahulu. Kolej Komuniti ini terbuka kepada semua manakala Pusat Giat Mara untuk bumiputera sahaja. Jadi kerjanya sama cuma Pusat Giat Mara ini kita lebih menumpukan kepada keperluan tempatan. Giat Mara itu merupakan:

G	-	Golongan
I	-	Insaf
A	-	Anak
T	-	Tempatan

Jadi, itu maksudnya Giat Mara - Golongan Insaf Anak Tempatan di atas kesedaran apabila kita tengok ramai golongan bumiputera ini, anak-anak mereka tidak begitu cenderung kepada akademik, mereka banyak berkeliaran di kawasan masing-masing, maka ini menyebabkan kita merasa insaf sesuatu harus dilakukan kepada mereka. Oleh sebab itulah kita buat Pusat Giat Mara supaya kita hendak memastikan mereka ini akan diberikan dengan latihan yang diperlukan bagi kawasan tempatan itu.

Kalau di Penampang apa keperluan Penampang, kalau di Bandau apa yang diperlukan di Bandau? Saya hendak maklumkanlah di Bandau sudah ada, Penampang belum lagi. Jadi sebab itu kalau Yang Berhormat tanya apa bezanya di antara Komuniti Kolej dengan Pusat Giat Mara - Pusat Giat Mara pertamanya ia untuk bumiputera, Komuniti Kolej untuk semua. Keduanya ialah Pusat Giat Mara merupakan keperluan tempatan bukan keperluan nasional di mana kita memberikan latihan *skill* untuk keperluan tempatan. Kalau di tepi pantai kita suruh belajar *repair engine* sangkut atau lain-lain lagi.

Kemudian Yang Berhormat tanya apakah kriterianya. Oleh kerana kita hendak pastikan supaya Pusat Giat Mara ini bukan lagi dilihat sebagai sebuah pusat yang *ad hoc*, hendak buat, buat, cari tempat, katalah ikut 'dan' sahaja, buah di kedai atau apa, kita tidak mahu begitu. Oleh sebab itu, kriterianya ialah satu kawasan Parlimen satu Pusat Giat Mara dan oleh kerana kita hendak supaya Pusat Giat Mara ini satu pusat yang dianggap pusat yang baik, yang bukan dibuat secara *ad hoc* maka di bawah Rancangan Malaysia Kelapan kita akan mendapat RM1 juta bagi satu kawasan Parlimen untuk memperbaiki atau buat yang baru.

Maka oleh kerana itu keperluannya sekarang kalau Yang Berhormat tanya saya, kalau dahulu kita ikut suka sahaja ambil kerana keputusan yang *ad hoc*, tetapi sekarang oleh kerana kita merancang kita perlu sekurang-kurangnya tiga ekar supaya kita akan boleh membina bengkel dengan baik, dengan elok. Jadi sekarang ini kalau Yang Berhormat tanya, kita hendak sekurang-kurangnya tiga ekar. Jadi kalau kawasan Yang Berhormat Penampang, saya tengok Penampang belum ada lagi, bolehlah buat, cari tanah tiga ekar, kita buat yang canggih sedikit untuk orang tempatan. Penampang pun dalam bandar sebenarnya di Kota Kinabalu. Di Sabah ada 15, bermakna kita ada lima lagi kawasan yang belum dibina dengan Pusat Giat Mara.

8. **Tuan Lim Hock Seng [Bagan]** minta Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia menyatakan garis panduan pembinaan stesen pemancar telefon bimbit. Adakah garis panduan baru ini akan menyenangkan kekhawatiran rakyat terhadap kesan buruk kesihatan dan bagaimana ia boleh meyakinkan rakyat.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Tuan Chia Kwang Chye]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, garis panduan yang baru berkaitan pembinaan menara telekomunikasi dan struktur stesen pemancar telekomunikasi, pihak berkuasa tempatan telah diluluskan oleh Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) yang telah bermesyuarat pada 8 April 2002. Garis panduan baru ini menggantikan garis panduan yang dilaksanakan pada tahun 1996. Ianya adalah lebih lengkap dan menetapkan ukuran jarak secara teliti antara semua menara dan sistem telekomunikasi dengan bangunan terdekat.

Berkenaan dengan kekhawatiran orang ramai, sebenarnya ia tidak berasas kerana banyak kajian di dalam dan di luar negara yang telah dijalankan menunjukkan bahawa tiada terdapat bukti kukuh pancaran menara dan struktur sistem pemancar telekomunikasi boleh membahayakan kesihatan manusia. Misalnya, kajian yang dijalankan oleh Jawatankuasa Bersama Agensi-agensi Sains Malaysia, Kementerian Kesihatan pada tahun 1996, jawatankuasa itu dianggotai oleh agensi-agensi kerajaan seperti Lembaga Pelesenan Tenaga Atom, Institut Penyelidikan Teknologi Nuklear Malaysia (MINT), universiti-universiti dan SIRIM Berhad.

Seterusnya ialah kajian khas MINT pada tahun 2001 dan juga kajian yang dijalankan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia, dengan izin, World Health Organization dan sebagainya.

Banyak lagi kajian yang telah dijalankan oleh pakar ahli akademik dan pertubuhan terutama di peringkat antarabangsa menghasilkan kesimpulan yang sama. Ingin dijelaskan bahawa garis panduan baharu telah disediakan dengan mengambil kira hasil-hasil kajian yang tersebut tadi, terutamanya hasil kajian WHO daripada mana ukuran jarak jauh antara menara dan struktur dengan bangunan terdekat diguna pakai dalam garis panduan ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Walaupun Yang Berhormat berulang kali berkata bahawa ia tidak akan memudaratkan kesihatan tetapi dalam dua, tiga hari yang lepas ada berita dalam surat khabar berkata, ia ada kesan membahayakan kesihatan dan juga ada orang-orang di Amerika menuntut kerugian atau menuntut di mahkamah beratus-ratus juta ringgit.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, dalam garis panduan yang baru, jarak dari stesen pemancar ini khasnya pemancar ini di atas bumbung, berapa jauh jaraknya ke rumah-rumah kediaman? Dan bolehkah garis panduan ini dibekal pada setiap hari Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, supaya mereka boleh menerangkan kepada pengadu-pengadu yang ramai mengadu kepada - saya yakin - kepada banyak Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini?

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, adalah benar bahawa kerap kali ditanya dan kerap kali jawapan saya masih sama dan saya kata bahawa tiada bukti yang kukuh yang menyatakan bahawa pemancaran menara telekomunikasi boleh mengancam kesihatan manusia dan ini terbukti daripada beberapa kajian yang dijalankan oleh beberapa agensi di dalam negara Malaysia ataupun agensi-agensi antarabangsa seperti World Health Organization dan termasuk lain-lain agensi seperti *Radioactive Protection Board*, dengan izin.

Tetapi nampaknya Ahli Yang Berhormat tidak mahu menerima kajian-kajian yang telah dijalankan, oleh sebab itu susah kalau kerap kali bertanya jawapan pun sama, oleh kerana saya seperti ada satu jawapan yang konsisten. Kalau ada bukti yang lain atau kajian yang lain, bolehlah jawapan yang baru diberi.

Saya tidak menafikan bahawa baru-baru ini adalah laporan di surat khabar, bahawa ada dua saintis yang mengatakan kemungkinan ada buktinya di mana kegunaan telefon bimbit boleh menjejaskan kesihatan, tetapi laporan ini belum dibentangkan di mana-mana persidangan dan belum dicetakkan dalam mana-mana *journal* dan sebagainya, dan belum diterima oleh agensi seperti World Health Organization dan lain-lain agensi yang boleh mengiktirafkan kajian itu.

Berkenaan dengan garis panduan jarak di antara menara telekomunikasi dan bangunan terdekat, ini terpulang kepada jenis yang digunakan atau jenis bangunan sama ada jenis industri, komersial atau jenis kediaman serta terpulang kepada tingginya menara itu, sama ada kurang daripada 40 meter atau lebih daripada 45 meter.

Jadi, jaraknya adalah antara lima meter sehingga 30 meter. Jadi, kalau menara itu tingginya kurang daripada 45 meter kalau dekat dengan kediaman ialah 20 meter dan kalau dekat dengan komersial ialah 10 meter dan kalau bangunan industri ialah lima meter. Kalau menara itu lebih dari 45 meter, untuk kediaman ialah 30 meter, untuk komersial ialah 20 meter dan untuk bangunan industri ialah 10 meter. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, selamat pagi dan *good morning*.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada dua masalah yang timbul daripada penggunaan telefon ini, yang pertama dari segi kesihatan terutama kesihatan pendengaran; guna telefon bimbit yang pakai sumbat di sini [*menunjukkan telinganya*], ini mengganggu pendengaran. Saya tidak tahu kaji khusus dalam masalah pendengaran, adakah kementerian buat. Dia bukan kesihatan lain, tetapi yang mengganggu ini orang belum tua sudah tidak dengar sangat, kerana umurnya 20 tahun asyik menggunakan telefon itu sahaja. Jadi dari segi kesihatan telinga ini saya tidak tahu kementerian ini adakah membuat kajian.

Seterusnya adakah kementerian juga mengawal sedikit kelulusan telefon bimbit ini? Saya tidak tahu dari segi kelulusan kegunaan kod nombor 0123 – 19

akhirnya pengguna pun tidak dapat mengguna dengan baik kerana terlampau banyak kelulusan diberikan dalam penggunaan telefon bimbit ini. Jadi, adakah Kementerian bercadang untuk mengkaji semula kelulusan ini?

Dan di samping itu akhirnya adakah Kementerian dengan sebab ada gangguan kesihatan ini menurunkan sedikit harga sewa bulanan telefon ini. Saya ingat banyak orang yang sudah pakai, harga sedikit tidak mengapa, tetapi dapat untung banyak. Macam mana pandangan Kementerian? Adakah bersetuju dengan cadangan saya ini? Sila jawab.

Tuan Yang di-Pertua: Setujulah ya. *[Ketawa]*

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab soalan Ahli Yang Berhormat bagi Tebrau berkenaan dengan sama ada boleh diedarkan kepada semua Ahli Yang Berhormat, ini tidak ada masalah kerana ini garis panduan telah diluluskan, tetapi saya kena menunggu percetakan daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya bukan seorang pakar atau doktor, kerana ada kedengaran dari segi hasil. Ini tidak ada berkaitan dengan gelombang (*frequency*). Kalau orang mendengar dengan walkman dan sebagainya, *eardrums* ini boleh menjadi longgar kadang-kadang. Boleh jadi ada masalah dari segi pendengaran ini, tidak berkenaan dengan frekuensi ataupun telefon bimbit ini, berkenaan dengan kelantangan atau *the loudness*, dengan izin.

Berkenaan dengan nombor-nombor 201 dan sebagainya yang boleh membawa kekeliruan, ini adalah hasil daripada pendekatan industri telekomunikasi di mana diberi pilihan (*choice*) kepada pengguna. Dahulu adalah satu taraf monopoli dan sekarang ada diberi pilihan kepada pengguna, di mana pengguna ada pilihan yang mana perkhidmatan yang baik mungkin boleh mereka menerima atau memilih sistem yang mana mereka pilih iaitu setakat ini tidak ada apa-apa rancangan lagi untuk menjelaskan di mana pilihan dikurangkan. Ini terpulang kepada syarikat-syarikat yang memberi perkhidmatan. Sekian, terima kasih.

9. **Tuan Thong Fah Chong [Ipoh Timur]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan apakah kadar pengangguran di negara kita setakat ini dan bilangan pertambahan pekerjaan sejak awal tahun 2002.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, kadar pengangguran di Malaysia pada tahun 2002 adalah 3.9%, maknanya, dengan izin, *full employment*.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh Januari hingga Mei 2002 jumlah jawatan kosong baru yang dilaporkan oleh majikan adalah sebanyak 55,272 jawatan. Jumlah ini meningkat sebanyak 12.4% jika dibandingkan dengan tempoh yang sama tahun lepas.

Secara keseluruhannya jumlah jawatan kosong yang dilaporkan menunjukkan trend yang turun naik dalam tempoh lima bulan pertama tahun 2002. Diharapkan peluang-peluang pekerjaan akan terus meningkat seiring dengan pemulihan ekonomi negara.

Tuan Thong Fah Chong: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan, kerajaan telah melaksanakan program khas untuk melatih para graduan menganggur. Sejauh manakah program ini efektif dan berkesan dalam meningkatkan kemahiran graduan agar mereka akan mendapat kerja? Ataupun adakah para graduan sendiri yang terlalu memilih jenis atau bidang kerja yang ditawarkan?

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan daripada Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Timur.

Antara sebab-sebab mengapa pengangguran yang berlaku khususnya di kalangan siswazah seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, ingin juga saya maklumkan di Dewan yang mulia ini, antara sebab-sebab tambahan yang boleh kita fikirkan bersama. Mengikut laporan-laporan daripada majikan adalah: Pertama, kekurangan peluang-pekerjaan dalam waktu ekonomi yang sedang pulih, kerana kebanyakan syarikat mengambil langkah berhati-hati sewaktu melakukan

pengambilan pekerja. Sikap mereka ini akan menyebabkan kurangnya permintaan untuk siswazah dan seterusnya menyebabkan pengangguran.

Tambahan pula, kewujudan lebih banyak institusi-institusi pengajian tinggi sejak akhir-akhir ini yang menyebabkan jumlah siswazah yang keluar pada setiap tahun meningkat. Peningkatan pengeluaran siswazah tidak seiring dengan pertambahan peluang pekerjaan. Ekoran daripada, dengan izin, *uncertainty* dalam pertumbuhan ekonomi dunia menyebabkan ramai juga siswazah yang menganggur.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu, kebanyakan majikan pada ketika ini, oleh kerana banyak siswazah menganggur, mereka mempunyai pilihan dan biasanya majikan akan memilih pekerja-pekerja yang betul-betul terlatih dan mempunyai sedikit pengalaman. Justeru itu, umpamanya proses *interview* yang dijalankan untuk memilih para pekerja yang diperlukan oleh majikan selalunya berasaskan kepada keupayaan dan keterampilan siswazah itu sendiri. Jadi ia bukan sahaja berasaskan kepada *interview* tetapi sebelum *interview* majikan biasanya akan cuba mencungkil kemahiran-kemahiran tertentu di kalangan siswazah.

Ekoran daripada itu, kementerian Kerajaan Barisan Nasional selepas peristiwa September 11 - sebelas hari selepas itu - Perdana Menteri mengumumkan satu pakej yang tergulung dalam *preemptive* di mana lebih kurang RM300 juta diperuntukkan bagi menangani isu-isu yang berkaitan dengan siswazah menganggur.

Ingin saya maklumkan dalam Dewan ini bahawa *response* yang begitu baik telah diberikan oleh graduan setakat 11 Jun 2002. Seramai 7,529 graduan telah diluluskan bagi mengikut latihan di bawah skim latihan graduan yang dianjurkan oleh Pembangunan Sumber Manusia Berhad yang melibatkan perbelanjaan RM57.24 juta. Kursus-kursus ini adalah meliputi kursus yang sangat berkaitan dengan sistem teknologi maklumat yang merangkumi dua *module* dan juga kita berikan keperluan kepada siswazah menganggur untuk meningkatkan tahap komunikasi mereka dengan memberi peluang mereka untuk mengikuti kursus-kursus bahasa Inggeris selama enam bulan sepenuh masa.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Beluran.

Tuan Ronald Kiandee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Industri perladangan menawarkan banyak peluang pekerjaan kepada penganggur-penganggur negara tetapi lebih kerap daripada tidak. Tawaran kerja ini tidak diambil disebabkan oleh keselesaan dan juga faktor gaji yang rendah.

Saya ingin tahu apakah *progress* dan juga tindakan yang akan diambil oleh kementerian untuk menangani isu gaji ini sebagai satu faktor yang menghalang penganggur daripada menyertai industri perladangan, agar indeks pengangguran negara ini dapat dikurangkan dengan menampung mereka ini, membawa mereka ini untuk masuk dalam industri bekerja dalam industri perladangan. Terima kasih.

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan daripada Yang Berhormat bagi Beluran. Kawasan dia saya sudah pergi. Tuan Yang di-Pertua memang penuh dengan ladang-ladang dan ladang hutan. Jadi terima kasihlah keprihatinannya. Sebenarnya kalau kita merujuk kepada kerja-kerja kosong lebih daripada 70% kerja kosong berkait rapat dengan sektor perladangan.

Faktor gaji rendah merupakan salah satu faktor yang membuatkan pekerja-pekerja tempatan tidak berminat dalam sektor tersebut, tapi kalau kita merujuk kembali, kalau kita *study* secara *detail* sebenarnya, gaji dalam sektor perladangan ini bukan merupakan faktor utama kenapa *the locals* - dengan izin - tidak berminat.

Sektor perladangan dilihat sebagai kerja yang tidak *glamour*, kerja di satu kawasan pedalaman, tidak terdedah kepada pembangunan-pembangunan yang begitu dekat dengan anak muda, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, sebenarnya kalau dilihat bekerja di ladang ini kategori kerja-kerja yang saya katakan dahulu 3D Tuan Yang di-Pertua, kerja-kerja yang susah, *difficult jobs*, *dangerous jobs* dan juga *dirty jobs*.

Jadi, ini tidak menarik minat anak-anak muda, walaupun pelbagai kemudahan diberikan seperti rumah percuma, bekalan elektrik dan api juga dibayar oleh majikan, tapi masih tidak dapat menarik minat anak-anak muda. Faktor gaji masih kita serahkan kepada, umpamanya sebab Yang Berhormat sudah tanya, gaji mereka yang bekerja

di sektor ladang, kelapa sawit sudah selesai, cuma sekarang ini Yang Berhormat Menteri telah merujuk kes tersebut ke Mahkamah Perusahaan kerana perundingan di antara dua pihak ini menemui jalan buntu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

[Soalan No.10 - Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit) tidak hadir]

[Soalan No. 11 - Tuan Jacob Dungau Sagan (Baram) tidak hadir]

[Soalan No. 12 - Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali (Parit Buntar) tidak hadir]

[Soalan No. 13 - Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad (Parit Sulong) tidak hadir]

14. **Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop [Alor Gajah]** minta Perdana Menteri menyatakan bilakah urusan persempadanan semula bahagian-bahagian pilihan raya dijangka siap dan adakah ianya sempat diguna pakai dalam pilihan raya umum akan datang.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Tanjong Aru pada 27 Jun 2002 kerana ianya menyentuh isu-isu yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat urusan persempadanan secara rasmi seperti mana yang diperuntukkan oleh Fasal (9) Perkara 113 dalam Perlembagaan Persekutuan dijangka akan dimulakan pada bulan Julai, Ogos 2002 yang akan datang.

Kriteria persempadanan bagi satu-satu kawasan pilihan raya adalah seperti mana yang telah ditetapkan oleh Bahagian 1, Jadual Ketigabelas, Perlembagaan Persekutuan, antaranya termasuklah perseimbangan jumlah pemilih bagi kawasan yang terletak di bawah kategori keadaan dan fizikal yang sama. Kemudahan-kemudahan pentadbiran, kemudahan mengundi, kesulitan-kesulitan di sesuatu bahagian pilihan raya berkenaan dan menjaga supaya hubungan tempatan tidak terputus.

Mengenai pertanyaan bilakah urusan persempadanan dijangka siap. Ianya tidak dapat ditentukan kerana ianya melibatkan pelbagai peringkat pentadbiran dan undang-undang. Mengikut peruntukan Perlembagaan Persekutuan, Suruhanjaya Pilihanraya diberi masa untuk menyelesaikan urusan persempadanan dalam jangka masa dua tahun sebaik sahaja ianya dimulakan.

Ini bermakna Suruhanjaya Pilihanraya mempunyai masa hingga bulan Julai ataupun Ogos tahun 2004, jika ia memulakan urusan persempadanan pada bulan Julai atau Ogos tahun 2002. Persoalan sama ada ianya boleh diguna pakai pada pilihan raya umum akan datang, ianya bergantung kepada bilakah Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri dibubarkan. Jika ianya dibubarkan selepas urusan persempadanan diluluskan oleh Dewan Rakyat dan mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong maka persempadanan baru bolehlah digunakan.

Mengenai pertanyaan Yang Berhormat bagi Tanjong Aru berhubung dengan kriteria yang diambil kira dalam proses persempadanan di Sabah, ianya adalah mengikut Bahagian 1, Jadual Ketigabelas, Perlembagaan Persekutuan yang telah dinyatakan di atas.

[Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG AHLI PARLIMEN (SARAAN) (PINDAAN) 2002****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****11.06 pagi**

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bagi meminda Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 dibacakan bagi kali yang kedua. Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 ialah akta untuk membuat peruntukan mengenai saraan bagi Ahli Parlimen, Ahli Dewan Negara dan Ahli Dewan Rakyat. Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, anggota pentadbiran, Ketua dan Timbalan Ketua Dewan Rakyat dan Ketua Pembangkang dan lain-lain perkara berkaitan dengannya.

Tujuan rang undang-undang ini ialah untuk meminda seksyen 3, 4 dan 6 Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 bagi menaikkan saraan sebanyak 10% daripada kadar diterima sekarang berkuat kuasa pada 1 Januari 2002. Ini adalah selaras dengan kenaikan gaji kakitangan kerajaan seperti yang telah diluluskan oleh Parlimen sebelum ini.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 1(1) dan (2) rang undang-undang adalah mengenai nama rang undang-undang yang dipinda iaitu Akta Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) 2002 dan tarikh berkuatkuasanya iaitu pada 1 Januari 2002. Fasal 2 rang undang-undang ini bertujuan meminda seksyen 3 Akta ibu.

Fasal 2(a)(i) mencadangkan elaun bulanan bagi Ahli Dewan Negara dinaikkan daripada RM3,399 kepada RM3,738.90 sen.

Fasal 2(a)(ii) mencadangkan elaun bulanan Ahli Dewan Rakyat dinaikkan daripada RM5,379 kepada RM5,916.90 sen.

Selain dari itu Fasal 2(b) pula mencadangkan elaun bulanan Ketua Pembangkang dinaikkan daripada RM3,179 kepada RM3,496.90 sen.

Fasal 3 Rang Undang-undang bertujuan meminda seksyen 4 Akta ibu iaitu mengenai gaji Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

Fasal 3 (a) mencadangkan gaji bulanan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dinaikkan daripada RM11,752 kepada RM12,927.20 sen.

Manakala Fasal 3(b) pula mencadangkan gaji Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dinaikkan daripada RM8,000 kepada RM8,800.

Fasal 4(a) rang undang-undang adalah bertujuan bagi meminda seksyen 6(i) Akta ibu iaitu mengenai gaji anggota pentadbiran iaitu seperti berikut.

Fasal 4(a)(i) mencadangkan gaji Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dinaikkan daripada RM18,865 kepada RM20,751.50 sen.

Fasal 4(a)(ii) mencadangkan gaji Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dinaikkan kepada RM15,015.00 kepada RM16,516.50 sen.

Fasal 4(a)(iii) mencadangkan gaji Yang Berhormat Menteri dinaikkan daripada RM12,320 kepada RM13,552.00.

Fasal 4(a)(iv) mencadangkan gaji Yang Berhormat Timbalan Menteri dinaikkan daripada RM8,965 kepada RM9,861.50 sen.

Fasal 4(a)(v) mencadangkan gaji Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dinaikkan daripada RM5,940 kepada RM6,534.00.

Fasal 4(b) dan (c) rang undang-undang pula adalah bagi meminda seksyen 6(iii) dan (iv) Akta ibu iaitu mengenai elaun Ketua Dewan Rakyat dan Timbalan Ketua Dewan Rakyat.

Fasal 4(b) mencadangkan elaun Ketua Dewan Rakyat dinaikkan daripada RM3,179 kepada RM3,496.90 iaitu menyamai elaun Ketua Pembangkang seperti cadangan di Fasal 2(b) rang undang-undang.

Fasal 4(c) mencadangkan elaun Timbalan Ketua Dewan Rakyat dinaikkan daripada RM1,639 kepada RM1,802.90 sen.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 5 rang undang-undang ini adalah bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi tarikh gaji dan elaun bulanan itu kena dibayar iaitu berkuat kuasa mulai 1 Januari 2002. Kenaikan elaun dan gaji bulanan ini akan melibatkan perbelanjaan tambahan kepada kerajaan sebanyak RM2,452,000 setahun. Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum saya buka masalah untuk di bahas, saya minta perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat kepada peraturan 36(1), seorang ahli dewan apabila membahaskan rang undang-undang yang meminda akta induk hanya perkara-perkara yang berkaitan dengan rang undang-undang itu sahaja yang dibenar bercakap dan tidak kepada perkara yang melibatkan akta induk 36(1) ya. Banyak kita menghilangkan masa yang lepas-lepas.

Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas. Ya, Sri Gading.

11.15 pagi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Akta meminda Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 ini.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah) **mempengerusikan Mesyuarat]**

Cuma ada beberapa, beberapa pertanyaan atau beberapa cadangan yang ingin saya kemukakan. Yang pertama, kenapa gaji dan elaun Ahli-ahli Parlimen dan yang terlibat dengannya berdasarkan kerana kenaikan gaji perkhidmatan awam seolah-olah kalau perkhidmatan awam tidak dinaikkan gaji maka tidaklah dinaikkan elaun Ahli-ahli Parlimen dan seumpamanya. Seperti mana dalam rang undang-undang ini.

Sepatutnya, sebagai Ahli Parlimen dan juga anggota pentadbir kerajaan yang ada dalam rang undang-undang ini, diberikan lebih keistimewaan sewajarnya dengan kedudukan tugas dan tanggungjawab yang lebih besar, yang harus dinilai kepada mereka yang diberikan amanah ini.

Seperti elaun atau gaji Perdana Menteri, RM22,000 sahaja. Kalau hendak dibandingkan dengan Pengerusi syarikat-syarikat yang terkemuka, kerdil sangat gaji atau elaun Perdana Menteri ini sedangkan tanggungjawab beliau begitu hebat, besar dan mencabar. Sebab itu kemajuan dan pembangunan sesebuah negara bergantung kepada kewibawaan orang yang bergelar Perdana Menteri.

Kita mendapat seorang Perdana Menteri yang hebat, yang cemerlang yang dipuja-puji oleh seluruh negara dan dunia sehingga apa yang diumumkan oleh beliau hari Sabtu yang lalu menggemparkan negara, menggemparkan dunia. Kita terhutang budi kepadanya, seorang Perdana Menteri yang berwibawa, cemerlang tetapi gajinya RM22,000. Tidak munasabah. Kita tidak boleh hendak bandingkan dengan perkhidmatan awam, kita kena banding dengan negara-negara yang lain. Negara-negara lain hampir berjuta setahun, elaun dan gajinya. Kadang kala mereka tidaklah juga membawa kecemerlangan kepada negara tetapi kerana kedudukannya itu.

Jadi, saya tidak tahu siapa agaknya yang mendrafkannya. Agaknya dia hendak *comparekan* ataupun hendak bandingkan dengan gaji pegawai-pegawai yang lain. Jadi saya rasa tidak begitu munasabah. Memanglah akan jadi isu politik, "Oh Ahli Parlimen semua oleh politik naik gaji! Memanglah tetapi yang naik ini pun tidak sampai RM2 juta ataupun RM2 juta, memang orang politik akan jadi sasaran kepada macam-macam analisa.

Tetapi kita kena adil juga dengan anggota pentadbir. Macam Setiausaha Parlimen, ya, RM5,000, RM6,000 sahaja, lebih kurang EXCO di negeri-negeri, kalau EXCO kalau Perlis itu dia jaga Perlis sahaja. *Astaghfirullah halad'zim*. Ini Setiausaha Parlimen kerja satu negara, terbang ke Sabah, ke Sarawak. Beban tugas pula hendak kena datang ke Parlimen ini menjawab pula cabaran-cabaran parti pembangkang, satu hal lagi dah kerja dia satu hal lagi.

Jadi tidak begitu tak begitu memadai. Jadi....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Batang Lupar.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya baru masuk Dato', bukan hendak daftar masuk ke Dewan. Sebab hendak tanya semua ini. Saya banyak berbincang soal Parlimen ini ataupun ganjaran kepada Ahli Parlimen dan dahulu saya ada membuat senarai ataupun *compilation*, dengan izin, tetapi pada hari ini saya tidak bawa orang kerana bercelaru balik dari kawasan terus ke Parlimen.

Sama ada Dato' maklum ataupun tidak, kalau Parlimen Nigeria dia punya pendapatan hampir US5,000 dan dia punya kemudahan di kawasan ialah dia mempunyai dua pemandu, satu kereta dan dua pejabat di kawasan Parlimen, semua disara oleh pihak kerajaan.

Di Korea umpamanya, saya baru berjumpa dengan seorang Ahli Parlimen Korea, pendapatan dia ialah US7,000 sebulan. Lepas itu dia dibagi pemandu, dia dibagi satu kereta dan dua pejabat di kawasan dan *supporting staff* yang tidak kurang daripada satu eksekutif dan lima orang pembantu.

Yang ketiga Dato' dalam perbandingan saya di antara 28 negara di seluruh dunia, Malaysia hanya boleh bermakna negeri ataupun sama dengan Fiji sahaja di seluruh dunia.

Seorang Ahli: Fiji?

Tuan Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Dengan Fiji, negara-negara lain mempunyai saraan kepada Parlimen amat tinggi sejajar dengan status Ahli Parlimen sebagai Ahli Dewan yang menggubal dasar dan meluluskan undang-undang. Macam mana pandangan Dato'?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya setuju sangatlah terutama tentang dua itu, dua kereta, dua pejabat itu memang saya setuju sangatlah. Itu memang sesuai dengan sayalah. Memang hendak.... hendak.... ialah siapa tidak suka lebih ini?

Seorang Ahli: Saya pun hendak.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Hah, ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya, Parit Sulung.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Boleh jawab, okay, okay.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Parit Sulung okay, ya.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Dato' Yang di-Pertua, saya telah pun membuat kajian saraan Ahli-ahli Parlimen di seluruh Parlimen Komanwel dan mendapati bahawa Malaysia adalah di antara satu yang terendah. Jadi apa pendapat Yang Berhormat Dato' mengenai hal ini?

Yang keduanya, Yang Berhormat Dato' tadi menyatakan bahawa pindaan ini adalah, dengan izin, *consequential* sebagai berikut kepada kenaikan gaji kakitangan awam. Jadi adakah ini mencerminkan bahawa parti menguasai kerajaan atau kerajaan menguasai parti? Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya, saya setuju dengan kedua-dualah sahabat saya, Ahli Yang Berhormat bagi Batang Lupar dan Parit Sulung ini. Kita yang terendahlah kalau dibandingkan dengan Fiji, saya baru pagi ini tahulah, hebatlah maknanya Fiji daripada kita.

Jadi tidak munasabah perbandingan itu dan Yang Berhormat bagi Parit Sulung, sepatutnya parti yang menguasai kerajaan kerana parti yang menang itu yang

membentuk kerajaan, jadi yang sebenarnya partilah yang menguasai kerajaan. Dengan sebab itu kalau gaji atau elaun Ahli Parlimen ini yang sepenuh masa datangnya dari parti berdasarkan pula apa yang telah dirangka oleh perkhidmatan awam, saya rasa itu tidak berapa kena.

Saya bersetuju dengan kedua-dua Ahli Yang Berhormat ini. Pasal saya kena bersetuju kerana kalau saya lebih ulas macam saya Timbalan Menteri pula menjawab. Jadi saya setuju. Saya berharap juga kalau boleh contoh-contoh yang agak boleh kita terima pakai daripada negara-negara lain. Seperti memberikan gaji yang lebih lumayan dalam erti kata bukan lumayan untuk faedah dirinya sebagai Ahli Parlimen. Di Malaysia ini adatnya Ahli Parlimen ini kadang-kadang orang mati pun dia kena, orang bersunat, dia kena, orang kahwin, dia kena, anak pergi sekolah dia kena, yuran IPTA yang besar itu pun kadang-kadang orang minta kita. Kadang-kadang orang putus tambang pun minta kita. Kadang-kadang orang minta belanja makan, macam-macam. Yang balik ke rumah ini tidak seberapa sebenarnya.

Ini bukanlah pula kita hendak membangkitkan bagaimana kebaikan Ahli-ahli Parlimen khususnya Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional, saya tidak tahulah PAS. PAS saya tidak tahu, DAP saya tidak tahulah. Itu cara dialah tetapi yang diamalkan oleh Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional itulah dia.

Jadi, gaji yang nampaknya besar kadang-kadang lebih kurang Pengetua Sekolah Menengah sahaja. Lebih kurang sahaja. Tuan Pengerusi mereka walau gaji RM4,000, RM5,000 tidak apa-apa beban yang mereka pikul.

Ahli Parlimen yang menggubal undang-undang yang membuat dasar dan sebagainya tetapi dibebankan oleh perkara yang mereka tidak boleh elak kerana budi bahasa orang Malaysia itu begitu rupa. Jadi elaun, walaupun nampaknya macam dekat RM6,000 begitu besar tetapi yang sebenarnya yang diterima sebagai nafkah diri dan keluarganya itu amat kecil.

Sebab itu kadang-kadang kita tengoklah Ahli Parlimen kadang-kadang pakai *Proton Saga*, tidak mampu, hendak pinjam, kadang-kadang pakai *Perodua*, pakai *Kancil*, apa hendak buat? Tetapi keluar daripada *Kancil* diarak oleh orang dengan kompong dan sebagainya. Yang mengompong pakai *Pajero*, yang keluar pakai *Kancil* tetapi apa hendak buat, fasal Yang Berhormat, dikompong juga.

Jadi, kadang kala hendak pinjam pula pinjaman kenderaan terlampau kecil. Hendak beli *Kancil* pun tidak... hendak *cash* tidak boleh, tidak cukup. Hendak beli... tak usah hendak beli yang hebat-hebatlah. Macam Barisan Nasional, kita punya kerja pula, kita ini tidak ada pula apabila ceramah pungut tong derma, kita tidak ada. Jadi kita agak kepayahan juga. Lainlah bagi parti lain dia ada *extra* masuk ini fasal ada ceramah dapat pungut daripada penonton yang mendengar. Kita tidak boleh, harapkan gaji ini sahaja. Jadi, saya menyokong.

Tuan Chow Kon Yeow: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya ada yang berdiri Yang Berhormat.

Tuan Chow Kon Yeow: Penjelasan, Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Boleh saya tahu mengikut laporan Lembaga Tabung Haji, Yang Berhormat adalah seorang Ahli Lembaga Pengarah. Adakah dapat apa-apa elaun dari jawatan ini? Sekian.

Seorang Ahli Pembangkang: [*Ketawa*]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kita tengah bercerita tentang Parlimen. Jangan cerita tentang itu dan ini. Jadi kita tidak, kita tidak, kita tidak bercerita tentang lain-lain....

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: lalah [*Ketawa*] Jadi, ini saya bercerita tentang bagaimana sepatutnya Ahli-ahli Parlimen ini diberikan satu kesaksamaan dari tugas dan tanggungjawab yang sedang dipikul oleh Ahli-ahli Parlimen. Jadi, saya haraplah dan satu lagi, kalau boleh cuba rangka satu agaknya satu cadangan yang agak-agak boleh sesuai dalam mas 15 tahun, supaya ia tidak jadi isulah kerana tiap-tiap tiga, empat tahun hendak kena kaji, tiga, empat tahun hendak kena kaji.

Cuba buat satu angka yang agak sesuai yang boleh diguna pakai hingga 10, 15 tahun supaya pendapatan Ahli-ahli Parlimen ini tidak menjadi isu kepada negara dan juga kepada pihak-pihak yang ingin mengambil kesempatan daripada apa juga tambahan, apa juga tambahan yang akan dicadangkan ataupun dilaksanakan.

Jadi, saya haraplah pihak kerajaan kalau boleh menimbangkan beberapa perkara untuk kepentingan Ahli-ahli Parlimen khususnya....

Tuan Joseph Mauh anak Ikeh: Terima kasih, Dato Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Tuan Joseph Mauh anak Ikeh: Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat bagi Sri Gading, sama ada beliau setuju atau tidak, tertakluk kepada undang-undang sekarang bahawa *gratuity* Ahli-ahli Parlimen hanya diberi kepada mereka dalam tempoh enam tahun sahaja iaitu tertakluk kepada 72 bulan. Adakah Yang Berhormat bagi Sri Gading bersetuju bahawa *gratuity* akan diberi kepada tiap-tiap Ahli Parlimen semasa mereka masih jadi Ahli Parlimen sama ada lebih daripada enam tahun atau sehingga mereka tamat perkhidmatannya. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Soal *gratuity* ini ikut biasa kalau sudah bersara baru diberi. Tetapi kalau dalam soal pencen, soal pencen kalau 60 bulan berkhidmat dia akan bagi 100% dalam erti kata pencen 100% yang bererti setengah daripada elaun, 50%.... [Disampuk] 72 bulan, minta maaf. 72 bulan selama 6 tahun. Minta maaf, pembetulan.

Saya harap pencen ini kalau boleh jangan bagi 50%. Kalau sesiapa yang sudah berkhidmat 72 bulan, 6 tahun beri 100% sebagai mana pendapatan yang dia sedang berkhidmat. Tidak jadi salah dan bilangannya pun bukannya ramai supaya apabila dia seorang Yang Berhormat pencen, bersara dia dapat menjalankan hidupnya seperti sedia kala tetapi apabila dipotong walaupun namanya pencen 100% tetapi yang dapat sebenarnya ialah 50%.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kalau DAP hendak pencen lebih awal kita silakan. [Ketawa] Tidak ada masalah. [Disampuk] Kalau bolehlah dikaji supaya pencen ini pun diberi penuh, tidak dipotong tinggal 50%.

Jadi, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya bagi Kota Melaka dahulu.

11.30 pagi.

Tuan Kerk Kim Hock [Kota Melaka]: Terima kasih. Supaya nanti saya ada lebih masa untuk berehat.

Tuan Speaker, keputusan kerajaan untuk membentangkan rang undang-undang ini sebenarnya adalah selaras dengan atau ekoran daripada keputusan kerajaan untuk menaikkan gaji kakitangan kerajaan sebanyak 10%. Jadi, ini adalah satu tindakan susulan.

Saya ingin membawa satu perkara di sini di mana saya nampaknya begitu ganjil sekali. Kalau ikut rang undang-undang ini, gaji atau elaun baru untuk Perdana Menteri adalah RM20,751.50. Kalau kita pergi syarikat swasta, elaun keraian yang akan diberikan kepada sesiapa CEO, angkanya tidak akan begitu hampir dengan gajinya. Elaun keraian yang didapati oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tiap-tiap bulan ialah RM18,860. Begitu dekat dengan gajinya.

Dan sebenarnya, Tuan Speaker, saya pernah bongkarkan dalam Parlimen ini tahun lalu bahawa kerajaan telah dengan senyap-senyapnya pada bulan Mei 2001 telah menaikkan pelbagai elaun Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dan Setiausaha Politik dengan secara senyap. Saya telah minta supaya satu pengesahan dibuat oleh pihak kerajaan tetapi tidak ada jawapan diberikan.

Dalam satu sesi tahun ini, bulan Mac, saya telah kemukakan satu soalan untuk bertanya apakah sebenarnya elaun yang didapati oleh tiap-tiap anggota yang

telah saya sebut tadi dan Jabatan Perdana Menteri telah menggunakan Peraturan Mesyuarat 23(4), enggan menjawab soalan saya dengan alasan bahawa arahan Tuan Yang di-Pertua telah memersetujui supaya soalan saya tidak payah dijawab dan ini telah menyebabkan kemarahan di kalangan rakyat oleh kerana kita tidak menganggap elaun yang didapati oleh pihak kerajaan sebagai sulit.

Walau bagaimanapun, saya gembira bahawa pagi ini saya telah dapat jawapan di sini. Jadi, kita tahulah apakah sebenarnya yang telah dilakukan oleh kerajaan secara senyap-senyap. Gajinya nampak tidak banyak tetapi tengok elaun kerajaan di sini. *[Menunjukkan sehelai kertas]* Perdana Menteri – RM18,865, gaji RM20,000 sahaja. Elaun anggota jemaah Menteri – jadi jemaah Menteri pun dapat juga, sebulan RM8,500. Yang lain tidak payah cakaplah – elaun kediaman rasmi, bayaran pembantu rumah percuma.

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri – elaun kerajaan RM15,215. Elaun anggota jemaah Menteri – RM6,700 sebulan. Yang Berhormat Menteri – elaun kerajaan RM12,320 dan elaun anggota jemaah Menteri – RM4,000. Dan juga dapat elaun kediaman rasmi, sebulan RM4,000. Bayaran pembantu rumah bagi Menteri – RM2,500. Banyak! Itulah sebabnya dahulu saya bongkarkan kerajaan tidak enggan jawab tetapi akhirnya kena jawab. Bagi Timbalan Menteri juga dapat kerajaan RM6,000.

Saya kemukakan soalan ini, Tuan Speaker kerana saya tahu apakah sebabnya bagi Timbalan Speaker yang sebenarnya tarafnya sama dengan Timbalan Menteri, mengapa mereka tidak diberikan elaun kerajaan yang sama? *[Tepuk]* Kalau kita betul-betul hormati sistem demokrasi di Malaysia ini, maka kalau kita anggap jawatan Timbalan Speaker adalah sama taraf dengan Timbalan Menteri, maka saya kata kerajaan haruslah bertindak adil dan berikan elaun kerajaan sebanyak RM6,000 sebulan kepada Timbalan Speaker. *[Disampuk]* *[Tepuk]* Betul! Itulah baru adil. Tetapi perkara yang mustahak ialah mengapa boleh naik secara diam-diam sahaja?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan kepada yang lain, Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock: Ha?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila sebutkan yang lain, Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock: Tidak apa. *[Ketawa]* *[Disampuk]* Ini memang! Tidak payah setujulah, kita tahu. *[Ketawa]* Tidak payah setuju, tidak payah setuju. Ini bukan soal hendak sokong Timbalan Speaker. Ini soal keadilan. Kalau sama taraf, kita bagi semua. Tetapi jangan naik diam-diam untuk diri sendiri sahaja. Ini kita sudah tahu. Sekarang sudah ada yang *official*. Nanti saya bagi semua *press* ya.

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dapat elaun kerajaan RM4,200. Saya tidak percaya ini semua elaun kerajaan, Perdana Menteri perlukan wang ini. Orang kalau makan dengan dia, mana dia keluar wang. *[Ketawa]* *[Disampuk]* Maksud saya, ini bukan soal korupsi. Ini memang kalau Yang Berhormat bagi Sri Gading....

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Tuan Kerk Kim Hock: Ha, memang macam itu juga. Betul tidak? Tetapi elaun kerajaan rasmi untuk Setiausaha Parlimen, RM1,000. Ini baru berapa orang, nanti di sana dia boleh fight lagi, hendak dapat banyak lagi. *[Disampuk]* Setiausaha Politik – elaun kerajaan RM3,300. Bukankah Ahli Parlimen perlukan kerajaan? Saya bukan kata itu macam tetapi saya kata ini adalah cara. Apakah kriteria yang digunakan oleh kerajaan semasa menetapkan elaun-elaun ini?

Saya tidak hendak berucap panjang. Akhirnya, *point* saya ialah pada sesi lalu iaitu bulan Mac tahun ini, apabila soalan saya ditolak atas alasan Peraturan Mesyuarat 23(4) telah digunakan dan saya percaya bahawa penyalahgunaan Peraturan Mesyuarat ini telah dilakukan tanpa persetujuan daripada Perdana Menteri sendiri.

Jadi, saya harap bahawa satu penjelasan boleh dibuat. Kalau tidak, ambil tindakan disiplin terhadap *[Menunjuk ke arah tempat duduk Yang Berhormat bagi Gerik]*, saya tidak tahu kawasan dia, Dato' Khamsiyah binti Yeop, yang saya percaya telah membuat keputusan secara sendiri. Oleh kerana beliau memang telah sebelum membuat keputusan itu memberitahu saya bahawa saya boleh dapat jawapan daripada

buku *Budget* dan memang ada percubaan untuk mengelak daripada memberikan fakta dalam Parlimen ini.

Akhirnya, saya kata bahawa kerajaan pun tidak boleh lari kerana sekurang-kurangnya kita ada pembangkang dalam Parlimen ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya bagi Tambun dahulu. *[Disampuk]* Gilir-gilir.

11.37 pagi.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan kerana membentangkan rang undang-undang ini untuk pindaan bagi menaikkan saraan Ahli Parlimen.

Terlebih dahulu, saya ingin menyentuh sedikit mengenai apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Kota Melaka. Beliau membuat perbandingan dengan sektor swasta. Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita kaji laporan tahunan sektor swasta. Sebahagian Ketua Eksekutif, pendapatannya jauh lebih tinggi daripada Perdana Menteri. Ada *Managing Director* dapat lebih RM1 juta setahun.

Kalau kita bandingkan antara tanggungjawab dia dengan tanggungjawab negara, mana lebih besar? Tentulah memimpin negara, tanggungjawabnya lebih besar daripada sektor swasta. Jadi, saya hendak perbetulkan apa yang beliau katakan.

Saya menyokong apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading tadi kerana kita tahu dalam sistem demokrasi ada tiga institusi – institusi kerajaan, Parlimen dan juga kehakiman. Dalam tiga institusi ini sebenarnya, manakah institusi yang *playernya* dapat pendapatan paling rendah? Saya rasa kerajaan lebih tinggi, kehakiman lebih tinggi dan yang paling rendah ialah Parlimen, padahal Parlimen adalah badan tertinggi dalam negara. Tugas dan tanggungjawab, menggubal undang-undang, meluluskan undang-undang serta menyediakan belanjawan untuk dibelanjakan untuk memberi gaji kepada semua orang.

Jadi, saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Sri Gading kerana ada Parlimen, contohnya di Jepun, Tuan Yang di-Pertua, di mana di dalam akta dia menyatakan bahawa Ahli-ahli Parlimen, pendapatannya tidak boleh dapat kurang daripada mana-mana pegawai kerajaan. Maknanya kalau pendapatan pegawai kerajaan tertinggi, katalah 'si A', Ahli Parlimen tidak boleh bawah daripada pendapatan pegawai kerajaan tersebut. Jadi, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Di samping itu, saya ingin bertanya pula. Sebenarnya, siapa yang menyediakan saraan untuk Ahli Parlimen ini, yang buat kajian dan sebagainya? Adakah sebenarnya kajian telah dibuat? Macam yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Parit Sulong dan Yang Berhormat bagi Batang Lupa, mereka sendiri yang buat kajian. Saya rasa bukan tanggungjawab Ahli Parlimen untuk membuat kajian dan dikemukakan dalam Parlimen. Tentu ada satu *body* yang membuat kajian.

Jikalau di pihak kerajaan, ada JPA, yang di sini siapa pula? Kalau JPA yang membuat kajian, adakah dalam JPA ada satu unit untuk Parlimen? Dan bolehkah kita lihat kertasnya? Sejauh mana kajian-kajian yang telah dibuat dengan membuat perbandingan dengan parlimen-parlimen lain? Terutama sekarang.

Kita perlu lihat dari segi konsep kedaulatan dan maruah. Kita bercakap tentang kedaulatan, kedaulatan tidak ada *problem*. Negara semua merdeka dan kerajaan sendiri memerintah tetapi konsep maruah ini berteraskan kepada kedudukan sosioekonomi dan kedudukan sosioekonomi satu-satu negara ditentukan oleh undang-undang dan dasar yang dibuat di Parlimen yang akan mencipta kegiatan di dalam masyarakat di semua peringkat institusi masyarakat dan juga individu dalam semua sektor.

Jadi, saya berbalik kepada isu tadi. Dalam suasana ini, takkanlah *comparable* kita dengan Fiji pula? Padahal cabaran kita besar dan peranan Parlimen begitu besar. Kalau setakat dengan Fiji, maknanya tidak ada standardlah kita ini. *[Ketawa]*

Tuan Jimmy Lim Donald: *[Bangun]*

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Silakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Sri Aman.

Tuan Jimmy Lim Donald: Terima kasih rakan saya dari Tambun. Saya merujuk balik kepada Sri Gading tadi.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana pada masa sekarang, seorang Ahli Parlimen hanya menerima *gratuity* untuk penggal pertama untuk 6 tahun. Selepas itu kalau beliau masuk ke *second term*, dengan izin, *third term* atau *fourth term* seperti Yang Berhormat bagi Lubok Antu, dia tidak menerima *gratuity* lagi. Tetapi pihak menteri dan anggota yang lebih tinggi daripada Ahli Parlimen masih menerima.

Jadi, saya ingin minta penjelasan dari Ahli Yang Berhormat bagi Tambun, apakah pandangan beliau tentang perkara ini?

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, saya berpegang balik kepada soal prinsip. Prinsip mana yang kita mahu pakai? Adakah kita berpegang kepada prinsip demokrasi yang menyatakan bahawa Parlimen ini adalah badan tertinggi. Jikalau kita kata ia badan tertinggi, ia mestilah apa sahaja kemudahan yang diterima mesti *reflective* kepada kedudukannya.

Jadi, jika pihak-pihak lain dapat lebih daripada 72 bulan, tentulah kita sepatutnya dihormati sehingga selesai tugas dan tanggungjawab. Tugas dan tanggungjawab Ahli Parlimen ada yang sampai tiga *terms* atau empat *terms*, tentulah *gratuity* itu mengambil kira tidak setakat 72 bulan sahaja, dalam tempoh 6 tahun, padahal dia bekerja selama, kalau tiga *terms*, 15 tahun atau empat tahun. Jadi, diharap perkara ini yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Sri Aman ini dapat diberi perhatian oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat, selain

Tuan Mohamed Sayuti bin Said: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri ya.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Silakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kuala Selangor.

Tuan Mohamed Sayuti bin Said: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat bagi Tambun yang memberi izin untuk saya mengemukakan cadangan. Setujukah tidak Yang Berhormat mengenai dengan dua perkara yang berada pada setiap Ahli Parlimen mengenai dengan satu perkara, tuntutan perjalanan hanya diberikan kepada urusan kerajaan sahaja, sedangkan urusan kita kepada rakyat, dari pagi sampailah 24 jam sebenarnya.

Jadi, saya berpengalaman sedikit dalam masa menjadi Ahli Parlimen ini memang berat tanggungjawabnya. Jadi, tuntutan perjalanan hanya kepada urusan kerajaan. Kalau boleh, urusan kepada public pun kita boleh tuntutan. Kalau yang hendak menuntut. Kalau tidak, alhamdulillah.

Yang keduanya, adakah Yang Berhormat setuju atau tidak jika sekiranya elaun pemandu yang telah pun ditetapkan ini tidak sesuai bagi Ahli Parlimen dan kenalah kita menokok-tambah dua kali ganda daripada yang telah ditetapkan kepada Ahli Parlimen. Setuju tidak untuk dua perkara ini ditambah dan dikaji semula untuk Ahli Parlimen yang kerjanya memang 24 jam. Pukul 12.00 malam kalau kawasan saya, dia datang ke rumah. Pukul 7.30 pagi, sudah datang ke rumah.

Begitu juga yang ketiganya tentang elaun keraian yang saya rasa ini perlu ditambah ataupun diubah cara macam mana. Setuju atau tidak Yang Berhormat bagi Tambun?

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Yang Berhormat bagi Kuala Selangor sebenarnya dia hendak saya setuju semuanya. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya tengok macam ini Tuan Yang di-Pertua, kita perlu mendefinisikan siapakah Ahli Parlimen? Adakah tugas Ahli Parlimen sekadar di dalam Parlimen ini dan dibayar elaun? Kemudian ada kaitan dengan tugas-tugas yang melibatkan kerajaan diberi

elaun, ataupun kerja-kerja *constituency* itu termasuk salah satu daripada tugas dan tanggungjawab Ahli Parlimen?

Jadi, saya percaya definisi ini perlu dijelaskan. Sekiranya kita menganggap Ahli Parlimen mempunyai tiga tanggungjawab besar di Parlimen dan terlibat dalam urusan kerajaan serta menjaga rakyat yang diwakilinya, ini diambil kira sebagai salah satu skop dan tugas-tugas atau tanggungjawab Ahli Parlimen semestinya dibayar mengikut tugas dan tanggungjawab yang dijalankan. Saya amat bersetuju sekiranya *constituency work* ini yang menjadi sebahagian tugas berat terutama bagi Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional, kerajaan, tanggungjawab ini begitu besar kerana tanggungjawab Ahli Parlimen Kerajaan ada dua, pembangkang hanya ada satu. Tugas kita ialah untuk menjalankan kerja-kerja politik dan juga untuk menjalankan kerja-kerja pembangunan. Pembangunan ini terlibat dengan penyokong kita manakala pembangkang tidak banyak, dia hanya membangkang sahaja, hanya satu tugas dan tanggungjawab sahaja. Kita ada dua, memang betul, prinsip demokrasi memang begitu, memang macam itu.

Jadi, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat, adakan definisi ini diletak dengan jelas supaya ianya tidak dipertikaikan dan pada pandangan saya kerja-kerja *constituency* ini adalah sebahagian daripada tugas dan tanggungjawab yang semestinya dimasukkan dalam tugas dan tanggungjawab Ahli Parlimen.

Selain daripada isu-isu saraan Tuan Yang di-Pertua, kita lihat juga kepada isu-isu kemudahan kepada Ahli Parlimen. Di Parlimen ini sendiri, kita tahu bahawa kerajaan telah meluluskan peruntukan lebih kurang RM40 juta, saya tidak ingat untuk membetulkan bangunan ini dan sehingga ini kita tidak tahu apa statusnya. Ada yang mengatakan hendak membesarkan pejabat *admin*, bukan Parlimen ini sendiri padahal nadi bangunan ini adalah di sini, *chambers* kita. Dan nadi bangunan ini ialah kita Ahli-ahli Parlimen, kita *key players* manakala pegawai ini hanya sebagai *support staff* sahaja dan saya melihat dalam konteks Ahli Parlimen sekarang ini, peranannya cukup besar. Kita kena adakan hubungan dengan Ahli-ahli Parlimen dari luar negara supaya kita berkongsi fikiran dan sebagainya maka kemudahan yang ada di Parlimen ini mesti mencerminkan keperluan negara. Jadi saya berharap duit yang berapa juta, RM8 juta lebih kurang, saya pun tidak ingat. Ini mesti dibelanjakan untuk Ahli Parlimen sendiri.

Saya bukan hendak kata, Tuan Yang di-Pertua, saya pergi ke Parlimen UK. Baru-baru ini mereka mendirikan satu bangunan yang lebih kurang sebesar Parlimen ini sendiri untuk kemudahan Ahli Parlimen sahaja, dibuatnya bilik-bilik mesyuarat pasal ini selaras dengan prinsip demokrasi. Kita mendefinisikan demokrasi sebagai suara rakyat. Rakyat memilih seorang wakil rakyat dan saya bertanggungjawab kepada rakyat yang ramai ini dan tentulah ada tempat-tempat yang saya hendak berbincang dengan rakyat yang ramai ini supaya pandangan yang saya bawa dalam proses penggubalan undang-undang dan Belanjawan mesti mencerminkan pandangan rakyat yang dikatakan suara rakyat tersebut. Tetapi jika tidak ada kemudahan di sini, macam mana saya hendak berinteraksi?

Jadi, saya ingin mengesyorkan setiap perbelanjaan yang hendak dibuat untuk tujuan pembinaan semula Parlimen ini mesti dirujuk kepada kita supaya mengikut kehendak kita, bukan kehendak orang lain. Tidak guna kita luluskan belanja Parlimen digunakan untuk orang lain. Jadi saya berharap perkara ini diambil perhatian.

Kemudian, Tuan Yang di-Pertua, apakah Ahli Parlimen ini

Puan Chong Eng: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Tambun. Tadi Yang Berhormat kata belanjawan itu mesti dibelanjakan atau dirujuk kepada Ahli Parlimen kawasan itu. Adakah Yang Berhormat bagi Tambun juga bermaksud bahawa Ahli Parlimen pembangkang juga diberi tanggungjawab seperti itu? Kalau itu adalah maksud Yang Berhormat bagi Tambun mengikut prinsip demokrasi maka saya boleh setuju juga. Terima kasih.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada masalah sebenarnya pembangkang atau kerajaan, tidak ada masalah. Wakil rakyat kerajaan adalah $\frac{3}{4}$ daripada seluruh Ahli-ahli Parlimen, apa kita hendak

kisahkan? Lagi 25% itu, *there's no problem* hendak *join* kita, *joinlah* kita, tidak ada masalah. Hendak berbincang apa, hendak dibesarkan Parlimen atau apa-apa. Yang saya maksudkan bukan kawasan, sini, di Parlimen ini, belanjawan yang diluluskan itu dibincangkan dengan kita supaya kita tahu apakah kegunaan wang tersebut dalam proses hendak membesarkan bangunan atau hendak dibangunkan semula bangunan Parlimen ini. Yang Berhormat kata, tentang pembangkang, saya rasa itu tidak ada masalah untuk Yang Berhormat hendak campur tangan dengan kita, itu bukan satu masalah yang besar kepada kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap tadi tentang soal Ahli Parlimen dan *effectiveness*. Tugas kita di Parlimen ini ialah bercakap di sini. Dan dalam proses kita mengadakan perbincangan ini, tentulah ada prinsip-prinsip yang dapat menggambarkan maruah dan status kita sebagai Ahli Parlimen dan sekarang ini peraturan kita berdasarkan Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat. Saya lihat Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa peraturan yang sepatutnya dikaji semula, ada banyak, biar ia selaras. Saya tidak perlu baca satu persatu Tuan Yang di-Pertua, dalam waktu yang singkat ini, kita hendak beri peluang kepada Ahli Parlimen lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya rasa kurang berkaitan.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kurang berkaitan.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Oh! Tidak ada kaitan, ya. Tetapi ini adalah tugas kita sebagai Ahli Parlimen. Tetapi saya menyuarakan kepada Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya pun cukup sukar hendak memikirkan mana yang berkaitan atau tidak berkaitan.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya, sila, sila Yang Berhormat bagi Bagan Datok.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada sahabat saya bagi Tambun. Sebagai Ahli Parlimen selain dari elaun yang kita perolehi untuk sara hidup kita, untuk bergerak. Tetapi kadang kala untuk mewakili Parlimen ke luar negara dalam IPO, dalam IPU dan beberapa jawatankuasa yang lain, oleh kerana peruntukan itu tidak ada, tidak termasuk dalam Saraan dan tidak ada dalam belanjawan Parlimen, adakah Yang Berhormat rasakan bahawa satu cadangan harus diletakkan supaya kita juga kalau tidak pun lebih tinggi sedikit elaunnya daripada pegawai-pegawai kerajaan yang turut kerap kali mengiringi Ahli-ahli Parlimen ke luar negeri tetapi mesti sekurang-kurangnya menyamai elaun yang diperolehi oleh mereka. Sekian.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, ini pengalaman saya Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya dalam Saraan Parlimen, kita boleh buat tuntutan. Tetapi tuntutan tersebut untuk perbelanjaan luar negara tidak memadai, ia sama dengan di sini. Kemudian diberi *adjustment* beberapa peratus untuk pertukaran wang asing dan sebagainya, sekadar itu sahaja, jumlahnya tidak cukup.

Saya setuju dengan Yang Berhormat bagi Bagan Datok mesti dipinda mencerminkan kepada keperluan sebenarnya. Di samping itu saya berharap kedutaan luar kita biar agak proaktif sedikit, Tuan Yang di-Pertua. Saya pergi ke luar negara dan saya bandingkan dengan Ahli Parlimen yang lain dari negara yang lebih koman dari negara kita, pegawai-pegawai dari kedutaan bukan sahaja menunggu tetapi memberi kemudahan. Dan kemudahan ini termasuk memberi taklimat mengenai kedudukan negara tersebut kepada kita supaya bila kita hadir di situ, kita lebih efektif lagi apabila tahu latar belakang negara tersebut tetapi bagi kita di Malaysia ini, Ahli Parlimen ini, hierarkinya jauh sangat. Kalau menteri datang, barulah pegawai-pegawai itu sibuk, itu pun dia tinggal kita. Kalau tidak ada menteri, langsung dia tidak nampak kita padahal kita mewakili negara ini. Tugas kita sama penting atau tidak lebih penting lagi daripada pegawai-pegawai tersebut.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Sri Gading berdiri ya, sila.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini menyentuh tentang kemudahan. Kita di Parlimen ini alhamdulillah disediakan TV di luar itu, itu antara kemudahan. Apa pandangan Yang Berhormat bagi Tambun kemudahan yang disediakan itu disalahgunakan. Ada parti pembangkang merakamkan apa yang disiarkan oleh TV di luar itu dibuat CD lepas itu diedarkan dan diniagakan pula di pasar-pasar malam dan yang malangnya dia merakamkan perkara-perkara yang dikelirukan kepada pembeli seolah-olah dia yang betul, yang hebat, jawapan menteri pula tidak dirakam. Soalan-soalan yang sinis dan soalan yang difikirkan boleh menguntungkan parti politik mereka untuk menipu, membodohkan ahli-ahlinya dan orang ramai supaya orang tahu yang kita sudah cakap di Parlimen. Walhal cakupannya itu kadang-kadang tidak betul setelah dipotong dan dibuat satu cara untuk mengabui mata orang ramai.

Jadi, apakah ini maknanya telah menyalahgunakan kemudahan yang disediakan dan apa tindakan yang sepatutnya diambil kepada parti yang tidak bertanggungjawab, yang mengelirukan, yang menggunakan kemudahan ini dengan tujuan perniagaan pula, dia dapat untung pula jual di pasar-pasar malam dan sebagainya. Saya minta sedikit penjelasan, Yang Berhormat bagi Tambun. Terima kasih.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya perkara ini melibatkan banyak faktor. Pertama saya hendak nyatakan di sini adakah seorang rakyat biasa bertanding dalam pilihan raya kemudian menang pilihan raya dan datang ke Parlimen, dia sudah begitu jelas dan faham tentang peraturan Parlimen. Kalau tidak melalui satu proses diberi taklimat atau kursus supaya memahami peranan atau peraturan di Parlimen, ini satu perkara.

Ada kemungkinan individu yang dari kalangan rakyat dipilih parti, jadi calon, datang ke Parlimen masih tidak faham sebenarnya apakah prinsip-prinsip Parlimen. Ada kemungkinannya.

Yang keduanya soal undang-undang. Setiap kenyataan rasmi yang dikeluarkan di Parlimen ini hanya boleh dikeluarkan oleh Parlimen sahaja dan ini prinsip dia dan saya berharap prinsip ini dipegang dengan tegas bukan oleh kerana dia dibuat oleh parti pembangkang atau sesiapa pun tetapi atas nama prinsip ini. Tidak boleh sesiapa pun di dalam Parlimen sama ada pegawai atau Ahli-ahli Parlimen mengeluarkan satu yang jadi kenyataan rasmi Parlimen, itu tidak boleh. Maka mesti diambil satu tindakan tegas dalam soal ini. Siasatan mesti dibuat dan individu yang bersalah itu mesti dihadapkan ke mahkamah. Kalau tidak tercemar nama Parlimen ini sebagai badan yang tertinggi dan sepatutnya dicontohi oleh rakyat tetapi di Parlimen ini, Ahli-ahli Parlimen sendiri membuat kesilapan dan Parlimen yang menggubal undang-undang tidak mengambil apa-apa tindakan. Apa maknanya Parlimen ini?

Jadi, saya berharap dalam Parlimen ini saya mengatakan tindakan tegas mesti diambil. Saya sendiri Tuan Yang di-Pertua, bila saya hendak buat ucapan saya sendiri, saya hendak bukukan atau sebagainya, saya takut hendak keluar. Saya tulis di situ macam-macam untuk mengeluarkannya kerana kenyataan rasmi hanya boleh dikeluarkan oleh Parlimen dan saya harap tindakan tegas diambil. Ini memalukan Parlimen kita, Parlimen Malaysia sebuah negara yang sudah dihormati oleh seluruh dunia yang dilaksanakan oleh pemimpin kita tetapi dicemarkan oleh individu-individu tertentu.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri Yang Berhormat. Larut.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya pun dapat juga maklumat berhubung dengan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading tadi. Agak tercemar juga Parlimen kita kalau rakaman video yang seharusnya menjadi barang keselamatan dan dikeluarkan, dibocorkan dan sekarang menjadi bahan *public*, dengan izin, dan diputarbelitkan. Adakah Yang Berhormat ingin mengatakan bahawa Parlimen kita sekarang sudah tidak selamat ataupun masih ada kakitangan dan pegawai yang perlu diambil tindakan sebelum

perkara ini menjadi barah. Kalau ada pun mereka mempunyai fahaman politik yang berbeza sedangkan kita tahu bahawa apa yang dilakukan oleh kerajaan adalah untuk kepentingan semua dan untuk kebaikan.

Jadi, kalau sedemikian rupa, saya minta supaya perkara ini jangan ditunggu lagi dan tindakan yang paling keras dan paling tegas perlu diambil sebelum ada mana-mana pihak lagi mengambil kesempatan di atas kelonggaran keselamatan Parlimen ini sebagai satu badan yang paling tinggi untuk menggubal undang-undang negara kita. Jadi kalau keselamatan Parlimen ini sendiri telah tercemar, saya tidak tahu lagilah institusi lain yang juga akan mendapat perlindungan. Jadi saya minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Tambun. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, kalau boleh jangan panjanglah jawab sebab saya kira itu mengenai dengan Parlimen, bukan mengenai hak. Jadi jawab sedikit sahajalah, Yang Berhormat.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Baik, baik, Tuan Yang di-Pertua. Semacam mana yang saya nyatakan tadi, saya tidak mahu membuat tuduhan kepada sesiapa. Saya harap pihak polis dapat membuat siasatan rapi, dan mengambil tindakan setelah dibuat siasatan. Prinsipnya, adakah kedaulatan Parlimen ini hendak disebarikan begitu mudah di pasar borong. Itu maksud saya. Maksudnya kedaulatan ini mesti dijaga, kedaulatan jangan pergi ke pasar borong.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, perkara ini agak terkeluar sedikit, tetapi saya rasa agak penting juga saya sebutkan di sini, tentang peranan Ahli Parlimen, Tuan Yang di-Pertua. Sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya menyatakan pentingnya kita Ahli Parlimen berperanan antarabangsa dan sebagainya, ada orang melawat, macam-macam sahaja saya cakap. Saya lihat lagi satu *loophole* kita, Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mempunyai hubungan *bilateral* antara Ahli Parlimen dengan Ahli Parlimen di tempat lain, dan ini macam sudah menjadi satu budaya sekarang ini. Jadi saya berharap perkara ini diberi perhatian, hubungan *bilateral* Ahli Parlimen kita dengan Singapura, kalau ada masalah dan sebagainya, kita duduk berbincang, kerana Ahli Parlimen ada peranan besar kerana dia boleh bawa ke Parlimen, dan seterusnya Ahli Parlimen kita dengan Indonesia, dengan Jepun, dan lain-lain negara, termasuk seperti mana kita tahu kita dengan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya nampak ini tidak ada kaitan dengan isu gaji yang kita bangkitkan.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Ya, saya sudah sebut tadi. Memang ini terkeluar. Memang saya nyatakan tadi ini terkeluar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya takut nanti jawapan pun tidak ada. Jadi Yang Berhormat kita gunakan peluang akan datang boleh bangkitkan perkara ini.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

12.03 tgh.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya pasti menyambut baik pindaan kepada rang undang-undang ini kerana kenaikan sebanyak 10% ini akan dapat membantu kami sebagai Wakil Rakyat untuk menjalankan tugas kami dengan lebih efisien. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, kita jangan lupakan kedudukan kita sebagai Ahli Parlimen bahawa ini adalah pemberian penduduk di kawasan kita masing-masing, rakyat Malaysia. Oleh itu di dalam menjalankan tanggungjawab menggubal undang-undang, kita jangan melupakan mereka yang di luar sana. Undang-undang yang diluluskan di institusi ini haruslah untuk faedah orang ramai dan bukan individu atau kumpulan tertentu. Kita harus mendengar, meminta nasihat serta pandangan mereka yang lebih arif daripada kita di

dalam bidang mana undang-undang yang bakal diluluskan yang akan melibatkan mereka.

Dengan kata-kata ini Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada Rang Undang-undang Akademi Undang-undang Malaysia 2002, di mana saya ingin menasihatkan Yang Berhormat Menteri dari Jelebu agar menarik balik rang undang-undang ini yang begitu kontroversi sekali, dan mengadakan dialog, perbincangan dan mengadakan kajian dengan mereka yang pakar. Tuan Yang di-Pertua, sekarang kita dibayar gaji untuk mewakili rakyat. Oleh itu sebelum kita mengadakan undang-undang ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, tadi kita telah pun diingatkan mengenai Peraturan Mesyuarat 36(1) yakni tuju kepada pindaan yang berkenaan.

Puan Fong Po Kuan: Saya faham Tuan Yang di-Pertua, saya setuju Tuan Yang di-Pertua. Kita tidak boleh hanya membahas mengenai kenaikan gaji berapa ribu sahaja, gaji dibayar kerana untuk menjalankan tanggungjawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, untuk perkara ini kita memang ada peluang bila-bila masa, tetapi bukan untuk masa kita membangkitkan pindaan.

Puan Fong Po Kuan: Saya setuju. Saya sekarang hendak menerangkan tanggungjawab di dalam menggubal undang-undang, kita dibayar untuk menggubal undang-undang. Oleh itu kita harus sentiasa ingat, sebelum menggubal undang-undang minta nasihat daripada mereka yang di luar yang membayar gaji kita. Itu sahaja saya ingin rujuk berkenaan perkara ini. Saya harap Yang Berhormat Menteri di sebelah sana sebelum menggubal undang-undang supaya merujuk kepada mereka pakar di luar seperti Rang Undang-undang Akademi Malaysia 2002 yang bakal akan dibentangkan di dalam Dewan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukuplah Yang Berhormat, boleh alih ke perkara pindaan ini.

Puan Fong Po Kuan: Saya merujuk kepada perkara yang lain. Kita dibayar gaji apabila kenaikan gaji, undang-undang diluluskan, semua ahli dalam Dewan ini dapat kenaikan gaji. Kita dilayan dengan adil sekali apabila ada kenaikan gaji. Saya menyambut baik, tetapi mengapakah apabila satu rang undang-undang hendak dipinda atau dicadang untuk dipinda, taklimat diadakan hanya untuk Ahli-ahli Parlimen di sebelah sana sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini tidak kena-mengena dengan perkara yang kita bangkitkan.

Puan Fong Po Kuan: Ini berkenaan hak sebagai Ahli Parlimen – keistimewaan seorang Ahli Parlimen. Mengapa layanan tidak sama? Gaji dibayar sama, layanan tidak sama, ada cadangan meminda undang-undang tidak dipohon daripada sebelah sini, kalau ada perayaan atau pesta, kita dipanggil bersama. Saya rasa tanggungjawab yang paling penting ialah, semasa menggubal undang-undang, kita semua harus dilayan sama, dengan adil dan saksama. Oleh itu saya harap jangan hanya kenaikan gaji kita diberi sama, layanan-layanan lain, tanggungjawab bagi peluang kepada kita untuk menjalankan tanggungjawab kita dengan baik. Mintalah pandangan daripada kita sebab Tuan Yang di-Pertua, kita bukan tidak tahu, sistem Parlimen Malaysia ini, kalau satu rang undang-undang dibentangkan untuk bacaan pertama, kedua, ketiga diluluskan ke Dewan Negara, tiada pindaan akan dilakukan walaupun banyak kali perbincangan telah dibangkitkan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, nampaknya Yang Berhormat sengaja tidak mahu faham apa yang tercatat dalam Peraturan Mesyuarat 36(1).

Puan Fong Po Kuan: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini saya faham, berkenaan kenaikan gaji, kenaikan elaun bagi Ahli-ahli Parlimen. Mengapa kita diberi kenaikan? Kita diberi kenaikan kerana kita menjalankan tanggungjawab sebagai Wakil Rakyat. Akhir sekali, saya ingin maklumkan Dewan yang mulia ini apabila rang undang-undang dibentangkan untuk bacaan kali pertama, ramai di luar, pengundi kawasan, penduduk Malaysia di luar bertanya, "*Mengapa selalu Ahli Parlimen naik gaji,*

senang begitu sahaja?”, “Apa mereka buat?” “Mengapa selalu dengan begitu mudah boleh naik gaji?”

Oleh itu saya harap kita perlukan satu pembaharuan Parlimen – kita adakan satu siaran langsung. Kalau risau rakaman video diedarkan di luar, yang dituduh telah diputar-belitkan, baik kita adakan satu siaran langsung, biar rakyat tahu [*Tepuk*] apa kita buat dalam Dewan ini, sebab mereka yang bayar gaji kita Tuan Yang di-Pertua. Mengapa hendak disembunyikan di sini, tidak membenarkan mereka yang membayar gaji kita untuk tahu apa yang berlaku di dalam Dewan ini, agar mereka tahu, “*Oh, they deserve to be paid, they deserve a rise in this allowance*”, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Tengok. Oleh itu, saya juga berharap kalau boleh kita tambahkan – bagi satu pengecualian di dalam bayaran perkhidmatan bil telefon dan juga laluan tol, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat sokonglah pindaan ini.

Puan Fong Po Kuan: Tentu saya sokong, tetapi ..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Mengikut apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat, nampaknya Yang Berhormat tidak sokong.

Puan Fong Po Kuan: Tadi saya kata yang saya menyambut baik kenaikan ini ..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Puan Fong Po Kuan: ... tetapi saya berharap kenaikan ini akan lebih membantu jika pada masa yang sama kita mengurangkan, mengecualikan bayaran yang lain, seperti tol jalan. Ke mana-mana kita lalu, terutamanya Ahli Parlimen dari Wilayah Persekutuan, selalunya tol. Kalau bukan tol, hendak bayar *parking – parking* sangat mahal. Panggilan telefon lagi teruk, Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita hubungi Kementerian Pendidikan, “*Tunggu sebentar*”. Selepas itu tidak ada orang jawab.

Seorang Ahli: Muzik, muzik.

Puan Fong Po Kuan: **Muzik.** Ia, memang benar muzik. Kita telefon hendak buat aduan, dia panggil kita dengan muzik. Apabila dapat disambung kepada pegawai, dia kata, “*Dia tidak ada, sudah keluar pergi mesyuarat. Telefon semula*”. Apabila kita dengan muzik Tuan Yang di-Pertua, kita kena bayar ya. [*Ketawa*] Oleh itu saya harap kenaikan ini akan lebih membantu jika pada masa yang sama memberi pengecualian kepada panggilan bil telefon dan juga kepada tol jalan, bukan sahaja pada masa untuk hadir pada persidangan sahaja kita boleh membuat tuntutan kos perjalanan sahaja.

Dengan itu saya ingin tahu, walaupun di dalam pindaan ini memperuntukkan kenaikan elaun juga kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri, mengapakah juga ada satu elaun anggota Jemaah Menteri tambahan sebanyak RM8,500 kepada Yang Amat Berhormat, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sebanyak RM6,700, mereka telah sebagai Yang Amat Berhormat, Menteri, sebagai Timbalan Menteri di dalam Jemaah Menteri, mengapa ada satu tambahan lagi sebanyak RM8,500, RM6,700, RM4,000 untuk Yang Berhormat Menteri, masing-masing.

Oleh itu, untuk mengelakkan kita mempunyai perasaan syak wasangka terhadap penggunaan kuasa pihak Kerajaan Barisan Nasional, saya pohon satu penjelasan apakah ini “pintu belakang” untuk memberi lebih banyak ganjaran dan elaun kepada yang menjadi Menteri ini? Sekian. Terima kasih.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sri Aman.

12.09 tgh.

Tuan Jimmy Lim Donald [Sri Aman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama, saya ingin melahirkan rasa yang tidak puas hati oleh kerana saya nampak hingga masa sekarang kewibawaan, harga diri, maruah Ahli Parlimen ini masih rendah. Seperti yang disebut oleh kawan saya tadi, upahan gaji Ahli Parlimen ini adalah sama dengan gaji saya semasa saya menjadi pengetua sekolah menengah pada tahun 1995.

Jadi, setaraf dengan pengetua sekolah. Jadi lebih kecil, lebih rendah dari gaji *director-general* ataupun setiausaha ataupun ketua kementerian-kementerian di Malaysia ini.

Dan saya rasa kita yang menggubal undang-undang, tidaklah berasa selesa apabila kita tahu upahan kita begitu kecil kalau dibandingkan dengan orang-orang yang kononnya di bawah jagaan kita, seperti pegawai yang tertinggi. Saya bukanlah menafikan tugas dan tanggungjawab pegawai-pegawai itu, tetapi saya rasa ada sesuatu yang tidak kena apabila kita mengatakan Parlimen adalah badan yang tertinggi di negara kita ini tetapi orang yang menganggotainya tidak diberi pengiktirafan yang sesuai dengan gambaran yang diberi kepada kita semua.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya mintalah elaun hotel untuk Ahli-ahli Parlimen yang datang dari luar bandar. Amaun yang diberi sekarang hanya RM230++, kata orang. Ini tidak mencukupi, dan saya rasa ini juga hanya setaraf dengan tuntutan pegawai *middle-ranking officers*, dengan izin, di kementerian-kementerian, dan saya rasa Ahli-ahli Parlimen haruslah diberi kenaikan elaun hotel mereka oleh kerana sebahagian besar daripada kita ini bukan mewakili Kuala Lumpur ataupun Selangor, dan kita terpaksa duduk di hotel.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, pinjaman komputer. Saya berterima kasih kepada Parlimen telah diberi pinjaman komputer sekali, tetapi kita semua tahu, bidang IT ini, selepas 18 bulan dia ketinggalan zaman. Jadi perisian-perisian pun mungkin tidak dapat digunakan lagi. Cadangan saya, kalaulah kita telah meminjam, kita telah membayar balik, kita patutlah diberi layanan semula supaya kita dapat *keep abreast with the times*, dengan izin.

Seterusnya, pinjaman perumahan, saya telah difahamkan, kalaulah kita telah

Tuan Lim Hock Seng: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bagan bangun.

Tuan Lim Hock Seng: Penjelasan berkenaan pinjaman untuk membeli komputer, sedarkah Yang Berhormat bahawa di banyak negeri-negeri. [*Disampuk*]

Puan Chong Eng: Di negeri dibekal komputer.

Tuan Lim Hock Seng: ADUN-ADUN mendapat *laptop* percuma, bahkan Ahli Majlis Kerajaan Tempatan pun diberi *laptop* percuma seperti berlaku di Pulau Pinang ini. Jadi, adakah Yang Berhormat akan mendesak kerajaan supaya memberi Ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat ini sekurang-kurangnya satu *laptop* dengan percuma.

Tuan Jimmy Lim Donald: Tuan Yang di-Pertua, walaupun kawan baik saya itu dari pembangkang, tetapi apabila beliau mengeluarkan cadangan yang begitu baik, saya bersetuju 100% [*Ketawa*] dan sesiapa yang hendak mendengar nanti, saya akan bagi tahu cadangan yang begitu baik, dan saya harapkan Ahli-ahli Parlimen akan diberi komputer setiap penggal yang baru selepas pilihan raya nanti.

Berbalik kepada pinjaman perumahan, Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan apabila kita telah menerima ataupun diberi pinjaman, kita tidak boleh memohon semula. Ini saya ingin memberitahu saya ada kepentingan di sini oleh kerana semasa saya menjadi pengetua saya menerima pinjaman perumahan RM50,000 sahaja, tetapi bila menjadi Ahli Dewan Rakyat, saya bertanya sama ada saya boleh minta pinjaman. Pentadbiran menyatakan, "*Tidak boleh oleh kerana kamu sudah diberi satu peluang pada masa lampau.*" Jadi, saya rasa ini oleh kerana pinjaman itu RM50,000 sahaja sudah lama saya telah jelaskan, saya rasa apabila kita menjadi Ahli Parlimen kita patut dianggap sebagai orang yang baru, menerima perkhidmatan yang baru dan juga harus diberi semua kemudahan-kemudahan yang ada untuk Ahli Parlimen.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengesyorkan apabila selepas pilihan raya kita tidak mengiktiraf orang lama yang telah dipilih semula itu sebagai orang Ahli Parlimen. Apabila ada kemudahan yang lain untuk orang yang baru itu mereka juga harus diberi. Oleh kerana kadang-kadang kita minta penjelasan ini, minta penjelasan itu, dikatakan itu tidak boleh, ini tidak boleh. Saya harap pentadbiran akan mengkaji sistem-sistem yang ada, *General Orders* dan *Treasury Instructions* yang ada ini untuk Ahli Parlimen. Tidak patutlah saya rasa Ahli-ahli Parlimen dikenakan

dengan *General Orders* yang sama, *Arahan Perbendaharaan* yang sama oleh kerana saya rasa kita bukanlah pegawai kerajaan.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kubang Kerian.

12.18 tgh.

Tuan Husam bin Haji Musa [Kubang Keria]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bismillah, Alhamdulillah, Wassalatu wassalam ala Rasulallah. Saya mengambil kesempatan bersama untuk membahaskan pindaan kepada Akta Saraan Ahli-ahli Parlimen yang dibentangkan.

Dalam akta atau bil yang dicadangkan ini kita juga memperuntukkan pindaan saraan kepada Ketua Pembangkang dan juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai ketua kerajaan. Kedua penjawat jawatan ini buat masa ini kosong. Yang Berhormat Ketua Pembangkang baru sahaja pulang menemui kekasihnya dan kita berharap segala sumbangan atas kapasitinya sebagai ketua sebuah parti dan Ketua Pembangkang dalam Dewan ini untuk sama-sama berkongsi *vision* hidup bagi menuju kepada satu matlamat duniawi dan ukhrawi dapat diterima oleh Allah S.W.T. sebagai sumbangan yang bermakna.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mewakili parti saya dan keluarga Allahyarham dalam Dewan ini secara rasmi mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah pun memberikan kerjasama dan layanan yang baik termasuk kakitangan dan pengurusan hospital di mana beliau telah mendapatkan rawatan, dan juga semua kakitangan Parlimen ini yang telah pun menunjukkan kemesraan dalam tempoh yang singkat Yang Berhormat Allahyarham Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor mengetuai Kerusi Ketua Pembangkang. Kita telah pun mengadakan beberapa kali majlis ramah mesra dan jamuan yang telah pun menunjukkan kemesraan beliau sebagai satu anggota kepada Dewan yang mulia ini.

Pada hari ini walaupun kekosongan ini akan terisi, saya akan bercakap mengenai institusi Ketua Pembangkang yang disebutkan dalam Akta Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) 2002. Pada masa yang sama negara kita masih mengalami kedudukan yang tidak menentu dengan kekosongan ketua kerajaan walaupun kenyataan telah dikeluarkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri selaku Timbalan Presiden partinya, bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri belum lagi ataupun sudah menarik balik kenyataan untuk melepaskan jawatannya.

Tetapi pada hari ini kita belum mendengar kepastian yang sebenar daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri secara langsung walaupun dalam tempoh yang singkat untuk keluar di depan khalayak umum menentukan kedudukan yang akan memberikan kesan kepada kedudukan negara pada keseluruhannya. Saya berharap tempoh ketidakpastian ini tidak berpanjangan kerana kita sekarang berdepan dengan satu kedudukan pergantian kepimpinan yang akan memberikan kesan kepada negara kita pada secara keseluruhan.

Oleh kerana perkara ini tidak berkaitan dengan pindaan ini, saya tidak akan mengulasnya dengan panjang lebar, tetapi apa yang saya ingin ulaskan berkenaan dengan akta ini secara ringkas. Kita namakan akta ini ialah Akta Saraan. Saraan bermakna kita mengambil kira tanggungan-tanggungan orang yang kita ingin sarakan dan sudah tentu dengan pengertian saraan itu kita akan melihat perspektif yang lebih luas tentang makna penyaraan yang kita ingin berikan kepada orang yang ingin kita sarakan iaitu para Ahli Parlimen kedua-dua Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

Walaupun sebahagian daripada rakan-rakan saya telah pun menyuarakan keperitan hidup mereka dengan saraan yang kecil sebagai Ahli Dewan Rakyat, pada asasnya saya merasa agak segan untuk bercakap tentang kepentingan kita dari aspek kewangan semata-mata bagi membahas rang undang-undang ini. Walaupun kita tahu saraan kita agak kecil, agak tidak mencukupi, tetapi bagi saya dalam perspektif yang lebih luas kita kena melihat seimbang dengan tanggungjawab dan peranan yang kita boleh mainkan.

Oleh kerana itu, walaupun saya yakin suara-suara itu dikaitkan dengan sumbangan kita dalam kapasiti mewakili rakyat jelata untuk melihat kebajikan rakyat di kawasan kita, dan inilah yang dijadikan asas untuk mendesak kerajaan, menyuarakan kepada kerajaan keperluan kepada satu kajian yang menyeluruh tetapi yang

sebenarnya tanpa hipokrisi, adakah kita benar-benar bercakap dalam kapasiti untuk memberikan peluang kepada tiap-tiap orang wakil rakyat tanpa mengira mana-mana parti yang telah terpilih secara sah dalam proses demokrasi berparlimen, memainkan peranan mereka sepenuhnya? Adakah ini *substance* daripada tuntutan kita ataupun *substance* daripada tuntutan kita hanyalah kepentingan kewangan kita dalam perspektif yang lebih kecil?

Jika sekiranya kita bersetuju di atas *common ground* ini, iaitu kita ingin melihat peranan Ahli-ahli Dewan Rakyat yang terpilih secara terhormat dan sah dalam proses yang begitu mahal daripada segi sosialnya, seharusnya kita memberikan peluang kepada wakil rakyat ini berperanan seluas-luasnya tanpa mengira batasan parti politik yang mereka wakili. Tidak perlu ada satu penindasan ataupun deraan kepada rakyat yang telah memilih kita semua.

Bagi saya umpamanya, pengundi kawasan saya melebihi 70,000 orang, satu angka yang besar berbanding dengan setengah Parlimen yang cuma mempunyai 40,000 orang pengundi yang diwakili oleh kerajaan. *Proportion* tanggungjawab itu sudah tentu berbeza. Kalau kita ingin melihat perspektif itu, 70,000 telah mengambil bahagian dalam satu proses demokrasi dan telah memberikan undi mereka. Adakah undi mereka dihargai dalam konteks wakil mereka mempunyai *privilege* untuk memainkan peranan yang secukupnya sama ada menjaga kebajikan mereka sebagai rakyat yang memerlukan bantuan secara yang *ad hoc* yang terbesar mahupun melihat wakil rakyat mereka berperanan dalam Dewan ini?

Kita semua tahu bahawa dalam era sekarang wakil rakyat kita sudah mencapai tahap profesional ataupun pra profesional. Kita telah meninggalkan wakil rakyat dalam zaman selepas mula-mula kita merdeka. Dan dalam konteks inilah saya yakin kita akan melihat satu reformasi dalam peranan wakil rakyat, dapat kita kemukakan pada masa yang akan datang.

Saya bagi satu contoh bahawa kita sangat terikat dengan perspektif penjajah, suatu contoh yang mudah mungkin rakan-rakan saya yang lain tidak bersetuju, iaitu dalam pemberian tambang percuma kereta api. Ini adalah satu kenderaan zaman lalu yang wujud pada waktu itu, maka itulah satu-satu kemudahan yang diberikan oleh kerajaan kepada wakil rakyat. Tetapi adakah dalam zaman sekarang ini kita mahu wakil rakyat hanya *travel* untuk mendapatkan tambang percuma dengan kereta api dan kita tidak diberikan tambang percuma kapal terbang? Pada hal dalam era pergerakan yang pantas sekarang kita memerlukan mobilisasi yang pantas. Kalau kita lihat di Australia mereka memberikan *gold pass* kepada semua ahli Parlimen bagi mereka mendapatkan semua kemudahan penerbangan dan juga tol dan sebagainya dengan *gold pass* yang mereka miliki. Perspektif ini saya rasa kita belum lengkap.

Dalam konteks inilah kita akan melihat seluruh rang undang-undang kita juga masih berbau perspektif penjajah. Saya beri contoh, hukuman rotan umpamanya. Hukuman rotan terkena di beberapa negara yang sebenarnya dijajah oleh British pada masa yang lalu, tetapi ini semua telah pun diubah di negara Barat sendiri. Tetapi kita masih mengamalkan hukuman rotan yang kita selalu luluskan dalam Parlimen kita semasa membahaskan rang undang-undang berkaitan dengan jenayah dan sebagainya.

Dalam konteks inilah saya merasa hairan dengan suara yang dikemukakan oleh rakan-rakan saya berkaitan dengan petikan rakaman video perjalanan Parlimen ini. Saya tidak tahu di bawah peraturan manakah ianya satu kesalahan. Saya tidak tahu adakah Dewan ini satu tempat sulit untuk kita menyembunyikan kebenaran apa yang kita utarakan dalam Dewan ini. Adakah rakyat sebagai pengundi yang memberikan undi mereka tidak berhak mendapatkan liputan seluas-luasnya, bukan sesempit-sempitnya terhadap apa yang kita perkatakan, terhadap kehadiran kita, terhadap penglibatan kita, terhadap jawatan menteri-menteri? Bahkan sebenarnya mengikut tanggungjawab Parlimen.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Jeli bangun.

Tuan Husam bin Haji Musa: Sekejap. Sebarang pengumuman penting yang melibatkan kedudukan Perdana Menteri harus dibawa kepada pengetahuan dan maklum Dewan ini. Ini bukan urusan keluarga satu orang pemimpin tertentu. Ini bukan urusan satu parti tertentu. Ini bukan satu urusan yang melibatkan satu sektor tertentu.

Parlimen inilah seharusnya mendapat maklumat Perdana Menteri sendiri ataupun Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tentang kedudukan yang sebenarnya.

Inilah satu contoh penghormatan pada Parlimen. Saya telah bangkitkan mengapakah persidangan satu-satu parti diadakan serentak dengan perjalanan Parlimen. Ini semua di antara perspektif yang melebihi daripada saraan *tangible*. Adakah saraan hanya bermaksud saraan material? Saraan juga bermaksud tanggungjawab sosial yang kita pikul dan ini digemblengkan dalam satu reformasi peranan dan kedudukan Ahli-ahli Parlimen termasuk secara siaran langsung yang telah dibangkitkan oleh Batu Gajah tadi.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Yang Berhormat bagi Kubang Kerian ada menyebutkan tentang selain daripada tanggungjawab *material*, faedah *material*, Ahli-ahli Parlimen juga mempunyai tanggungjawab sosial, dan oleh kerana Ahli-ahli Parlimen ini dipilih oleh rakyat jelata tetapi ada suara-suara yang menyatakan bahawa persidangan oleh mereka yang dipilih oleh rakyat tidak sepatutnya disiarkan kepada rakyat. Jadi, ini satu perkara yang amat mengecewakan dan mengejutkan. Sedar atau tidak Yang Berhormat bagi Kubang Kerian beberapa negara di sekeliling kita yang dikatakan oleh kita kurang demokrasi berbanding dengan kita?

Umpamanya di Indonesia, di Thailand perdebatan Parlimen disiarkan secara langsung ataupun *direct telecast* kepada rakyat jelata. Bahkan, slot-slot tertentu untuk Parlimen Singapura juga disiarkan oleh televisyen-televisyen Singapura tetapi yang menyedihkan apakah Yang Berhormat bagi Kubang Kerian sedar bahawa di negara kita kalau dahulunya, kalau kita hendak ingat....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak perlu berucaplah.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Sedikit sahaja satu ayat sahaja. Kalau dahulu persidangan Parlimen ini di televisyen-televisyen dia ada gambar, dia beritahu wakil Parlimen yang mana menanyakan soalan mana, tetapi sekarang ini yang dahulu sudah baik tetapi sekarang ini langsung ditutup terus gambar-gambar si penanya soalan pun tidak dikemukakan. Apakah ini selari dengan tuntutan semasa era demokrasi baru global zaman sekarang, Yang Berhormat minta penjelasan. Sekian, terima kasih.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana perkara tersebut telah dimaklumi saya berpindah pada tajuk yang lain dan saya bersetuju dengan Jeli, pandangannya pun telah menjelaskan apa yang telah dimaksudkan oleh beliau. Saya ingin bangkitkan balik tentang kesaraan Ketua Pembangkang, saya masih ingat bahawa kita telah membahaskan perkara ini sebelum ini bahkan semasa saudara Lim Kit Siang masih menjadi Ketua Pembangkang supaya dalam penghormatan kita kepada institusi Parlimen ini, Ketua Pembangkang hendaklah diiktiraf sama dengan menteri dan dengan itu segala kemudahan menteri diberikan kepada Ketua Pembangkang, walaupun siapa mereka yang akan menjadi Ketua Pembangkang. Dalam sistem demokrasi kita boleh berubah-ubah, satu masa kita menjadi pembangkang, satu masa kita menjadi kerajaan, satu masa kita menjadi kerajaan satu masa lain kita menjadi pembangkang, tidak kira apakah yang akan berlaku kedudukan Ketua Pembangkang seharusnya diberikan penghormatan dan dalam konteks ini juga saya merasa sangat terharu, semalam apabila polis telah bertungkus-lumus daripada sebelah pagi lagi di Pokok Sena...

Dato' Dr. Hassan bin Haji Mohamed Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya minta *ruling*, tadi bila Yang Berhormat bagi Tambun bercakap, soalan-soalan macam ini dibantah dilarang, dibangkit tetapi sekarang dia mengungkit, kita kena bertegas kalau sekali Tambun dan Batu Gajah tadi bercakap kita larangkan soalan-soalan yang tidak kena-mengena dengan gaji.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sila duduk.

Tuan Husam bin Haji Musa: Persaraan ahli Ketua Pembangkang ada kaitan dengan rang undang-undang ini, kalau kita baca pindaan seksyen 4 berkaitan dengan saraan Ketua Pembangkang. Bahkan berkaitan dengan saraan Perdana Menteri seksyen 6(i), ada kaitan dan Kota Melaka telah membangkitkan selain daripada saraan dalam bil ini, mereka dibekalkan oleh elaun yang lain dan sebagai Yang Amat

Berhormat Perdana Menteri, beliau mendapat elaun keraiannya sahaja selain daripada tiga empat lain ialah RM18, 855 dan menteri mendapat elaun kerajaan sebanyak RM12, 320, adakah ini seimbang dengan Ketua Pembangkang? Ini yang saya cuba bangkitkan berkaitan dengan saraan ini, saya tidak tahu Batang Lupar begitu sensitif.

Saya minta izin untuk meneruskan perbahasan saya, saya telah sebutkan bahawa sesiapa pun Ketua Pembangkang, Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor telah meninggal dunia saya tidak menuntut untuk mana-mana Ahli Parlimen PAS yang akan menggantikan beliau, saya menuntut atas kehormatan Parlimen, bila kita mempunyai Ketua Pembangkang yang setaraf dengan menteri bererti kita menghormati konsep *check and balance* dan saya masih ingat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam satu penggolongannya kalau tidak silap di Perhimpunan Agung UMNO, beliau telah memuji peranan-peranan pembangkang kalau tanpa pembangkang katanya mungkin kerajaan akan melakukan kesilapan yang lebih besar, tetapi dengan pembangkang ada, kita telah memainkan peranan kita supaya kerajaan melaksanakan tanggungjawabnya dengan lebih telus.

Tetapi adakah tanggungjawab ini tidak selari dengan saraan? Saya telah katakan saraan bermakna mengambil kira tanggungan, apa tanggungjawab, apa tanggungan kita? Tanggungan kewangan dan juga tanggungjawab kita secara sosial, kalau kita faham tanggungan dan tanggungjawab ini tidak perlu pun kita bincangkan, bahaskan dan cadangkan perkara ini berkali-kali.

Jadi, saya yakin bahawa kita semua menghormati konsep Ketua Pembangkang kepada demokrasi berparlimen dan tarafnya kita tingkatkan supaya dengan itu penghormatan dapat diberikan dan *conscious* ini, kesedaran ini akan lekat dalam minda kita untuk memainkan peranan kita secara yang lebih berkesan dan saya ingin kaitkan sedikit semalam, saya ingin ucap terima kasih sekali lagi dan polis begitu penat daripada tengah hari mengawal ratusan ribu yang menghadiri pengebumian jenazah dan mereka kelihatan amat letih....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat saya rasa perkara ini tidak payahlah.... ia di luar dari perbincangan....

Tuan Husam bin Haji Musa: Ya, ya sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya maksudkan begini, saya maksudkan adakah selepas kematian, institusi Ketua Pembangkang mendapat penghormatan, adakah semasa beliau hidup kita tidak boleh memberikan penghormatan yang sama, dalam konteks itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, walaupun ini adalah satu pelajaran, pengalaman masa lalu tetapi dalam hubungan kita pada masa akan datang saya yakin bahawa... perspektif

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Jeli bangun.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Ya, satu.

Tuan Husam bin Haji Musa: Boleh berikan laluan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Terpulung kepada Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Saya tertarik dengan hujah yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Kubang Kerian mengenai kedudukan dan status Ketua Pembangkang di Parlimen Malaysia. Apakah Yang Berhormat sedar bahawa di beberapa negara-negara yang telah kita lawati mungkin bersama Kubang Kerian dan Jeli, beberapa negara kita perhatikan baik Australia, India, England dan negara-negara lain yang maju dan lebih maju tolak India, lebih maju daripada kita taraf Ketua Pembangkang sama seperti mana taraf menteri-menteri di mana kedudukan *remuneration*, elaun saraannya, dan sebagainya sama seperti mana menteri-menteri. Tetapi kenapakah negara kita Malaysia yang bercita-cita ingin menjadi negara maju tidak boleh mengikut amalan-amalan yang diamalkan oleh Parlimen-Parlimen yang lain, yakni di negara-negara maju? Yakni kedudukan Ketua Pembangkang setaraf dan juga elaun saraannya sama seperti mana menteri-menteri, minta penjelasan Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Jeli, saya sengaja tidak suka membuat perbandingan walaupun saya mempunyai fakta-fakta perbandingan dengan negara-negara lain, saya hanya berharap dengan cetusan ini kita

dapat mengambil peluang untuk melaksanakan pembaikan pada masa akan datang, saya menyokong rang undang-undang ini. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sipitang.

12.36 tgh.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Pindaan) Saraan 2002 ini. Memang kita sukar untuk membahaskan benda-benda yang ada kepentingan diri kita sendiri, seolah-olah kita memperjuangkan atau meminta-minta memperjuangkan diri sendiri, tetapi saya yakin apa yang diperkatakan ini adalah hak kita juga untuk membahaskan dan meluluskan di Parlimen ini, yang mana apabila kita luluskan bukan sahaja ahli-ahli Barisan Nasional tetapi seluruh Ahli Parlimen mendapat faedah daripada pindaan Perlembagaan ataupun akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya terkilan dengan beberapa pandangan daripada Ahli Parlimen Pembangkang yang seolah-olah tidak menghargai apa jua yang kerajaan buat, saya Ahli Parlimen bagi Sipitang, bersama-sama rakyat yang saya wakili mengucapkan takziah kepada Ketua Pembangkang Ahli Parlimen bagi Pendang atas kepulangan beliau ke rahmatullah dan mudah-mudahan mendapat rahmat ke atas roh beliau, tetapi apa yang dibuat oleh kerajaan adalah yang terbaik dan penghargaan yang terakhir pun dipertikaikan sepatutnya ini diucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada kerajaan, kepada TUDM yang telah menyediakan kemudahan.

Mengenai dengan apa yang dikatakan oleh Ahli Parlimen tadi yang mengatakan perlu siaran langsung, tidak semua negara mengadakan siaran langsung, mungkin kalau kita mengadakan siaran langsung mempunyai tanggapan negatif terhadap Parlimen ini terutamanya sekali pada masa-masa tertentu apabila Ahli Parlimen berkelakuan macam budak-budak kecil seperti bukan tahap seorang Ahli Parlimen. Jadi ini mungkin yang kita elakkan tidak menyiarkan pada masa yang tertentu kerana kelakuan-kelakuan yang tidak diramal, tidak diduga boleh berlaku dan apabila ditonton oleh anak-anak perangai Ahli Parlimen yang kadang-kadang semacam budak kecil, kalau tidak keterlaluan semacam 'beruk' pun ada. Jadi ini yang memalukan kita, seharusnya kita....

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun dalam keadaan yang marah]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya hendak tahu Ahli Parlimen yang mana yang macam 'beruk' tu?

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Siapa yang makan lada, dia rasa pedaslah.

[Dewan menjadi riuh seketika]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Teruskan Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tidak... Ahli Parlimen yang mana macam 'beruk'?

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: 'Beruk' bahasa Parlimen ke?

Tuan Husam bin Haji Musa: Mana Ahli Parlimen yang macam 'beruk' tu?

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Tuan Yang di-Pertua....

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: 'Beruk' ini bahasa Parlimen ke 'beruk' ini?

Tuan Husam bin Haji Musa: Tidak, kita bercakap tentang tanggungjawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat sebelum mendapatkan kebenaran tidak payahlah keluarkan apa-apa sahaja.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Siapa.... 'beruk' perkataan Parlimen ke?

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Saya, saya tidak tujukan....

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bercakap tanpa pembesar suara]* Dia refer kepada Ahli Parlimen....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia secara amlah...

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Masih bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Kamarudin bin Jaffar: *[Bangun]*

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: *[Bercakap tanpa pembesar suara]* termasuk Yang Berhormat Perdana Menteri juga...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa: 193 Ahli Parlimen seorang sahaja yang menjadi 'beruk'?

Puan Fong Po Kuan: Namakan?

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Perangai, perangai saya katakan...

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Puan Fong Po Kuan: *[Menyampuk]*

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Siapa yang makan lada dia terasa pedaslah.....ini...walau ada sesiapa sahaja Ahli Parlimen yang berperangai tidak senonoh.....merasalah.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bagi peluang dan saya ingin meneruskan...hujah saya....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat atas Peraturan Mesyuarat....

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*.....siapa kata perangai macam beruk?

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Dia yang kata perangai macam beruk...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bangun atas Peraturan Mesyuarat...

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Husam bin Haji Musa: Peraturan Mesyuarat 36, bahasa-bahasa yang biadap..... *[masih bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*...Ahli Parlimen.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: *[Bangun dan bercakap sesuatu]*

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun dan menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Saya tidak tujukan kepada sesiapa.

Tuan Husam bin Haji Musa: Dia telah tuju kepada Parlimen, kita ada 193 Ahli Parlimen, seorang mesti jadi 'beruk'.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat duduk.

Tuan Husam bin Haji Musa: Mana satu Ahli Parlimen daripada 193 yang 'beruk' itu?

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Memang patut...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sipitang.

Tuan Husam bin Haji Musa: Implikasi ucapan dia, dia kena timbang dahulu. Kalau ada 'beruk' betul, tunjukkanlah siapa dia?

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Saya teruskan Tuan Yang di-Pertua, ucapan saya....

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bercakap tanpa pembesar suara]....* kita halau dia keluar...

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Ya, betul, betul. Kalau ada, kita halau saya setuju... *[Dewan riuh dengan ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia kata tidak adalah Yang Berhormat, teruskan memang tidak adalah, tidak adalah, ya teruskanlah.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Husam bin Haji Musa: Jangan main-main...

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Saya serius....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat sila duduk! Sila duduk!

Tuan Husam bin Haji Musa: Adakah Ahli Parlimen Malaysia ada seorang perangai macam 'beruk'?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tadi jawapan dari Sipitang tidak ada, jadi tidak ada...

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tarik balik, tarik balik!

Puan Fong Po Kuan: *[Menyampuk]*

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meneruskan hujah saya.

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kata tidak ada, bererti apa yang dikatakan tadi tidak ada, tidak adalah. Senang sahaja Yang Berhormat, teruskanlah.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Saya kata.... kalau ada perangai-perangai yang tidak baik, kita kena tunjukkanlah supaya tujuan....

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Dato', Dato'....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat dia kata tadi kalau ada, kalau ada....

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Kalau ada, kalau ada kita tidak mahu.....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun dan bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun dan bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:suruh dia tarik balik.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Saya merayulah kepada Ahli Parlimen untuk menjaga martabat Ahli Parlimen Malaysia ini, semua perangai-perangai kita sebagai Ahli Parlimen mestilah baik, jangan ada perangai yang tidak baik.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Dia cakap kita macam 'beruk', dia kena tarik balik yang itu dahulu!

Puan Fong Po Kuan: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat apakah perkataan yang digunakan sebelum ini?

Puan Fong Po Kuan: Sendiri mesti baik.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Supaya baik, itu sahajalah.

[Beberapa Ahli menyampuk]

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*'beruk', perandai macam budak-budak... siapa 'beruk'? Parlimen Malaysia 'beruk'?

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Yalah, saya katakan, tidak... saya kata ada Ahli-ahli Parlimen yang berperandai sedemikian kalau ada.....

[Beberapa Ahli menyampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat sila duduk....

Beberapa Ahli: Kena tarik!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila duduk!

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Kalau ada, kalau ada, dia tidak mahu tunjuk....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jadi Yang Berhormat, kalau ada, jadi sekarang jawapan tidak ada betul tidak?

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Ya, tidak adalah, tidak adalah, kita mahu Ahli Parlimen Malaysia ini berperandai baik barulah kita boleh tunjuk....

[Beberapa Ahli bangun dan menyampuk tanpa henti]

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Puan Fong Po Kuan: *[Bangun]*

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat dia sudah terangkan tidak ada.....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bercakap tanpa pembesar suara, gentlemen, gentlemen...]* cakap tidak betul ditarik, apa hendak takut.

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Menyampuk]*

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Ya, kalau kita hendak ada siaran langsung sebegini, Tuan Yang di-Pertua... perandai-perandai seperti inilah yang kita tidak mahu tunjukkan di bawah.

[Dewan riuh seketika]

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Perandai-perandai seperti inilah yang tidak faham dengan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat dia sudah terangkan kalau ada....

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Kalau macam itu, bermakna dia jugalah maksudnya....

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun dan menyampuk]*

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun dan menyampuk]*

[Beberapa Ahli Yang Berhormat menyampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan Yang Berhormat, saya sekarang terpulang kepada Yang Berhormat, dia kata.... cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah berlembut tetapi mereka telah mula.... *unparliamentary* saya minta tarik balik juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak ada, tidak apa.... Yang Berhormat, Yang Berhormat. Mengikuti Yang Berhormat....

Tuan Husam bin Haji Musa: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]...dia cakap tu ada 'beruk' tadi, *very clear*. Ada 'beruk' ke tidak ada 'beruk'?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sekarang saya mempengerusikan mesyuarat sila duduk.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Bukan, bukan.... dia kata... [*Bangun dan bercakap tanpa pembesar suara*]

[*Beberapa Ahli bangun dan menyampuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jeli, Jeli sila duduk. Yang Berhormat saya bersetuju apa-apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat, perkataan you tidak sesuai dia tidak sanggup tarik balik, kita boleh rujuk kepada *Hansard*...

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Tidak adalah, Jeli bagus, Jeli bagus. Ya, Jeli bagus.

[*Beberapa Ahli Yang Berhormat ketawa*]

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Tuan Yang di-Pertua, melihat kepada elaun-elaun dan juga ganjaran-ganjaran....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat saya sudah membuat keputusan yang terpaksa kita rujuk kepada *Hansard* sebab apa yang dikatakan oleh beliau bukan seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi, dan saya memang tidak dengar apa yang dia kata sebelum ini.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: [*Bangun*]

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Tidak, saya tidak bagi peluang. Saya hendak meneruskan hujah-hujah saya dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sudahlah Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Nanti, nanti. Jeli fahamlah, kita kawankan. Kita sudah hendak berbaik-baik ini.

Tuan Yang di-Pertua, melihat kepada pindaan ganjaran yang diberikan kepada Ahli Parlimen, walaupun angka itu, kalau kita lihat di sini mencecah RM5,000 daripada angka yang telah dinaikkan di Dewan Rakyat daripada RM5,379 kepada RM5,916. Melihat angka ini melebihi tetapi sebenarnya, kalau dibandingkan dengan masa, dari segi inflasi dan juga dari segi keperluan masa kini, tidaklah sebegitu tinggi. Saya pernah bekerja pada tahun 1982. Saya sudah memangku.....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [*Menyampuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat....

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:jawatan *Superscale 'G'* masa itu. Kalau sekarang ini, U2 ataupun M2, *Setiausaha Parlimen Superscale 'G'*. Saya juga membawa balik ke rumah dalam amaun yang sama. Bayangkan, tahun 1982, 20 tahun yang lalu, kita masih mempunyai amaun yang sama. Lebih-lebih lagi, kerja Ahli Dewan Rakyat, semakin hari, semakin mencabar dan keadaan masa kini juga memerlukan keperluan yang lebih. Saya bukanlah mengatakan bahawa soal duit itu tidak perlu. Banyak mana pun, soal wang ini kalau kita tidak pandai mengurus Tuan Yang di-Pertua, orang kaya, banyak mana pun, gaji besar mana pun, dia kata tidak akan cukup tetapi kita masih melihat dalam sudut yang lain.

Kalau dalam tahun 1960-an, 1970-an, barisan Ahli-ahli Parlimen, kebanyakannya orang yang tidak begitu berkelulusan tinggi, kurang ahli-ahli profesional pada masa itu. Di kawasan saya, tiga penggal Ahli Parlimen tanpa bertanding, dia tidak lulus pun Tingkatan Tiga tetapi jadi Ahli Parlimen juga, masa yang lalu. Tetapi, berbanding pada hari ini, Ahli-ahli Parlimen kita, adalah di kalangan orang-orang yang berkelulusan tinggi sekurang-kurangnya ada *degree*, kalau ada pun satu, dua orang

yang tidak mempunyai kelulusan tinggi. Tetapi, rata-rata adalah golongan profesional daripada kalangan doktor perubatan, *surveyor* macam Jeli, peguam macam Bukit Mertajam, doktor macam Kepong. Pokok pangkalnya adalah orang-orang profesional, orang-orang yang mempunyai kelayakan tertinggi dan ini adalah atas permintaan masyarakat pada hari ini, yang inginkan wakil mereka adalah di kalangan orang-orang profesional.

Kalau mahu bertanding di kawasan sekarang ini, kalau Darjah Enam sahaja Tuan Yang di-Pertua, mungkin tidak diendahkan oleh rakyat oleh kerana rakyat memerlukan tahap kelulusan dan juga kepintaran, suatu tahap yang boleh diterima oleh umum. Lebih-lebih lagi, Ahli-ahli Parlimen sekarang ini, dengan globalisasi, dengan perhubungan serantau dan juga dunia yang semakin dekat, menuntut wakil rakyat itu orang yang berkebolehan, boleh berbicara, boleh bercakap Bahasa Inggeris, boleh mengeluarkan pendapat tentang masalah rakyat dan sebagainya. Ini adalah keperluan.

Jadi, kalau dilihat dari segi ganjaran RM5,900 amatlah kecil berbanding dengan golongan-golongan profesional yang lain yang berada di luar. Misalnya doktor swasta, peguam dan juga pegawai-pegawai kerajaan, pengarah-pengarah dan sebagainya ataupun pemimpin-pemimpin korporat, tentu lebih tinggi.

Jadi, inilah yang menuntut bahawa kemudahan itu dikaji. Saya menyarankan supaya dilihat dalam sudut yang berbeza ini. Telah dikatakan oleh kawan-kawan tadi juga, peranan wakil rakyat ini yang pukul 6.30 pagi sudah ada orang tunggu di pintu pagar Tuan Yang di-Pertua. Saya dan Beluran berpengalaman, Tuan Yang di-Pertua mungkin tidaklah ataupun tentu juga ada. Jadi, pelbagai masalah rakyat yang dituntut. Kalau dia minta yang boleh kita beri secara misalnya berunding untuk projek pembangunan, kita boleh cadangkan cakap di Parlimen. Tetapi, selalunya apa yang diminta oleh rakyat kita ini, lebih-lebih lagi di kawasan yang rakyatnya adalah golongan miskin, memang perlu dia kita bantu. Selalunya bantuan ini dalam bentuk tunai Tuan Yang di-Pertua.

Saya tiap-tiap tahun, bukan cakap membesar diri, semua secara dasarnya rakyat yang mendapat tawaran masuk IPTA, IPTS, boleh dikatakan minta *sponsor*, minta sumbangan tiket kapal terbang untuk datang ke Kuala Lumpur. Kadang-kadang dia minta lebih lagi kerana yuran RM3,000 dia minta diringankan. Jadi, kadang-kadang kita hulurlah juga kiri, kanan. Saya tidak mahu memanjangkan soal keperluan individu rakyat ini. Kalau kita mahu layan seluruh rakyat kita, tentu sekali dengan RM5,900 itu tidak ada erti langsung kepada kita. Itu belum lagi dengan minyak kereta, perjalanan dan sebagainya walaupun dapat dituntut dalam acara-acara rasmi tetapi kadang-kadang kalau rakyat kita sakit di rumah Tuan Yang di-Pertua, kita boleh tuntutan? Kita tidak boleh tuntutan, lawat orang sakit di kawasan yang jauh dan sebagainya.

Jadi, dalam sudut itulah amaun itu kecil. Lagi satu yang saya ingin tegaskan di sini ialah isu kemudahan kepada Ahli Parlimen. Yang pertama sekali, kemudahan-kemudahan yang diberikan ini, saya setuju juga dalam banyak hal, saya tidak setuju dengan Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Tadi dia kata, kemudahan dari segi tiket kereta api. Ini adalah kemudahan yang dilihat dalam satu sudut sahaja. Bagaimana dengan orang Terengganu menikmati tiket kereta api? Bagaimana dengan orang Sarawak menikmati tiket kereta api? Tidak praktikal langsung. Di Sabah ada kereta api.... tetapi yang dikhususkan itu Kereta Api Tanah Melayu. Apa saya hendak buat daripada Kuala Lumpur hendak pergi Padang Besar ataupun pergi Johor Bharu ataupun pergi Kota Bharu, kecuali ada urusan rasmi. Tetapi, kegunaan harian kita, keperluan harian kita hari ini, menuntut bukan yang itu, yang lain. Saya tidak mahulah elaun kereta api ini dan kalau ada pun, saya tidak pakai Tuan Yang di-Pertua. Dari sini ke Johor Bharu....

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Kubang Kerian bangun.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Saya tidak bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia tidak bagilah.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Dari sini ke Johor Bharu, saya sudah naik juga, saya cuba berapa lama.

Tuan Husam bin Haji Musa: [*Bangun*] [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apa, sila duduk.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Saya tidak bagi. Inilah yang tidak faham peraturan ini. Macam mana hendak masuk siaran langsung? [*Ketawa*]

Tuan Husam bin Haji Musa: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat....

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Saya....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat pun salah, tidak mengikut Peraturan Mesyuarat. Kalau hendak tuduh orang lain, lebih baik Yang Berhormat sendiri mengikut Peraturan Mesyuarat. Sila duduk. Cukup.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Jadi, kemudahan ini tidak praktikal dalam dunia hari ini. Misalnya, saya cuba sekali naik kereta api dari Singapura ke Kuala Lumpur, saya hendak *experience*. Bertolak pada pukul 10.00 malam di Tanjong Pagar dan sampai di sini pukul 6.00 pagi sedangkan kalau kita naik kereta, dari sini ke Johor Bharu, saya ingat Tuan Yang di-Pertua pun pergi Senai tidak pernah naik kereta api barangkali, mesti dengan kereta. Dari sini ke Johor Bharu, kita naik kereta lebih kurang dua jam setengah ke tiga jam.

Dalam keadaan tertentu, kita pecut sedikit lebih kurang dua jam suku, boleh sampai ke Johor Bharu. Begitu juga dengan ke Padang Besar. Kita perlu satu malam suntuk berbanding dengan kereta, tiga hingga empat jam dan inilah yang saya kata, kita perlu *review*, dengan izin, kita kaji kemudahan ini supaya semua wakil rakyat mendapat faedah, bukan kita hentam sahaja oleh kerana dia dasar dahulu bagi percuma, kita lulus juga bagi percuma.

Yang kita perlu hari ini ialah keperluan hari ini yang menuntut, keperluan hari ini dan juga keperluan akan datang. Orang Sabah, orang Sarawak tidak ada alternatif lain, datang ke Kuala Lumpur untuk mesyuarat, urusan bercuti – "Cuti-cuti Malaysia", tidak ada alternatif Tuan Yang di-Pertua, mesti naik kapal terbang. Pilihan kita *Air Asia*, *Transmile* ataupun MAS. Terima kasihlah kepada kerajaan kita dapat 25% diskaun, itu pun kepada suami dan isteri. Anak-anak bagaimana? Bagaimana yang kita inginkan?

Jadi, kita melihat bahawa perkara ini kita kena kaji untuk kebaikan semua wakil rakyat oleh kerana wakil rakyat ini orang yang dipilih, ada kedudukan dalam masyarakat, apalah salahnya 195 orang campur lagi Ahli Dewan Negara yang 65 orang itu, diberi keistimewaan dalam tiket kapal terbang ini. Mungkin 50% daripada tiket kapal terbang untuk urusan-urusan rasmi dan juga urusan-urusan yang lain sebagai keistimewaan, bukan percuma. Begitu juga kepada semua anak-anak ataupun ibu bapa....

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Jeli bangun.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Tidak apa, tidak apa, bagi.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Sipitang. Yang Berhormat bagi Kubang Kerian tadi menyatakan bahawa kereta api ini *mode of transport* lama, sekarang ini, ke mana-mana semua menggunakan kapal terbang. Jadi, Yang Berhormat bagi Sipitang pun beritahu, bahawa sekarang ini untuk Malaysia Timur, terpaksa guna kapal terbang. Jadi, dengan berdasarkan kepada pengalaman-pengalaman Parlimen lain, Bangladesh baik dan Australia baik, kita perhatikan bahawa Ahli-ahli Parlimen diberikan satu *voucher* kapal terbang dalam, domestik hatta Bangladesh.

Saya pun pergi ke Parlimen Bangladesh. Hatta Bangladesh, untuk penerbangan domestik diberikan *voucher* kapal terbang, kerana hendak datang dengan kereta api ini, 12 jam, kadang-kadang mati tengah jalan dalam kereta api. Jadi, sekarang selari dengan era masa yang begitu cepat, kenapa Yang Berhormat bagi

Sipitang tidak setuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Kubang Kerian yang mengatakan bahawa sepatutnya sekarang ini, *voucher* kapal terbang diberikan percuma kepada Ahli Parlimen kerana tugas untuk datang ke Parlimen dan sebagainya. Tetapi, Yang Berhormat bagi Sipitang minta sampai anak isteri dan sebagainya. Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Tuan Yang di-Pertua, inilah contoh Ahli Parlimen, para pegawai kerajaan dengar apa yang saya cakap. Ini tidak faham. Macam ini kita hendak siar seluruh negara, 'bengong' rakyat.

Seorang Ahli: 'Bengong' itu apa?

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Pening rakyat. Saya sudah kata tadi, saya bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Kubang Kerian. Ahli Parlimen bagi Jeli hendak cadangkan bagi *voucher*, cadanglah. Saya tidak setuju dengan cadangan dia. Saya ada cadangan saya sendiri. Dia hendak cadang pakai *voucher* kah, pakai tiket percumakah, cakaplah kalau dia hendak cakap. Itu, dia punya. Maksud saya di sini, saya ada idea sendiri. Bila saya cakap ini, dia hendak tumpang semangkuk. Ini, Ahli Parlimen bagi Sipitang yang bercakap...

Tuan Husam bin Haji Musa: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kubang Kerian, apa guna bangun Yang Berhormat? Apa ada? Saya ingat hendak baca bangun.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Saya bagi peluang.

Tuan Husam bin Haji Musa: Minta penjelasan. Terima kasih. Bagi tidak memanjangkan masa dan mengelakkan kekeliruan Yang Berhormat bagi Sipitang, saya yakin Yang Berhormat tidak berapa dengar apa yang saya telah ucapkan. Saya kata, kereta api ini mentaliti penjajah, yang ada masa penjajah kereta api, kita kena tambah dengan benda lain, dengan *toll free*, dengan kapal terbang bahkan kalau kita naik daripada Subang ke Kuala Lumpur, kita dapat LRT dan sebagainya. Itu cadangan saya. Dia mempertikaikan cadangan saya, dia kata, saya hanya mencadangkan kereta api, saya ingin buat pembedaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan minta penjelasanlah.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tidak, supaya Yang Berhormat bagi Sipitang boleh faham.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Lagi satu tidak faham ini Tuan Yang di-Pertua. Saya kata setuju dengan idea dia tetapi saya tidak hendak hebohlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apalah Yang Berhormat, kita boleh alih kepada perkara lainlah.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Ya. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya mintalah kepada pegawai-pegawai supaya melihat dalam sudut ini.

Yang akhir Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menutup ucapan saya, saya sudah minta mengenai dengan elaun ini. Kalau pegawai kerajaan, kalau bertugas di Sabah ada Elaun Wilayah, kalau yang di luar bandar ada elaun hidup susah, bagaimana dengan Ahli-ahli Parlimen ini? Kalau boleh, kita timbang juga pegawai-pegawai yang menggubal undang-undang ini dengan Ahli Parlimen ini, menimbang cadangan saya supaya ada Elaun Wilayah mengikut kawasan-kawasan. Kalau misalnya di Sarawak, bayangkan Tuan Yang di-Pertua, jauh di luar bandar, hidup susah walaupun Ahli Parlimen dia duduk di bandar. Tetapi, bila dia melawat kawasan, kita tidak cukup kalau *claim* tambang, tidak cukup Tuan Yang di-Pertua, melebihi daripada itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, boleh sambung petangkah? Yang Berhormat....

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Saya hendak gulung. Saya hendak habiskan. Jadi, saya harapkan, bahawa Elaun Wilayah macam dengan pegawai kerajaan, kalau bertugas di Sabah ataupun Ahli Parlimen Sabah, Sarawak, juga harus diambil kira dari segi kesukaran keadaan dan juga geografi kawasan itu. Saya mohon menyokong Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat disambung semula.

2.30 ptg.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat cukuplah Yang Berhormat Batang Lupar, cukuplah berucap. Saya hendak minta Menteri menjawab. Sudahlah! Saya pun dengar daripada pagi tadi tidak ada apa-apa yang hendak ditokok tambah, sudah cantik dah berucap pagi tadi. Ya, sila.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menggulung perbahasan mengenai Rang Undang-undang Saraan (Pindaan) 2002. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua ahli-ahli yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Sri Gading bertanya kenapa kenaikan gaji dan elaun Parlimen dan kenaikan berasaskan kenaikan anggota perkhidmatan awam. Untuk makluman Yang Berhormat, ini menunjukkan amalan yang dilaksanakan sebelum ini. Walau bagaimanapun, sekiranya Ahli-Ahli Parlimen berpendapat gaji dan elaun mereka rendah dan tidak mengikut kaedah gaji anggota perkhidmatan awam, saya mencadangkan supaya Ahli-ahli Parlimen mengemukakan secara khusus kepada kerajaan atau terlebih dahulu Jawatankuasa Dewan untuk pandangan kerajaan.

Yang Berhormat Sri Gading juga bertanya gaji Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah rendah berbanding dengan lain-lain negara.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun Yang Berhormat. Kepong!

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya ada beberapa cadangan. Walaupun Tuan Yang di-Pertua ada dengar cadangan lebih awal tetapi kita ada cadangan yang lebih.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik kepada jawapan tadi yang mengatakan bahawa boleh dibentangkan dalam Jawatankuasa Pemilih Dewan. Akan tetapi kalau itulah yang boleh dibuat, adakah pihak Yang Berhormat hendak mengemukakan cadangan ini kepada Jawatankuasa Pemilih dahulu kemudian kita bentangkan di dalam Parlimen. Mungkin satu cara yang lebih baik sebab Tuan Yang di-Pertua, masalah kita ialah kenaikannya bukan begitu banyak tetapi rakyat, mereka ada pandangan yang lain. Menteri dan Ahli Dewan Rakyat ini sentiasa hendak menaikkan gaji sahaja dan kerja tidak bertambah baik. Itulah pandangan mereka.

Kalau kita adakan satu kajian ataupun satu penyelidikan yang dibuat oleh Jawatankuasa Dewan, mungkin kita boleh mengemukakan satu laporan yang lebih lengkap memberitahu kepada rakyat sekian, sekian, masalah dan sebagainya, kita tidak cukup dan sebagainya, mungkin itu lebih baik. Saya faham kalau kita hendak gunakan Jawatankuasa Dewan kita perlukan kemampuan, sumber yang lebih banyak termasuk sumber kakitangan, sumber kewangan yang perlu ditambah untuk Dewan berbuat demikian tetapi itu lain kira. Saya berharap Yang Berhormat dapat memberi pandangan yang konstruktif.

Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Kepong. Masalah pembangkang tadi dia tanya macam-macam soalan, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi apabila saya hendak jawab, kebanyakan mereka tidak ada. Walau macam mana pun, yang saya sebutkan tadi, memang

kerajaan sedang melihat dan mengkaji dan apabila kita mendengar daripada Ahli-ahli Yang Berhormat telah mengeluarkan pandangan-pandangan mereka, saranan saya tadi ialah supaya mereka memaklumkan kepada Jabatan Parlimen ini apa yang mereka berkehendakkan supaya kerajaan dapat mengkaji, meneliti bersama dengan Jabatan Perkhidmatan Awam supaya apa-apa yang diperlukan, jika dipandangkan munasabah bolehlah kita ketengahkan pada sidang Parlimen yang akan datang untuk pindaan-pindaan yang tertentu. Kali ini kita kena buat secara berasingan.

Yang Berhormat bagi Sri Gading juga telah bertanya berkenaan dengan gaji Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah rendah berbanding dengan negara-negara lain. Adalah diakui bahawa gaji anggota pentadbiran dan Ahli-ahli Parlimen masing-masing adalah rendah daripada lain-lain negara tetapi kita harus ingat bahawa matlamat kita adalah untuk negara. Walaupun gaji dan elaun kita rendah, kita tetap meneruskan khidmat kita kepada negara dan cinta untuk negara tanpa mengira elaun dan gaji kita.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Sri Gading bertanyakan mengenai ganjaran tanpa had kepada Ahli Parlimen. Sukacita saya memaklumkan bahawa kerajaan telah bersetuju memberi ganjaran berasaskan formula tanpa had kepada Ahli-ahli Parlimen seperti yang diterima oleh anggota pentadbiran.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat, Kepong bangun pula.

Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor: Biar saya habiskan dahulu, Yang Berhormat Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Ketawa]*

Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor: Jabatan Perkhidmatan Awam bersama-sama dengan Jabatan Peguam Negara sedang mengambil tindakan meminta Jadual Pertama kepada Akta Ahli Parlimen bagi membolehkan Ahli-ahli Parlimen menerima ganjaran mengikut formula tanpa had tempoh perkhidmatan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, *[Ketawa]* saya merasa seronok juga dengan jawapan tadi. Beliau mengatakan bahawa walaupun elaun itu begitu sedikit tetapi kerana jasa untuk negara itu, hmm... berdedikasilah, betul punya. Tetapi kalau kita nampak, kalau itulah maksudnya elaun kerajaan sebulan memang begitu tinggi, lebih satu, dua kali daripada gaji dan sebagainya.

Dia kata rendah tidak apa, kita hendak berdedikasi, hendak kerja dengan kuat tetapi tuntutan untuk elaun kerajaan banyak, dua tiga kali atau lebih. Oleh sebab itulah patut kita adakan satu jawatankuasa untuk mengkaji semua tuntutan perjalanan dan kerajaan. Kadangkala kita ada Ahli Parlimen yang tuntutannya itu lebih banyak daripada elaun, lebih banyak! Saya hendak cadangkan kita adakan satu jawatankuasa khas untuk memantau semua tuntutan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya beranggapan kalau sebagai Perdana Menteri kita mesti bayar dia begitu secocok dengan kerja dia. Ini memang perkara yang penting. Kita hendak dia kerja dengan kuat, baik untuk negara, patut kita adakan gaji yang setimpal, ini memang saya setuju tetapi kalau Yang Berhormat kata dia hendak berdedikasi kerana walaupun elaun dan gaji yang rendah dan kita hendak kerja kuatlah untuk negara, tetapi kalau itu yang disebutkan tadi, mengapa kitauntut elaun dengan banyak? Ini bermakna kenyataan Yang Berhormat tadi tidak benar.

Misalnya Tuan Yang di-Pertua, saya pun hendak buat cadangan juga sebab saya tidak ada peluang untuk berucap. Misalnya Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak buat ini, di Wilayah Persekutuan kita ada 10 Ahli Parlimen tetapi di seluruh negara kita ada 183 dan pada masa sesi mesyuarat persidangan, setiap ahli kecuali daripada Wilayah Persekutuan mendapat elaun kehidupan harian sebanyak RM100. Kalau satu sesi untuk belanjawan mungkin tiga ribu, empat ribu tetapi bagi 10 hari Parlimen di sini, tidak ada langsung. Mungkin Yang Berhormat boleh timbangkan dengan adil sedikit.

Ini termasuklah satu perkara lagi iaitu tiap-tiap Menteri ada Setiausaha Politik dan Setiausaha Politik dikira di dalam tangga gaji ini, tangga elaun RM3,300 elaun kerajaan untuknya. Akan tetapi bagi Setiausaha Politik Ahli-Ahli Parlimen, satu sen pun

tidak dapat. Oleh sebab itulah saya cadangkan kita kemukakan kepada jawatankuasa Dewan dahulu untuk dipertimbangkan kerana ada ketidakadilan juga. *[Ketawa]*

Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong. Saya baru tahulah hari ini Yang Berhormat masuk jadi Ahli Parlimen Kepong, Yang Berhormat hendak cari elaun. Untuk Ahli-ahli Barisan Nasional kita tidak! Itu sebabnya saya sebut awal tadi gaji dan elaun kita rendah, kita tetap meneruskan khidmat kita kerana kita cintakan kepada negara ini.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]* Cinta ke tepi!

Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor: Saya tidak bagi laluan Yang Berhormat kerana.... *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, Yang Berhormat, jalan, jalan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Sri Gading bangun, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Itulah Barisan Nasional walaupun elaun atau gaji Perdana Menteri itu rendah, memang saya akui apa yang diberikan jawapan oleh Yang Berhormat tadi. Walaupun rendah tetapi khidmatnya begitu cemerlang tanpa mengira elaun ataupun gaji.

Tentang elaun keraian, ini *double standard* punya DAP yang tadi dia kata memang patutlah dinaikkan tetapi dia marah pula tentang elaun keraian. Elaun keraian ini sepatutnya lebih daripada lapan belas ribu kerana kalau tengok beban keraian yang ditanggung oleh Perdana Menteri, kalau Aidilfitri itu sampai empat puluh ribu orang datang. Kalau makan satu orang tiga ringgit, lima ringgit, sudah berapa puluh, berapa ratus ribu? Dan banyak lagi keraian-keraian yang ditanggung oleh seorang Perdana Menteri. Jadi tentang lapan belas ribu itu pun saya rasa masih sedikit. Jadi saya tidak faham macam mana DAP kata gaji murah tetapi keraian mahal, saya tidak faham macam mana sebenarnya pemikiran mereka. Terima kasih.

Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Ini Ahli Parlimen Barisan Nasional yang faham, yang tidak faham DAP kerana DAP ini pada saya, nama dia DAP Tuan Yang di-Pertua dengan izin, dia orang ini *demoralizing, arrogant personalities* yang ada dalam DAP. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat bagi Sri Gading yang telah juga membangkitkan berkenaan dengan isu Ahli-ahli Parlimen dan beban dengan tanggungjawab sosial seperti memberi bantuan kewangan, kepada rakyat yang datang berjumpa mereka dan mengadu hal masing-masing.

Untuk makluman Kertas Statut 235/80 telah membolehkan elaun bulanan sebanyak RM500 untuk perbelanjaan sosial tersebut. Saya berharap supaya Ahli Parlimen menggunakan perbelanjaan tersebut secara berhemah supaya lebih ramai lagi mendapat faedah elaun tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat, kemudahan-kemudahan Ahli Parlimen adalah mengikut Akta 237/1980 dan Kertas Statut 235/1983 iaitu Ahli Dewan mendapat RM5,379; keraian – RM800; perjalanan – RM210; pemandu RM500; telefon – RM400, bayaran khas – RM500.

Setakat sekarang bayaran elaun perbatuan perjalanan adalah terhad kepada urusan rasmi sahaja. Jika sekiranya bayaran hendak meliputi tuntutan luar dan urusan rasmi, peraturan yang ada sekarang hendaklah dipinda supaya membolehkan Ahli-ahli Yang Berhormat membuat tuntutan.

Tuan Yang di-Pertua, tadi Ahli Yang Berhormat bagi Kepong juga telah sebut berkenaan dengan keraian terlalu lebih daripada gaji. Ini tidak benar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Kepong, ini menjimatkan kos kepada kerajaan kerana kita hanya membayar gaji pencen mengikut gaji tidak termasuk elaun-elaun keraian. Itulah sebab apabila kerajaan membuat keputusan ini ialah untuk menjimatkan kerajaan pada masa akan datang, kalau kita campurkan semua keraian dan gaji dan sebagainya, maka kerajaan juga terpaksa membayar pencen yang begitu tinggi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kepong, dan juga sahabat Yang Berhormat tidak ada di dalam Dewan daripada Kota Melaka, untuk makluman, memang benar, gaji Perdana Menteri kita amat rendah. Saya mengambil bandingan dengan Perdana Menteri Singapura, gaji Perdana Menteri Singapura ialah S\$86,300. Kalau dipinda dan diubahkan dengan ringgit Malaysia ialah RM180,927. Menteri RM116,775; Menteri Staf Gred I, ini barangkali Timbalan Menterilah - RM93,374; Pegawai Tingkatan Tertinggi B – RM83,440; dan Ahli Parlimen – RM24,948.

Tuan Yang di-Pertua,

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Ahli Yang Berhormat hendak bertanya berkenaan dengan Speakerkah? Berapa gaji mereka? [*Ketawa*]

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sebelum itu, saya hendak tahu itu pendapatan sebulan atau setahun? Terima kasih.

Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Parit Sulong, itu adalah gaji sebulan. Itulah sebab saya telah sebutkan lebih awal tadi, Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen, yang berkhidmat untuk Malaysia khususnya daripada Barisan Nasional benar-benar cintakan negara dan mereka sanggup menggembelngkan tenaga mereka [*Tepuk*] untuk memastikan bahawa rakyat terjaga dan mereka juga sanggup menerima peruntukan ataupun ganjaran-ganjaran yang telah diberikan mengikut saraan yang telah ditetapkan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua: Batang Lupar bangun, Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Jeli, Jeli!

Tuan Yang di-Pertua: Batang Lupar yang bangun dahulu, ya.

Seorang Ahli: Jeli, Jeli!

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Jeli!

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri beri Jeli!

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Di sini, Speaker yang berkuasa!

Tuan Yang di-Pertua: Saya memilih Batang Lupar.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Oh! Baik, okay!

Tuan Yang di-Pertua: Baik Batang Lupar, ya.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Sebenarnya saya duduk oleh kerana Tuan Yang di-Pertua bercakap. Mengikut Peraturan Mesyuarat kita, saya kena duduk apabila Speaker bercakap, jadi Jeli tidak faham. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Saya mendengar semua hujah dan ucapan daripada pagi tadi, jadi saya hendak bercakap tetapi Tuan Yang di-Pertua telah beri arahan, jadi saya akurlah itu. Jadi saya mendengar juga cadangan-cadangan, jadi Kepong tadi menyatakan wujudkan Jawatankuasa. Sebenarnya saya bersetuju dengan Kepong sedikit ini sahaja. Wujudkan jawatankuasa tetapi apabila jawatankuasa diwujudkan untuk menyelidik dan mengkaji saranan kepada Ahli Parlimen ini termasuk Speaker sendirilah supaya kita kena menyelaraskan.

Dalam tiga organ kerajaan iaitu *legislative*, *executive* dan *judiciary*, nampaknya Parlimen ini yang terendah sekali, yang terkecil sekali, yang termurah sekali untuk membiayainya, tetapi di Parlimen inilah semua sumber kewangan ini boleh dibelanjakan, membenar, menyuruh, membiar, memutuskan semua perbelanjaan. Jadi ini tidak berimbanglah ini. Jadi saya hanya memohon supaya kerajaan menyeimbangkan pihak *legislative*, *executive* dan *judiciary* ini sebagai yang tertinggi sekali sepatutnya diberikan sedemikian. Tuan Yang di-Pertua sebagai Speaker, dan

semua Timbalan Speaker kena diberi penyelarasan yang sesuai, termasuklah Ahli-ahli Parlimen sekalian.

Jadi, saya cadangkan supaya jawatankuasa ditubuhkan, jawatankuasa ini janganlah diserahkan bulat-bulat kepada pegawai kerajaan. Ini persoalan dasar negara, bawalah Ahli Parlimen, wakil daripada *back-benchers*, wakil daripada *backbenchers*, wakil daripada pembangkang, saya bersetuju bawa semua wujudkan satu jawatankuasa, semua Ahli Parlimen yang sepatutnya mewakili Ahli Parlimen di sini, kerajaan dan pembangkang dengan pihak kerajaan untuk membincangkan persoalan ini, kerana banyak sangat perbezaan.

Kalau tadi disebut Australia, macam pembangkang bercakap, Australia adakan kupon untuk kapal terbang. Jadi, disebutkan di mana-mana tempat lagi, Finland, dia punya tiga kad, kad kapal terbang, kad kereta api dan kad teksi, semuanya *free* untuk urusan kerajaan, dia boleh naik bila-bila masa sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya balik hari Isnin, hari Selasa balik ke sini menghadiri Dewan. Oleh kerana tugas penting saya balik ke kawasan saya, sampai ke Kuching, RM780 pulang balik, lepas itu naik kereta 400 kilometer, pulang balik 800 kilometer. Hari Khamis saya datang ke sini, pulang balik sudahlah dari poket saya sendiri, kena bayar sendiri, sebab saya tidak boleh *claim* yang kedua itu. Jadi, keadaan ini adalah satu anomali yang patut kita selidiki sebagai satu misalan. Jadi, saya berharap pihak kerajaan melihat perkara ini. Itu yang pertama.

Yang kedua, Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya hendak bertanya juga tadi Ahli Yang Berhormat bagi Tamban menyebutkan kemudahan di Parlimen ini, kita ada banyak badan IPU, CPA, AIPO dan sebagainya. Di negara lain, saya tahu World Scouts Parliamentary Union (WSPU) pun yang mana sudah mempunyai ahli hampir mencecah 100 negara.

Jadi, mereka ini diberi pejabat di Parlimen tetapi kemudahan-kemudahan untuk mereka ini untuk WSPU, IPU, CPA ini tidak mencukupi. Kalau ada lawatan Ahli Parlimen daripada negara lain, tidak harap kepada orang Parlimen yang menunggu, tidak ada staf, tidak ada kereta dan sebagainya. Kalau inilah imej yang kita hendak tunjukkan, nescaya negara kita walaupun sudah sampai kepada satu tahap yang baik, imej yang kita tunjukkan secara *detail* ini, perkara dan benda yang kecil ini kita tidak ambil perhatian, ini akan terjejas juga.

Jadi, Dato' saya harap pihak kerajaan melihat secara serius. Terima kasih.

Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Batang Lepar. Memang kita sedar bahawa elaun yang Ahli-ahli Parlimen dapat barangkali berbanding adalah rendah dengan negara lain dan seperti yang telah saya sebutkan tadi, kita mohon supaya Ahli-ahli Parlimen membuat satu memorandum bertulis kepada Jabatan Parlimen, supaya Jabatan Parlimen, Jabatan Perkhidmatan Awam dan juga Kementerian Kewangan dapat meneliti apa-apa yang dipohon oleh Ahli-ahli Parlimen.

Dan untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, yang kedua, berkenaan dengan pejabat dan sebagainya, ini keluar daripada apa yang saya bentangkan. Walau macam mana pun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memang ada cadangan supaya peningkatan terhadap Bangunan Parlimen ini dilaksanakan dan pengubahsuaian juga untuk bangunan ini diadakan.

Jadi, insya-Allah jika Ahli-ahli Parlimen ataupun persatuan-persatuan Parlimen yang telah Ahli Yang Berhormat sebutkan tadi, berbincang dengan Jabatan Parlimen, saya berkeyakinan bahawa apabila Bangunan Parlimen ini diubahsuai dan diperbaiki, mereka tetap akan dapat memberi ruang-ruang yang tertentu untuk Ahli-ahli Yang Berhormat melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang telah diberikan di dalam persatuan-persatuan yang disebutkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Jeli, Jeli.

Tuan Mohd. Apani bin Haji Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Timbalan Menteri ada membuat penyenaian gaji-gaji dan elaun-elaun Perdana Menteri dan juga menteri-menteri dan juga timbalan-timbalan menteri serta juga Ahli Parlimen negara jiran Singapura berbanding dengan negara kita Malaysia.

Kadang-kadang kita juga perlu mengambil kira *average income* negara-negara tersebut umpamanya di Singapura, *average income per annum*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, AS\$25,000 setahun, Malaysia belum lagi mencecah AS\$4,000 setahun. Belum lagi.

Jadi, kalau dikira dari sudut itu, kemungkinan pendapatan ataupun elaun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri-menteri dan Ahli-ahli Parlimen mungkin secara *rationya*, dengan izin, nisbahnya masih berkadaran kalau dibanding dari sudut itu, tetapi bagaimana kalau sekiranya Yang Berhormat Timbalan Menteri juga membuat *comparison*, perbandingan dengan negara-negara jiran yang lain. Umpamanya Thailand, berapa elaun Ahli Parlimen dan juga menteri-menteri mereka.

Jadi, kalau dibuat perbandingan dengan Singapura semata-mata, saya fikir tidak adil, maka sudah tentulah yang kita terlalu rendah tetapi alangkah baik juga pada masa yang sama, Timbalan Menteri juga memberi berdasarkan perbandingan umpamanya dengan Thailand, dengan Filipina dan juga dengan Indonesia, baru kita dapat satu perbandingan yang lebih jelas.

Cuma satu saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri daripada apa yang disuarakan oleh teman-teman daripada pembangkang khususnya seolah-olah kita meletakkan jawatan dan juga kedudukan Yang Berhormat Ketua Pembangkang rendah sangat di negara kita, tidak seperti mana di negara-negara yang lain. Itu yang kita rasa seolah-olah kita tidak boleh mengiktiraf status dan *post*, dengan izin, ketua-ketua pembangkang, pasal daripada lawatan-lawatan dan kajian-kajian yang dibuat, maknanya kita jauh tidak setimpal berbanding dengan ketua-ketua pembangkang di negara-negara yang pernah kami lawati. Sekian, terima kasih.

Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, saya pun tidak faham pembangkang. Tadi dia kata dia sokong pindaan saraan rang undang-undang yang saya bentangkan, lepas ini dia sebut berkenaan dengan *comparative*, dengan izin, kita *compare* hanya dengan Singapura. Kita hanya bandingkan dengan Singapura kerana Singapura dahulu adalah sebahagian daripada negara kita dan yang kedua, kerana memang betul apa Ahli Yang Berhormat bagi Jeli sebutkan tadi, *comparative*, dengan izin, *income* berbeza. Tetapi kalau kita *comparative* pula dengan *population*, kita lebih banyak daripada Singapura.

Jadi, pada pandangan kerajaan bahawa apa yang telah saya sebutkan lebih awal, bahawa yang dilakukan oleh Perdana Menteri ialah kerana Perdana Menteri ini menteri kita yang kita ada ini, menteri yang daripada Barisan Nasional ini sayangkan negara ini dan ia tidak perlu mendapat ganjaran seperti yang Singapura juga terima ganjaran, bukan kita minta ganjaran yang seperti Singapura minta ganjaran yang saya buat *comparative*, perbandingan ini ialah untuk memberitahu Ahli-ahli Yang Berhormat. Memang betul ada yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, memang ada elaun-elaun yang telah diberi itu rendah, jadi saya mohon sekali lagi untuk Ahli-ahli Yang Berhormat, supaya berbincang, memberi satu pandangan yang konkrit kepada Jabatan Parlimen ini dan juga supaya mereka dapat mengkaji dan membawa kepada kerajaan supaya kerajaan menimbangkan apa yang hendak Ahli-ahli Yang Berhormat perlukan untuk saraan-saraan dan sebagainya.

Tetapi janganlah ambil satu tanggapan bahawa kita jadi Ahli Yang Berhormat kerana elaun, kita juga mesti menjaga kawasan kita. Memanglah Ketua Pembangkang tarafnya seperti apa yang telah kita tetapkan dalam saraan yang sedia ada,

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Kepong bangun.

Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor: Nanti sekejap Kepong. Kerana kalau kita beri mereka taraf seperti menteri ataupun Perdana Menteri, sebab dia pembangkang, dia akan menggunakan segala kemudahan-kemudahan kerajaan untuk pergi berceramah dan datang menghentam kerajaan dan kerajaan beri duit kepada Ketua Pembangkang.

Jadi, saya fikir apa yang telah diberikan kepada Ketua Pembangkang adalah munasabah, malahan walaupun status Ketua Pembangkang tidak begitu tinggi tetapi oleh kerana Kerajaan Barisan Nasional, pemimpin Barisan Nasional amat faham, peka dan mempunyai peri kemanusiaan, maka apabila beliau telah meninggal dunia baru-baru ini, kita telah memberi segala kemudahan-kemudahan yang tidak sepatutnya beliau dapat tetapi oleh kerana kita memandangkan beliau seorang Ketua Pembangkang dan beliau juga seorang pemimpin yang walaupun beliau berkali-kali

telah memberi kepada yang tidak begitu senang di hati kita kerajaan, tetapi kerajaan seperti yang telah saya sebutkan mempunyai peri kemanusiaan.

Dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, hendak beri jalan atau tidak?

Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor: Nanti sekejap. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Tuan Yang di-Pertua: Hendak beri jalan atau tidak? Nanti sekejap itu tidak bolehlah.

Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor: Tidak beri jalan lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor: Tidak beri lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak beri jalan.

Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor: Tidak beri jalan lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita juga akan mengkaji apa Ahli Yang Berhormat hendak sebutkan tadi dan dengan kalau difikirkan kerajaan memikirkan bahawa saraan untuk Ketua Pembangkang ini patut dinaikkan dan mempunyai munasabah yang tertentu, kita juga akan mengkaji dan akan memaklumkan kepada Dewan Parlimen ini pada masa yang akan datang.

Kepong, silakan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat setuju kalau kita adakan jawatankuasa untuk mengkaji hal ini dengan terlebih dahulu. Sekarang sudah buat keputusan, bentang ke Parlimen kemudian dia cadangkan kita adakan jawatankuasa. Jadi ini tidak munasabah, yang pertama.

Yang kedua, adakah Yang Berhormat sedar bahawa fungsi kita ialah untuk mengawal selia (*scrutinise*) ke atas kerajaan di dalam rangka yang ada sekarang?

Itulah tugas kita, jangan sangkaan jahat sangat. Kalau kita beri kemudahan juga elaan yang setimpal dengan jawatan Menteri ada besar kemungkinan Ketua Pembangkang akan lebih bergiat aktif, lebih *constructive*, bernas, mungkin, mungkin, termasuklah Tuan Yang di-Pertua patut diberi kepada tahap yang sewajarnya kerana di lain negara dia nombor lima, kalau kita kira daripada hierarki itu, sekarang di sini tidak tahulah kedudukan ke mana. Ha! Ini masalah kita sekarang ini.

Kalau hendak ikut demokrasi berparlimen tidak bermakna kontrol berparlimen, demokrasi berparlimen termasuklah Tuan Yang di-Pertua, termasuklah Ketua Pembangkang, itulah maksud kita semua agar jangan ini semuanya tidak berguna. Kita memang memberi cadangan yang bernas dan Yang Berhormat sebagai Ahli Parlimen yang berdemokratik, saya berharap Yang Berhormat akan berfikir dengan sedalam-dalamnya di dalam semua cadangan ini.

Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu Yang Berhormat dari Kepong ini faham atau tidak faham. Apa yang saya bawa pindaan ini, pindaan yang saya bawa ini hanya untuk menaikkan gaji 10% sahaja, okay? Jadi, berkenaan dengan masalah-masalah yang lain, seperti yang telah saya sebutkan supaya Ahli-ahli Parlimen memang kerajaan ada menubuhkan satu jawatankuasa untuk mengkaji segala keperluan-keperluan bukan sahaja untuk Ahli Parlimen malahan untuk pegawai-pegawai kerajaan itu sendiri.

Itulah yang telah saya sarankan lebih awal tadi supaya Ahli-ahli Yang Berhormat, baru hari ini kerajaan mendengar, ini yang tidak cukup, itu yang tidak cukup dan sebagainya yang tidak cukup. Malahan semasa Yang Berhormat Dato ' Seri Utama Rais Yatim, Menteri di Jabatan Perdana Menteri menggulung perbahasan Rang undang-undang Saraan (Pindaan) 2001 perkara yang sama juga telah dibangkitkan. Pada masa itu ada lagi, ada Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan supaya Ahli

Parlimen memberikan pegawai penyelidik, kemudahan komputer dan berbagai-bagai lagi dan semasa mengemukakan perbahasan tersebut, Dato' Seri Utama Rais Yatim semasa menggulung perbahasan Rang Undang-undang Saraan (Pindaan) 2001 telah meminta supaya Ahli-ahli Parlimen mengemukakan cadangan mereka secara kolektif dan spesifik.

Ini Yang Berhormat sekejap kata sokong, sekejap tidak sokong, lepas itu Yang Berhormat kata kita tidak mahu lihat masalah Ketua Pembangkang. Tadi saya sudah sebut, bahawa Kementerian Kewangan dan Jawatankuasa ini sedang meneliti dan mengkaji apa yang patut dilakukan. Okay Yang Berhormat daripada Kepong?

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: [Bangun]

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]: Tuan Pengerusi, kita menyambut baik cadangan oleh Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri untuk diwujudkan satu jawatankuasa. Jadi, saya harap pihak pembangkang jangan capak lebih, kita tubuhkan jawatankuasa. Cuma saya hendak minta dari Timbalan Menteri boleh tidak diberi jaminan bahawa perkara yang akan disarankan oleh jawatankuasa ini akan mendapat pertimbangan yang sewajar-wajarnya oleh pihak kerajaan. Itu sahaja, terima kasih.

Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor: Yang Berhormat bagi Parit Sulong, seperti mana Yang Berhormat sedia maklum bahawa kerajaan yang mentadbir negara ini adalah satu kerajaan yang proaktif, bukan sahaja terhadap Ahli-ahli Parlimen tetapi juga kepada rakyat. Apa yang diketengahkan oleh rakyat dan juga Ahli-ahli Parlimen, saya berkeyakinan bahawa kerajaan akan meneliti dengan sedalam-dalamnya dan jika difikirkan munasabah dia akan memberi apa yang sepatutnya kerajaan patut beri kepada rakyat dan jika Ahli-ahli Yang Berhormat dan jika kerajaan mempunyai kemampuan saya berkeyakinan bahawa kerajaan akan melaksanakan apa yang diminta, kalau tidak semua pun saya berkeyakinan sedikit sebanyak kerajaan akan beri.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Batu Gajah bertanya elauan keraian diberi kepada anggota...

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun lagi Yang Berhormat.

Tuan Ronald Kiandee: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat bagi Beluran

Tuan Ronald Kiandee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon penjelasan yang saya kira tidak perlu dibawa kepada pihak jawatankuasa, peringkat jawatankuasa yang akan dibentuk, saya cuma ingin tahu sama ada kerajaan untuk menyelaraskan dan kenaikan 10% ini kepada *entitlement* seperti *entitlement* kereta, umpamanya yang saya rasa berpandukan kepada *guide*, *allowance* yang lama. Apabila kenaikan ini dieffectkan kepada elauan wakil rakyat tentu sekali tahap pembayaran seperti pinjaman kereta itu meningkat dan adakah kerajaan bercadang untuk menyelaraskan kepada *qualification* untuk mendapatkan pinjaman seperti pinjaman kereta. Terima kasih.

Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, setakat yang saya bentangkan hari ini ialah untuk menyelaraskan kenaikan gaji 10% sahaja. Apa yang telah Yang Berhormat mohon tadi, seperti yang telah saya sebut dan saya ingin sebutkan sekali lagi supaya Yang Berhormat-Yang Berhormat semua duduk, berbincang dan memberi kepada kerajaan, besok kita naikkan 10% tidak cukup lagi, naikkan 15% pun tak mungkin cukup lagi. Jadi sebaik mungkin ialah supaya Ahli-ahli Yang Berhormat duduk dan membuat satu memorandum supaya kerajaan dapat menelitinya.

Untuk makluman Yang Berhormat dari Batu Gajah, Seksyen 6, dia pun tidak ada dalam Dewan, Tuan Yang di-Pertua, tapi tidak apalah saya jawab kerana kawan-kawan dia yang lain itu ada. Di bawah Seksyen 6 (v) Akta Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) 1980, Jemaah Menteri adalah berkuasa untuk menentukan kemudahan-kemudahan bagi Yang Berhormat Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen.

Apa yang diperkatakan oleh Ahli Jemaah Menteri adalah selaras dengan apa yang diperuntukkan di dalam undang-undang. Bukan bermaksud bahawa kerajaan yang ada ini ingin menyorokkan sesuatu daripada rakyat ataupun daripada Ahli-ahli

Yang Berhormat, malahan tadi ada Ahli Yang Berhormat bagi Kota Melaka konon mengatakan ada terbongkar.

Apa yang terbongkar kerana apa yang saya bantangkan di sini, kalau Ahli Yang Berhormat perlukan apa-apa daripada kerajaan, kerajaan sedia memberi maklumat yang terperinci terhadap elaun-elaun kerajaan dan elaun-elaun gaji dan sebagainya untuk tatapan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka. Tidak ada niat kerajaan untuk menyorok apa-apa perkara daripada Dewan yang mulia ini dan juga malahan kepada rakyat.

Tuan Kerk Kim Hock: Saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri bukan orang baru. Saya memang telah dedahkan perkara ini dalam Parlimen tahun ini dalam sesi yang lalu tetapi Yang Berhormat dari Jelebu enggan mengesahkan sama ada saya kata betul atau tidak. Pada masa itu saya tuduh, kalau kata saya tuduh, bahawa elaun yang baru itu sekarang kita dapati tidak ada bandingan dengan elaun yang lama.

Sebenarnya elaun kerajaan dinaikkan teruk sekali, saya tidak mempunyai angka lama, di *library* ada, pada masa itu kerajaan enggan, enggan mengesahkan apa yang saya kata, tapi walaupun saya kata, saya tahu itu benar dan hari ini memang benar, tetapi dalam sesi Mac, saya telah kemukakan satu soalan dan kerajaan telah menggunakan Peraturan Mesyuarat 23 (4) enggan menjawab soalan saya atas alasan bahawa ia *on the grounds of public interest* dengan persetujuan daripada Tuan Yang di-Pertua. Mana boleh ini fakta-fakta atau butir-butir yang saya minta itu tidak diberikan atas alasan bahawa ia hendak melindungi kepentingan orang ramai. Sekarang cakap semua boleh tetapi pada masa itu susah hendak dapat pengesahan. Apa jawapannya?

Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor: Tuduhan Yang Berhormat tadi terbongkar dan tuduhan Yang Berhormat juga telah menyebut bahawa kononnya kerajaan yang memerintah ini ingin menyorokkan sesuatu dan untuk makluman Yang Berhormat, Yang Berhormat telah membuat perbandingan-perbandingan di antara saraan dan juga kerajaan.

Seperti mana yang telah saya sebutkan kepada kawan Yang Berhormat daripada Kepong tadi bahawa memang hasrat kerajaan supaya kalau kita campurkan semua kerajaan dengan segala elaun-elaun yang lain maka apabila pencen hendak dibayar, kerajaan akan membayar lebih pencen daripada apa yang sepatutnya. Jadi, sekarang ini apa yang dilakukan oleh kerajaan untuk menjimatkan pencen ialah kerajaan hanya membayar saraan gaji sahaja sebagai pencen.

Jadi, Yang Berhormat tuduh bahawa kita menyorokkan dan sebagainya. Saya juga telah membuat perbandingan di antara elaun dan saraan yang diberi kepada Perdana Menteri dan juga kepada Perdana Menteri Singapura tadi tetapi malangnya Yang Berhormat tidak ada di dalam Dewan. Seperti yang telah saya sebutkan tadi, bahawa di bawah Seksyen 6 (v) Akta Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) 1980 Jemaah Menteri adalah berkuasa untuk menentukan kemudahan-kemudahan bagi Yang Berhormat Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen. Saya berkeyakinan jika Yang Berhormatlah tidak mungkin jadi kerajaan tetapi jika DAP jadi kerajaan, saya ingat lebih teruk daripada ini.

Itu sajalah yang dapat saya jawab kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan sekali lagi saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan terima kasih dan kalau ada perkara-perkara yang tidak dijawab atau terjawab, jika Yang Berhormat-Yang Berhormat perlukan jawapan, saya berjanji bahawa akan memberi jawapan-jawapan ini dengan bertulis. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan mesyuarat*]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal 1 hingga 5 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2002) 2002

Bacaan Kali Yang Kedua

3.14 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd Salleh]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang yang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2002 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun ini, dibacakan bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd Salleh: Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi peruntukan berjumlah RM1,403,342,710 dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan untuk membiayai perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2002 seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual dan Fasal 2 kepada Rang Undang-undang ini.

Peruntukan tambahan yang diminta diluluskan di Fasal 2 rang undang-undang tersebut adalah seperti berikut:

Sebanyak RM886.9 juta di bawah maksud B.26 Kementerian Pendidikan untuk perbelanjaan berikut:-

- (i) sebanyak RM650 juta bagi menampung perbelanjaan emolumen ekoran kenaikan gaji 10% yang diputuskan oleh kerajaan;
- (ii) sebanyak RM105.6 juta untuk bayaran utiliti perkhidmatan kawalan keselamatan dan pembersihan kawasan di sekolah dan asrama akibat perluasan skop kerja serta kenaikan harga;
- (iii) sebanyak RM49.7 juta bagi pembangunan kecerdasan mengira *arithmetic* mental bagi murid sekolah rendah melalui perkenalan program abakus dan *mental arithmetic* dan juga untuk mengendalikan program penutur jati bagi sekolah rendah dan menengah di bawah program peningkatan Bahasa Inggeris serta pembelian peralatan berkaitan pelaksanaan mata pelajaran vokasional di sekolah menengah;
- (iv) sebanyak RM21 juta bagi menampung keperluan penawaran biasiswa kecil persekutuan dan biasiswa kelas persediaan Universiti kepada semua pelajar sekolah menengah yang berkelayakan mengikut kriteria yang ditetapkan;
- (v) sebanyak RM18.4 juta untuk bayaran yuran pengajian dan penginapan pelajar-pelajar matrikulasi yang ditempatkan di institusi pengajian tinggi swasta;
- (vi) sebanyak RM15.7 juta untuk bayaran sewaan bangunan baru Ibu Pejabat Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang telah dibina secara bina-kendali-pindah (BOT) di bawah perjanjian penswastaaan pembinaan ibu pejabat DBP;

- (vii) sebanyak RM10 juta untuk membiayai perbezaan faedah di bawah skim pinjaman kenderaan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang telah diluluskan oleh kerajaan;
- (viii) sebanyak RM9.4 juta untuk perolehan perkhidmatan komputer dan perisian Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, Awal Sains dan Matematik dan prativiti bagi 1,231 buah kelas pra sekolah;
- (ix) sebanyak RM4.2 juta bagi menampung keperluan pengurusan kepada Kolej Komuniti baru; dan
- (x) sebanyak RM2.9 juta bagi menambah *grant* Majlis Sekolah-sekolah Malaysia selaras dengan tujuan meningkatkan mutu sukan negara melalui program pembangunan sukan sekolah.

Sebanyak RM190 juta di bawah maksud B.29 Perkhidmatan Am Perbendaharaan bagi menyelesaikan sebahagian hutang tertunggak di bawah Skim Peraturan Pembayaran dan Kredit Minyak Sawit (POKPA).

Sebanyak RM231 juta di bawah B.30 peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun untuk perbelanjaan berikut:-

- (i) sebanyak RM260 juta untuk dicarumkan ke dalam Wang Pendahuluan Negeri bagi membantu mengatasi masalah aliran tunai kerajaan negeri Sabah sebanyak RM200 juta dan kerajaan negeri Johor sebanyak RM60 juta; dan
- (ii) sebanyak RM11 juta untuk menampung kekurangan peruntukan dalam kumpulan wang cadangan untuk negeri. Sebanyak RM55.4 juta di bawah maksud B34 Kementerian Kesihatan bagi menampung kenaikan kadar bayaran elaun Warden, elaun biasiswa, elaun buku, elaun perkakas, elaun kertas projek dan bayaran penyediaan, makanan dan penginapan kepada pengajar dan pelatih yang ditempatkan di institusi latihan Kementerian Kesihatan.

Butir-butir dan penjelasan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus (Tambahan) (Bilangan 2) 2002 adalah seperti dalam penyata anggaran tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 6 Tahun 2002 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 6A tahun 2002.

Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 2002 –

Tuan Yang di-Pertua, sekarang izinkan saya mengemukakan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 2002. Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 2002 adalah berjumlah RM617,507,210. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM42,450,210 adalah untuk perbelanjaan cara langsung dan sebanyak RM575,057,000 adalah perbelanjaan pinjaman.

Tambahan tersebut adalah diperlukan bagi membiayai projek-projek pembangunan Kementerian dan Jabatan-jabatan seperti berikut:-

Sebanyak RM12 juta di bawah Maksud P.26, Kementerian Pendidikan untuk bayaran pendahuluan pembelian bangunan baru Jabatan Penuntut Malaysia United Kingdom dan Dewan Malaysia di London;

Sebanyak RM601.4 juta di bawah Maksud P.28 Perbendaharaan bagi perbelanjaan berikut:-

- (i) sebanyak RM543 juta diperlukan untuk projek *information communication technology* Japan Bank for International Cooperation - dengan izin - di mana pinjaman akan diberikan kepada syarikat-syarikat yang terlibat dalam *information communication technology* yang berisiko tinggi;

- (ii) sebanyak RM32.057 juta untuk meneruskan pelaksanaan program *the small and medium scale industry*, Japan Bank for International Cooperation - dengan izin; dan
- (iii) sebanyak RM26.38 juta diperlukan untuk meningkatkan lagi ekuiti dalam Multimedia Development Corporation Sendirian Berhad.

Sebanyak RM4.1 juta di bawah Maksud P.41 Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga bagi pembelian, pembinaan, pengubahsuaian Pusat Khidmat Wanita di negeri-negeri Terengganu, Perlis, Negeri Sembilan, Wilayah Persekutuan Labuan, Perak dan Selangor yang akan dijalankan sepanjang tahun 2002.

Sebanyak RM210 juta merupakan peruntukan tanda biasa bagi maksud-maksud pembangunan P.7 - Jabatan Perdana Menteri; P.14 - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan; P.18 - Kementerian Perusahaan Utama; P.19 - Kementerian Pertanian; P.23 - Jabatan Arkib Negara; P.33 - Kementerian Kerja Raya; P.38 - Kementerian Pengangkutan; P.40 - Kementerian Pembangunan Luar Bandar; dan P.45 Kementerian Sumber Manusia.

Butir-butir dan penjelasan lanjut mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 2002 adalah seperti yang dinyatakan dalam penyata anggaran tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 7 tahun 2002 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 7A tahun 2002.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengemukakan usul mengenai anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 2002 selepas ucapan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

USUL

ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (Bil.2) 2002

3.25 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa usul yang dikemukakan atas nama Menteri Kewangan dalam aturan urusan mesyuarat yang berbunyi:

Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak enam ratus tujuh belas juta lima ratus tujuh ribu dua ratus sepuluh ringgit (RM617,507,210) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2002, bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua, 2002 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 7 Tahun 2002 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan kedua belas penyata tersebut, hendaklah disahkan.

diserahkan kepada Jawatankuasa sesebuah-buah Majlis.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi

Perkhidmatan Tahun 2002 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu" dibaca kali yang kedua sekarang dan masalah bahawa usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada jawatankuasa sebuah-buah majlis sekarang. Kedua-dua masalah tersebut dibuka untuk dibahaskan.

Dan perkara yang hendak dibahaskan itu, Ahli-ahli Yang Berhormat, adalah seperti yang di dalam undang-undang ini iaitu berkenaan Kementerian Pendidikan, Perkhidmatan Am Perbendaharaan, Peruntukan Kepada Kumpulan Wang Terkanun dan Kementerian Kesihatan iaitu mengikut Peraturan Mesyuarat 36(1) iaitu hanya boleh berucap di atas perkara-perkara ini sahaja.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang [Marang]: *[Bangun]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: *[Bangun]*

Tuan Cheng See Ten [Gelang Patah]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Marang.

3.28 ptg.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang [Marang]: Ya. Assalamualaikum. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat adalah menjadi kelaziman dan kebiasaan dalam setiap persidangan pihak kerajaan akan mengemukakan permohonan-permohonan dan tuntutan-tuntutan untuk tambahan.

Apa yang merisaukan kita ialah kita dialami oleh kelemahan-kelemahan dalam pelaksanaan merealisasikan apa yang dirancang dan diatur supaya peruntukan yang besar yang diambil daripada wang rakyat yang diamanahkan daripada Tuhan dan daripada rakyat tidak dilakukan secara sewenang-wenang. Dan kita melihat sebagai contoh peruntukan yang begitu besar kepada Kementerian Pendidikan.

Di antara penekanan yang dilakukan ialah untuk mengembalikan penggunaan Bahasa Inggeris dalam pengajian-pengajian yang tertentu dengan saya tidak menafikan bahawa kita perlunya mengetahui bahasa-bahasa asing seberapa banyak yang dapat. Makin banyak bahasa asing yang kita tahu, makin banyak ilmu yang kita dapat. Tetapi dalam masa yang sama jangan kita melupai tanggungjawab untuk memperkasakan bahasa kita sendiri.

Seorang tokoh Islam yang terkenal yang bernama Ibnu Khaldun pernah menyatakan ialah di antara kerendahan ataupun kehinaan moral sesuatu bangsa dan penghinaan yang berlaku terhadap dirinya ialah apabila bangsa itu dijajah maka dia lupa kepada budaya dan bahasanya sendiri lalu mendaulatkan bahasa yang pernah menjajahnya. Seolah-olah Bahasa Kebangsaan merupakan suatu bahasa yang tidak boleh diperkasakan dalam bidang ilmu pengetahuan, ilmu matematik, sains dan teknologi.

Apa peranan Dewan Bahasa dan Pustaka yang telah diberi tugas berpuluh-puluh tahun? Apa peranan kakitangan dan akademik yang dihantar ke luar negara yang mendalami dalam berbagai-bagai bidang ilmu pengetahuan? Adakah mereka tidak boleh memperkayakan istilah-istilah ilmu dalam Bahasa Kebangsaan?

Sebenarnya tamadun manusia silih berganti. Dalam sejarah Islam pernah menjadi pemimpin tamadun manusia dengan mengambil ilmu daripada Parsi, daripada Rome, Griik, Yunani, China dan India dan beberapa ilmu diterjemahkan ke dalam Bahasa Arab sehingga beberapa istilah ilmu sains dan teknologi masih lagi dipengaruhi oleh Bahasa Arab.

Dan kita melihat Jepun yang ranap dengan kekalahan Perang Dunia Yang Kedua, bangkit semua sebagai suatu kuasa besar ekonomi, sains dan teknologi. Dengan terus menerus mendaulatkan bahasa mereka menjadi bahasa ilmu. Begitu juga dengan Jerman dengan tidak meninggalkan kedudukan bahasa Jerman sebagai bahasa yang perkasa dalam ilmu di mana Jepun mempunyai kapal-kapal tangki yang terbesar di dunia yang canggih, yang dikendalikan oleh *engineer-engineer*, yang dikendalikan oleh pakar-pakar yang menggunakan alat-alat yang ditulis dalam bahasa Jepun yang kakitangan lihat huruf yang begitu bersimpul-simpul laksana kunyit dan lengkuas sahaja. Tetapi mereka boleh mengendalikan kapal yang besar.

Kemudian kalau kita melihat pertandingan bola sepak Piala Dunia, kedua pemimpin negara Korea dan Jepun, walaupun mereka boleh berbahasa Inggeris dengan fasih, dalam perasmianya mereka berucap dalam bahasa masing-masing, menunjukkan maruah dan harga diri mereka. Tetapi pemimpin negara kita pantang tengok rambut putih dua, tiga orang dalam majlis, walaupun yang hadirnya beribu, kita meninggalkan bahasa kita. Ini suatu perkara yang memalukan dan mengaibkan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Saya tidak antibahasa asing, bahasa Inggeris. Kita boleh belajar seberapa banyak bahasa tetapi jangan sampai kita mengabaikan untuk memperkasakan bahasa kita sendiri supaya menjadi bahasa ilmu, bahasa sains dan teknologi.

Yang kedua dalam Kementerian Pendidikan, saya ingin menarik perhatian....

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: [Bangun]

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Ya.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Amat Berhormat Tuan Guru Marang. Saya tertarik dengan ucapan yang telah diberikan oleh Yang Amat Berhormat bagi Marang dan pada masa yang sama juga saya masih teringat dan semua Ahli Dewan ini masih lagi teringat dan semua yang berada dalam Dewan ini masih teringat bahawa slogan yang diajar kepada semua anak-anak sekolah ialah "Bahasa Jiwa Bangsa". Ini semua orang tahu, "Bahasa Jiwa Bangsa". Melainkan ada ahli-ahli daripada UMNO yang ingin menentang slogan yang dipopularkan oleh UMNO itu sendiri.

Jadi, saya hendak tanya pandangan Yang Amat Berhormat bagi Marang, apakah dengan kita 'memandulkan' bahasa itu, bermakna juga kita 'memandulkan' jiwa bangsa itu sendiri? Minta penjelasan.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Saya sangat bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Jeli dan itulah satu hakikat yang berlaku, seolah-olah kita 'memandulkan' keperibadian bangsa kita sendiri dengan menghakiskan bahasa. Sebagaimana saya tegaskan tadi, kita tidak anti mengetahui seberapa banyak bahasa yang boleh. Bukan kita melihat program-program yang kita kata adalah baik. Kerajaan mengatur anak-anak kita belajar bahasa Jepun untuk belajar di Jepun. Belajar bahasa Jerman untuk kita menuntut di Jerman. Belajar bahasa Rusia untuk mengambil ilmu dari Rusia. Ini sudah berlaku perlu diteruskan.

Mengapa kita menggorek-gorek lubang yang menjahanamkan bahasa kita? Kerana ini hendak belajar Matematik? Kerana itu sahaja. Kerana sains dan teknologi yang hendak dipelajari di negeri kita? Bukan kita hendak belajar di negeri lain. Kalau kita hendak belajar di negeri lain, itu wajar kita belajar bahasa-bahasa di negeri lain. Ini kita hendak belajar di negeri kita. Bahkan kita perlu menggalakkan orang lain belajar bahasa kita kalau dia hendak belajar di negeri kita.

Kita perlu menyedari bahawa bahasa Melayu menjadi bahasa yang digunakan oleh lebih daripada 200 juta penduduk di rantau Asia Tenggara dan menjadi bahasa perantaraan. Kita melihat di Amerika, di United Kingdom, di Rusia, di Jepun dan di China, ada jabatan-jabatan bahasa Melayu untuk mereka belajar bahasa Melayu. Ini sudah ada ruang yang diberi kepada kita. Di negeri lain, mengapa kita tutup ruang ini dalam negeri kita sendiri?

Apa yang menyedihkan kita ialah penyokong-penyokong dan ahli-ahli daripada Barisan Nasional sering kali menjadi gerabak kereta api. Apa sahaja yang diucapkan oleh kepala, semuanya di'ya'kan. Apa sahaja yang diucapkan oleh Presiden, dia terima yang menyebabkan Presiden terpaksa letak jawatan kerana hendak dibebankan kepada Presiden Parti seorang sahaja. Semuanya mengiakan. Bila kawan itu rebah di tengah jalan, tidak larat semua dibebankan kepada dia seorang, ini adalah satu sikap yang lemah yang ada dalam Barisan Nasional.

Walaupun pilihan raya belum tiba lagi, kita masih dalam perjalanan dan kita mengaku hakikat bahawa negeri kita dipimpin oleh Barisan Nasional. Kita tidak mahu parti yang memimpin kerajaan ini menjadi begitu lemah kerana sebab-sebab dalaman yang ada dalam diri mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada masalah bahasa, di sana terdapat kelemahan-kelemahan dalam Kementerian Pendidikan. Sebagai contoh, projek-projek membina sekolah yang baru yang berlaku di negeri Terengganu. Membina pagar-pagar sekolah bukan tujuan untuk meningkatkan pengajian dan pelajaran atau meningkatkan pendidikan. Semata-mata peruntukan kewangan ini untuk memberi duit kepada Ketua-ketua Bahagian UMNO di negeri-negeri yang berkenaan supaya mendapat kontrak untuk mendirikan sekolah, untuk bahagi sesama mereka.

Di atas nama duit ihsan yang diberi kepada rakyat, RM500 atau RM300 seorang tetapi pemimpin-pemimpin bahagian UMNO dapat RM10 juta, RM5 juta atau RM6 juta seorang melalui projek-projek sekolah yang didirikan dan pagar-pagar baru yang dibangunkan, ada di antaranya lebih mementingkan pagar-pagar baru daripada sekolah yang sudah buruk. Ini semata-mata kerana hendak bagi tempat kepada kontraktor-kontraktor jadian di dalam UMNO yang menjual kontrak-kontrak ini kepada orang yang kedua atau ketiga.

Inilah barangkali mengapa peruntukan tambahan diperlukan kerana hal-hal yang seperti ini. Kita tidak menitikberatkan bagaimana hendak meningkatkan lagi sistem pendidikan dan pelajaran kita. Kita perlu menyedari bahawa kelemahan yang berlaku dalam pelajaran dan pendidikan, bukan kerana bahasanya sahaja, bagaimana sistem itu, bagaimana tidak cukup gurunya, di kawasan-kawasan pedalaman kekurangan guru bahasa Inggeris, pakai 'bidan terjun' begitu sahaja. Oleh kerana tidak ada guru bahasa Inggeris, maka diambillah mana-mana cikgu, ajarlah apa yang hendak diajar.

Ini yang berlaku di kawasan luar bandar. Bukan orang kawasan luar bandar tidak boleh meningkatkan diri mereka tetapi apa yang kita buat dalam masa 40 tahun lebih kita mencapai kemerdekaan? Ini yang perlu disedari. Ini kelemahan-kelemahan sejak 40 tahun yang lalu. Ini kerana terlalu banyak *politicking*. Bila lepas pilihan raya, masih *politicking*. Dalam pemilihan parti, sehingga kita mengabaikan kerja-kerja kerajaan. Bahkan pihak polis pun, sebagai contoh, lebih banyak menjalankan kerja untuk mengawal ceramah-ceramah parti pembangkang daripada membanteras jenayah sehingga penjenayah yang ada dalam lokap pun boleh cabut lari. [Ketawa] Ini kerana sibuk hendak jaga ceramah-ceramah. Ini sebagai contoh kelemahan-kelemahan yang berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menarik perhatian dalam bahagian Perbendaharaan. Di sana ada peruntukan yang diberi kepada negeri-negeri, Sabah dan negeri-negeri yang lain. Di sana terdapat *double standard* dan diskriminasi dalam menjadualkan kewangan yang diberi kepada negeri-negeri terutamanya negeri yang diperintah oleh pembangkang iaitu Kelantan dan Terengganu.

Saya telah sebut beberapa kali, *capitation grant* yang dibayar kepada Kelantan dan Terengganu tidak mengikut jadual sebagaimana yang diberi kepada negeri-negeri lain.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Pokok Sena.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Ya, sila.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Dato' Yang Berhormat bagi Marang. Saya hendak berbalik kepada soal isu pendidikan yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Marang tadi bahawa kerana penumpuan-penumpuan kepada pegawai yang tidak sepatutnya dilakukan oleh kerajaan, sedangkan adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa sepatutnya Kementerian Pendidikan harus memberikan tumpuan kepada pendidikan yang berkaitan dengan agama itu sendiri, khususnya untuk menerapkan pendidikan dan unsur-unsur untuk memberikan kefahaman dan penjelasan kepada pelajar-pelajar sampai kepada peringkat tinggi tentang kefahaman mereka secara yang jelas tentang perundangan Islam itu sendiri.

Sehingga sekarang ini kalau kita lihat bahawa akibat daripada ketidakfahaman yang jelas dan kekeliruan yang timbul dalam masyarakat kita ini sehingga mereka memandangkan sesuatu yang tidak tepat terhadap hasrat dan keinginan kerajaan di Terengganu khususnya untuk melaksanakan undang-undang Islam di dalam negara kita. Minta Yang Berhormat ulas sedikit.

Datuk Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Saya bersetuju, Tuan Yang di-Pertua, dengan pandangan sahabat saya, Yang Berhormat bagi Pokok Sena, lahirnya pandangan-pandangan dan pendapat termasuk dari pemimpin-pemimpin kerajaan yang bersikap negatif terhadap pelaksanaan syariah. Ini adalah hasil daripada sistem pendidikan dan pelajaran yang lalu yang melahirkan generasi yang ada. Bukan sahaja kita mengalami keruntuhan moral dan akhlak bahkan kita mengalami keruntuhan pemikiran sehingga bersikap negatif di dalam melaksanakan hukum syariah ini sehinggakan ada orang yang berani mencemarkan hukum Allah yang disebut di dalam Al-Qur'an Nul-Karim yang berkait dengan Undang-undang Jenayah Syariah yang telah dibentangkan di Kelantan dan hendak dibentangkan di Terengganu.

Belum lagi undang-undang ini dibentangkan, baru draf, sudah dikatakan zalim! Belum lagi perbicaraan di mahkamah berlaku, sudah kata zalim! Ini sangat malang! Walau bagaimanapun, hasil daripada penerangan dan penjelasan yang kita beri, kita melihat sebahagian besar daripada masyarakat telah menerima pada dasarnya Undang-undang Jenayah Islam. Oleh kerana itu, ada kenyataan dari Ketua Hakim Negara dan kenyataan dari Pengerusi SUHAKAM supaya menyerahkan kepada kebijaksanaan Kerajaan Negeri untuk membicarakan undang-undang ini di peringkat Dewan Undangan Negeri dengan tujuan supaya dibincangkan secara ilmu.

Dan kita hendaklah mentafsirkan perlembagaan kita mengikut fikiran yang merdeka, bukan fikiran yang masih dijajah. Perkataan Islam yang ada dalam Perlembagaan, perkataan syariah dalam Perlembagaan mestilah ditafsirkan mengikut ajaran Islam, tetapi ditafsirkan mengikut cara penjajah, tafsiran yang sempit....

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Datuk Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Ini adalah kesan daripada pelajaran dan pendidikan agama yang tidak lengkap, yang ada di negara kita pada hari ini.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Amat Berhormat Tuan Guru Marang. Saya ingin bertanya apakah Yang Amat Berhormat Tuan Guru Marang bersedia untuk menjemput semua Ahli Parlimen dari semua parti untuk hadir ke Terengganu bagi diadakan simposium dan juga dialog untuk menjelaskan lagi tentang Hudud tersebut. Bersedia atau tidak bersedia untuk itu?

Datuk Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Lebih daripada bersedia, Tuan Yang di-Pertua, bahkan kita telah mengadakan seminar sebulan yang lalu dan kita jemput wakil-wakil dari parti-parti politik kerajaan dan pembangkang di seluruh negara, NGO-NGO Islam dan juga NGO yang bukan Islam. Malangnya tidak ada wakil dari Barisan Nasional Pusat. Ada wakil dari parti-parti pembangkang, ada wakil dari UMNO negeri - hantar wakil dua orang - dan kita telah mengadakan perbincangan.

Yang mendukacitakan kita ialah apa yang digembar-gemburkan polemik dalam akhbar dan seumpamanya, apa yang tidak ada? Kononnya Fasal Kesembilan menzalimi wanita. Fasal Kesembilan itu dijelaskan menunjukkan orang yang menjelaskan itu tidak jelas dan tidak faham. Kononnya hukum Islam yang hendak dikemukakan itu menzalimi kaum wanita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya ingin tahu perkara ini berkaitan dengan kementerian yang mana? *[Disampuk]*

Datuk Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Kefahaman Pendidikan, Tuan Yang di-Pertua. Saya bagi penjelasan kepada rakan saya yang meminta penjelasan, Pokok Sena dan Jeli.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak payah jawab sangatlah.

Datuk Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Ya, ya. Ini menandakan, Tuan Yang di-Pertua, bahawa kepimpinan kerajaan tidak faham apa dia Islam kerana mereka dilahirkan melalui sistem pelajaran pendidikan yang ada. Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri telah gagal menjelaskan apa dia Islam walaupun 40 tahun lebih kita telah mencapai kemerdekaan. Dan apa yang menakjubkan saya, pandangan-pandangan yang negatif tidak berani dikemukakan oleh kalangan MCA, MIC dan kalangan yang bukan Islam. Yang menimbulkan perkara negatif ialah kalangan UMNO yang belajar mata pelajaran agama di Kementerian Pendidikan.

Ini menunjukkan bahawa pengajian agama yang ada di sekolah-sekolah pada hari ini tidak cukup. Bila disebut rogol, tidak jelas lagi bahawa dirogol itu adalah yang dipaksa. Dalam Islam, orang yang kena paksa tidak mahu kalah kecuali bila orang yang mengaku dipaksa itu membuat fitnah kepada orang yang dituduh dan dia tidak boleh menunjukkan bukti yang jelas! Maka orang yang buat fitnah ini perlu dihukum supaya semuanya tidak menjadi mangsa sama ada lelaki ataupun wanita.

Dan saya mengharapkan supaya pihak kerajaan jangan memberi penerangan satu pihak sahaja kepada rakyat melalui media yang dikuasai oleh kerajaan. Beri juga kepada kami peluang untuk menerangkan melalui media yang dikuasai oleh kerajaan. Adakan perbincangan secara terbuka melalui RTM, melalui TV3 dan seumpamanya, tetapi penjelasan dibenarkan untuk satu pihak sahaja. Ini yang menjadi masalah, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Marang. Saya hendak minta penjelasan mengenai kenyataan yang dibuat oleh Ketua Polis Negeri Terengganu yang menyatakan kadar jenayah di Terengganu turun mendadak. Ini saya rasa baru kita cadangkan hendak buat Hukum Hudud. Kalau sekiranya Hudud dilaksanakan, saya rasa di Terengganu tidak ada lagi jenayah-jenayah yang berlaku dan sekiranya di negara kita dilaksanakan, maka saya rasa berkuranganlah jenayah-jenayah ini. Apa pandangan Yang Berhormat mengenai kenyataan Ketua Polis Negeri Terengganu?

Datuk Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan syariah menolong Kementerian Pendidikan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat....

Datuk Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Membantu, ya....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya ingin mencadangkan kita beralih ke tajuk lain sebab kita tidak ada permintaan untuk Hukum Hudud yang kita mohon...

Datuk Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Ya, ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Peruntukan tambahan tidak ada kena mengena dengan Hukum Hudud. Jadi, bolehkah saya cadangkan kita beralih ke tajuk yang lain.

Datuk Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Boleh, kita hendak bantu Kementerian Pendidikan, Tuan Yang di-Pertua. Hari ini walaupun ada pelajaran agama di sekolah-sekolah

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sebab kita ada peruntukan Perbekalan Tambahan jadi kita kena mematuhi Peraturan Mesyuarat yang sedia ada. Saya mintalah supaya Yang Berhormat dapat memahami dan mematuhi Peraturan Mesyuarat kerana saya yakin dan percaya memang banyak perkara yang lain berkaitan dengan Perbekalan yang boleh Yang Berhormat bangkitkan. Jadi saya minta beralih ke tajuk yang lain.

Datuk Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh *emergency break* macam itu. [Ketawa] Saya bukan helikopter, saya terpaksa *landing* sedikit demi sedikit.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [Bangun]

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tengok, ada dua orang Ahli Yang Berhormat yang bangun.

Datuk Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Ya, ya, silakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Mana satu? Sri Gading.

Datuk Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Ya, Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, Yang Amat Berhormat Ahli bagi Marang. Saya tengok ketokohan Yang Berhormat bagi Marang ini hebat. Saya rasa dengan jawatan sebagai Pemangku Presiden PAS, layak beliau jadi Ketua Pembangkang menggantikan Allahyarham sahabat kita yang baru kembali, layak saya rasa tetapi tidak tahulah sama ada seorang Menteri Besar sebuah negeri berkemampuan meluangkan masa untuk menjadi Ketua Pembangkang. Dan kita sebenarnya perlu Ketua Pembangkang ini dan kalau Yang Amat Berhormat bagi Marang jadi Ketua Pembangkang, saya sokong. *[Disampuk]* Itu pembukaan saya, ya.

Memang hebatlah *[Ketawa]* dalam memutarakan segala hujah dan bagi pihak Marang tidak ada orang yang benar kecuali dia seorang dan partinya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apa soalnya, Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya akan sampailah, Datuk. Tolonglah bagi saya peluang. Ini hendak berdepan dengan Ketua Pembangkang yang hebat. Saya sebenarnya dalam bertanya kepada Yang Amat Berhormat bagi Marang, seolah-olah 45 tahun merdeka ini tidak ada apa-apa Barisan Nasional atau UMNO ini buat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat kalau hendak berucap ambil peluang...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak, saya hendak masuk, hendak menyentuh tentang ucapan yang telah disentuh oleh Yang Berhormat Marang. Jadi macam Yang Berhormat bagi Marang ada mukadimah, saya pun ada mukadimah. Jadi baru "ngam" kata orang Cina.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat hendaklah kemukakan soalan, bukan berucap.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yalah, ini soalan, hendak masuk soalan. Soalan yang menyentuh tentang....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau soalan belum sampai, Yang Berhormat duduklah, nanti bila dapat soalan itu boleh kemukakan. *[Ketawa]*

Datuk Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Ya, Setiu sila.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih Yang Amat Berhormat bagi Marang. Saya ingin mendapat pandangan Yang Amat Berhormat berhubung dengan isu pendidikan. Adakah setuju atau tidak bahawa *syllabus* pendidikan kita ini kena dimasukkan sama apa perbezaan antara Hudud PAS dengan Hudud UMNO yang menyebabkan ramai yang komen, yang ditolaknya ialah Hudud PAS. Apa bezanya dengan Hudud yang sebenarnya?

Datuk Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju kerana sistem pendidikan agama yang tidak cukup inilah bukan lahirnya pandangan Hudud PAS, Hudud Islam. Tetapi Hudud UMNO tidak ada! Yang menjadi masalahnya ialah kerana kelemahan sistem pendidikan agama yang ada di Kementerian Pendidikan hari ini satu sistem pelajaran yang tidak lengkap dan tidak cukup khusus dalam bahagian agama sehingga orang menganggap bahawa pelaksanaan hukum syariah ini lebih menekankan kepada hendak menghukum orang.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sri Gading bangun.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ha, ini baru soalan.

Datuk Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Nanti saya habiskan dahulu, ini baru mukadimah. Saya pun baru mukadimah. *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sedikit sahaja, sedikit sahaja.

Datuk Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Oleh sebab mukadimah, Tuan Yang di-Pertua, dan dia tidak berhak hendak lantik saya menjadi Ketua Pembangkang. Rakan-rakan saya yang berhak untuk lantik saya. *[Tepuk]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya tidak lantik, saya menyokong.

Seorang Ahli: Belum lantik lagi.

Datuk Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Belum lantik lagi, belum lantik. *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Boleh saya minta sedikit pertanyaan?

Datuk Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Nanti dahulu, nanti saya habis, nanti saya habis.

Tuan Yang di-Pertua, kita perlu mendidik di sekolah-sekolah dan pusat-pusat pengajian, termasuklah pengajian tinggi bahawa pelaksanaan hukum syari'at adalah untuk mendidik, bukan untuk menghukum. Oleh kerana itu, dalam pelajaran yang berkaitan dengan jenayah Islam, perlu diajar di sekolah-sekolah. Perlu difahami bahawa seseorang hakim dalam mahkamah Islam hendaklah berusaha sedaya-upaya untuk mendidik rakyat supaya mereka bertaubat, di antara dia dengan Allah Taala, itu lebih afdhal daripada dibawa ke mahkamah. Bahkan hendaklah diberitahu bahawa bila sesuatu kes jenayah dibawa ke mahkamah Islam, seseorang hakim hendaklah mencari jalan bagaimana hendak membebaskan orang yang dituduh, bukan bagaimana hendak menjatuhkan hukuman, kerana pendekatan yang diambil ialah untuk mendidik dan mengajar. Sekiranya ada perbincangan ..

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sri Gading bangun.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Belum habis lagi. Sekiranya ada perbincangan, kalau 100% hujah, daripada 100% hujah itu, 99.9% ..

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sekarang Yang Berhormat bagi Padang Terap bangun.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Nanti sekejap. Disabitkan kesalahan cumanya ada 0.01%, nyata dia tidak bersalah dan meragukan, maka hukum hudud dan qisas tidak boleh dijatuhkan kepada orang yang berkenaan. Hendaklah dibebaskan kalau terpaksa dihukum, dipindah kepada hukum takzir yang diserahkan kepada kebijaksanaan kerajaan, di mana perkara yang seperti ini perlu diajar di sekolah-sekolah. Oleh kerana tidak diajar perkara inilah maka lahirnya mereka yang berfikiran negatif yang seperti ini terhadap hukum Islam.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Oh! *[Memberi laluan kepada Yang Berhormat bagi Padang Terap]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kata Tuan Guru, bagilah pada yang dahulu, yang kemudian dikemudiankan.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Saya bagi Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ha! *[Ketawa]* Inilah. Syukran ya sheikh!

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Gading yang bertuah Insyallah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih banyak-banyak. Itulah keadilan – keadilan di sini sahajalah. *[Ketawa]* Saya hendak tanya sedikitlah. Yang Berhormat bagi Marang, terima kasih, apa beza hudud PAS Kelantan, hudud PAS

Terengganu, hudud Islam, itu satu. Apa beza hudud PAS Kelantan dengan hudud PAS Terengganu, itu satu.

Yang kedua, apa maksud Yang Berhormat bagi Marang mengatakan bahawa hukum hudud ini ialah 0.0001 daripada hukum-hakam Islam, itu kedua.

Yang ketiga, apa masalah apabila kerajaan hari ini, dalam hal ehwal berkaitan dengan hukum-hakam, dia banyak menggunakan hukum takzir.

Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum bahawa hudud qisas dan takzir itu juga salah satu daripada cabang hukum-hukum Allah yang wajib kita imani, kerana UMNO pun mengimani semua hukum-hukum ini – wajib kita taat hukum hudud, hukum qisas, hukum takzir ini. Jadi, kerajaan hari ini banyak menjalankan hukum-hukum takzir, dan saya tidak mahu hendak mengulas banyak sangat tentang enakmen yang hendak dibentangkan oleh negeri Terengganu ini kerana panjang sangat, tetapi saya hendak tahu apa perbezaannya yang saya nyatakan tadi? Terima kasih Yang Berhormat bagi Marang.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, ini menandakan Yang Berhormat bagi Sri Gading yang tidak ikuti mata pelajaran hudud di sekolah agama di Johor, [*Tepuk*] [*Ketawa*] menandakan mata pelajaran itu tidak ada. [*Ketawa*] Kalau kita melihat kepada istilah perkataan “hudud” itu sendiri, daripada bahasa Arab, yang merupakan *plural* daripada perkataan “had”, “had” ialah satu batas sempadan yang ditetapkan oleh Tuhan yang tidak boleh dipertikaikan oleh sesiapa, sehingga para ulama tidak boleh berjihad, sehingga Nabi Muhammad pun tidak boleh reka bila dia sudah ditetapkan oleh Tuhan. Maka hukum hudud adalah hukum yang telah ditetapkan oleh Tuhan. Bila dia kata ini hudud PAS, ini menandakan dia tidak faham, dia tidak tahu apa dia hudud – perbezaan di antara hukum yang ditetapkan oleh Tuhan dengan yang diserahkan kepada manusia.

Yang kedua, dia mengatakan undang-undang yang berjalan ini sudah takzir, itu tidak betul. Takzir ini adalah satu mata rantai daripada hukum-hukum Islam, yang perlu diajar dalam bab jenayah, dalam mata pelajaran agama di sekolah-sekolah. Apa yang berlaku hari ini, mata pelajaran agama di sekolah-sekolah kerajaan, termasuklah sekolah agama, terutamanya di Johor sendiri, oleh kerana itu Johor terus menjadi kubu UMNO, kerana sekolah agamanya tidak cukup mata pelajarannya, dia belajar bab ibadat sahaja – bab ibadat, daripada perkara sembahyang, puasa, zakat, haji dan selepas itu berbalik pula, dia tidak masuk dalam bab jenayah. Ini jadi masalah. Belum masuk bab jenayah, dalam hukum jenayah Islam, dia ada tiga mata rantai, iaitulah hukum qisas yang berkait dengan hak manusia,

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sri Gading bangun.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Belum habis lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Belum habis lagi Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: ...hukum hudud yang berkait dengan hak Allah Taala, kemudian barulah hukum takzir, jangan *start* dengan takzir. Bawa kereta terus masuk *gear* empat – mesti kena *gear* satu, *gear* dua, barulah *gear* yang berikutnya. Ini cara dia - pelaksanaan hukum jenayah, bukan yang pertama ialah pendidikan, penekanan dalam aspek pendidikan itu sangat penting. Gejala-gejala yang berlaku hari ini adalah menandakan bahawa aspek pendidikan ini.

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Padang Terap bangun.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Ya.

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Marang. Oleh kerana ketidakberkesanan pendidikan Islam di sekolah-sekolah menyebabkan banyak orang keliru. Jadi ada di antara pemimpin UMNO yang saya dengar membuat kenyataan, mengatakan bahawa sekiranya mereka

menjalankan hukum hudud di Terengganu, Allah akan menyeksa mereka di akhirat, kerana hukum yang dicadangkan itu ialah zalim. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Untuk menyeksakan orang ini hak Allah Taala, bukan hak sesiapa. Ini terpulang kepada seseorang itu melaksanakan hukum sebagaimana yang diajar oleh Allah Taala ataupun tidak. Oleh kerana itulah kita mengemukakan kepada rakyat untuk perbincangan secara umum, yang tidak berani dilakukan oleh Barisan Nasional. Mana ada Kerajaan Barisan Nasional mengumumkan dahulu, membentangkan dahulu rang undang-undang dia, ataupun draf rang undang-undang dia kepada orang ramai untuk dibincangkan semua pihak, tidak pernah berlaku, saya rasa. Ini pernah berlaku dalam kerajaan kita – kita kemukakan kepada rakyat terlebih dahulu supaya memberi pandangan-pandangan mereka dan kita dengar pandangan-pandangan semua pihak.

Datuk Zainudin bin Maidin: [Bangun]

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Silakan.

Datuk Zainudin bin Maidin: Pandangan dan kesedaran Yang Berhormat tentang bahawa banyak pihak yang belum memahami undang-undang Islam, malah Yang Berhormat tadi juga telah menunjukkan, umpamanya, wakil bagi Sri Gading juga tidak faham, saya tidak faham, seluruh masyarakat tidak faham, anak-anak generasi kini tidak faham. Maka itu apakah salah pendekatan Kerajaan Barisan Nasional untuk memahamkan lebih dahulu, untuk mendidik anak bangsa. Kita telah melahirkan satu kesedaran Islam yang luas, yang besar, menerusi sistem pendidikan kebangsaan, khususnya kesedaran tentang agama yang cukup tinggi. Yang ada hari ini adalah hasil daripada sistem yang diteraskan oleh Perikatan dan Barisan Nasional. Itu jadi kesedaran, tetapi banyak yang belum kita laksanakan yang memakan masa untuk mendidik, dan bukan terus kita memberi hukum – hukum orang kafir dan sebagainya. Tidak pendekatan yang menakutkan, tetapi ini pendekatan Barisan Nasional ialah untuk memahamkan lebih dahulu. Maka apakah pendekatan ini salah atau pendekatan PAS itu yang betul?

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Barisan Nasional telah diberi peluang 40 tahun lebih, 40 tahun tidak boleh hendak didik, tidak boleh hendak ajar lagi, sudah tidak boleh faham lagi 40 tahun. Ini satu perkara yang sangat malang, daripada sekolah dewasa sehingga sampailah kepada sekolah tadika, sekolah rendah, pusat pengajian tinggi dan lahir pemimpin-pemimpin yang ada tetapi masih mempunyai pandangan yang sangat negatif terhadap hukum Islam. Saya tertarik dengan seorang anak buah dalam akhbar *Utusan Malaysia*, Yang Berbahagia Tuan Salleh Buang kalau tak silap saya, menulis satu artikel dan ini saya rasa orang yang rendah daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Beliau telah menulis dalam *Utusan Malaysia* berkenaan dengan pelaksanaan hukum syariah supaya kita mengambil sikap yang negatif ke arah melaksanakan hukum syariah untuk membolehkan hukum hudud dan qisas ini bagi dilaksanakan untuk berfikir dengan cara yang positif, bukan dengan cara yang negatif. Di antaranya ialah istilah-istilah yang ada Perlembagaan itu hendaklah ditafsirkan secara kita yang sudah merdeka, bukan ditafsirkan secara zaman penjajah. Termasuklah apa yang disebut dengan Akta 356 yang menjadi halangan, mengapa semasa UMNO mempunyai majoriti yang besar tahun 1957, di masa itu tak boleh fikir perkara yang seperti ini dan mereka memberi alasan kononnya kedudukan mereka sudah terhakis hari ini, baru hendak fikir sudah tidak boleh difikirkan kerana terhakis. Hakisan ini ialah kerana kita meninggalkan hukum Islam.

Bahkan berlakunya kadar jenayah sebagaimana yang ditanya oleh rakan Yang Berhormat bagi Kemaman tadi, kadar jenayah turun di Kelantan dan Terengganu walaupun di peringkat Pusat dilaporkan katanya naik kadar jenayah. Dan saya dapati memang turun. Ini baru hendak, ura-ura sudah turun. Ini adalah kehebatan daripada undang-undang Islam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kota Bharu, Rompin bangun.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Rompin.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih. Saya pada hari ini baru Allahyarham Ketua Pembangkang, arwah meninggal, saya nampak lain

sedikit lagu dan irama sebagai pemimpin dan ulama. Adakah hari ini kita hendak berbahas tentang isu ini?

Yang Amat Berhormat bagi Marang sebagai pemimpin yang dikatakan ulama. Maksud saya, saya mahu berbincang bagaimana hendak melihat suasana negara kita, dalam Perhimpunan UMNO, pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hendak meninggalkan jawatan, kita dapat pujuk dia kembali, beliau sanggup tarik balik. Yang Amat Berhormat pun kehilangan seorang pemimpin juga tetapi hari ini kita belum lagi 24 jam berbalik kepada politik kembali. Saya agak sayu sedikit Yang Amat Berhormat. Kalau hendak perbahasan politik, saya nampak Yang Amat Berhormat hari ini lebih sebagai pemimpin politik daripada sebagai ulama. Saya sebagai anak muda, bila pandang kiri dan pandang kanan rasa sayu di hati sedikitlah.

Bahawa kita tidak boleh meletakkan Islam itu mengatasi semua politik. Saya lebih berhujah sebagai pemimpin politik. Tadi tuduh bahawa semasa merdeka, saya boleh berhujah politik. PAS tidak menyokong supaya negara kita merdeka - betul! Yang Amat Berhormat katakan orang Melayu, orang Islam belum bersedia untuk merdeka. Saya tak perlu Yang Amat Berhormat berhujah sebab ini akan memakan masa. Saya harap berbalik kepada topik yang asal, selepas itu mengatakan bahawa, oh! baru hendak kemukakan hudud, sudah turun kadar jenayah.

Saya hendak tanya Yang Amat Berhormat, ini dunia mana sudah melaksanakan ulama hudud ala PAS. Kita boleh berbahas tentang isu ini tetapi saya nampak bahawa baik kita berbalik kepada tajuk yang asal. Perbahasan mengenai hudud kita boleh teruskan tetapi adakah selepas 24 jam, sebelah kanan Yang Amat Berhormat baru sudah meninggalkan kita, saya ingat kita kembalilah sebagai pemimpin Islam yang sebenar. Ada kalanya kita ketepikan kita sebagai pemimpin politik. Sebab kami yang muda ini menghayati juga, mungkin kita tak bersetuju dengan ideologi Yang Amat Berhormat tetapi Yang Amat Berhormat kena beri contoh sebagai orang Islam. Baru lepas 24 jam.

Saya bimbanglah Yang Amat Berhormat kadang-kadang kita tidak boleh menguasai perasaan kita sebagai ahli politik dengan kita sebagai pemimpin agama. Saya mungkin tidak bersetuju dengan Yang Amat Berhormat sebagai pemimpin politik tetapi ada juga benda sebagai pemimpin agama, ada benda yang saya rasa boleh saya dengar. Tetapi marilah kita menguasai perasaan kita....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Berbaliklah kepada tajuk. Saya minta balik kepada tajuklah.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, ini satu lagi tanda kegagalan sistem pelajaran. Agama, yang meletak politik terpisah daripada agama. Ini kegagalan dalam sistem pelajaran agama. Islam berbeza dengan agama lain, tidak ada pemisahan politik daripada agama dalam ajaran Islam.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: *Point of order...*

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Islam meletakkan...

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya boleh bahas. Saya boleh *raise point of order* kembali kepada topik.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: *Point of order* yang ke berapa?

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kalau Yang Berhormat mengatakan begitu...

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: *Point of order* yang ke berapa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya hendak bertanya mana satu Peraturan Mesyuarat? Yang Berhormat!

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini berbalik kepada hujah perbahasan. Islam itu agama saya tetapi Yang Amat Berhormat tidak boleh mengatakan Islam ini hak Yang Amat Berhormat sendiri. Macam mana Yang Amat Berhormat boleh mengatakan prinsip saya sebagai Islam. Yang Berhormat mungkin pakai serban, saya tak pakai, adakah Yang Amat Berhormat lebih Islam daripada yang lain? Sama Yang Amat Berhormat!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kalau tak ada Peraturan Mesyuarat cukuplah Yang Berhormat!

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Adakah Yang Amat Berhormat pakai serban lebih Islam daripada kita, dengan rupa pakaian!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, mana satu Peraturan Mesyuarat?

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Baru 24 jam, baliklah kita kepada tajuk yang asal.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Rompin, yang mana satu Peraturan Mesyuarat?

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tadi Tuan Yang di-Pertua mengatakan berbalik kepada tajuk yang asal. Baru peristiwa ini!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Okay, cukuplah Yang Berhormat. Okay baik, baik!

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kita ketepilah isu hudud ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat!

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: ...yang kita berbeza pandangan, cari masa yang lain. Saya malas lagi berhujah, takut terkeluar cakap-cakap saya yang saya mungkin tak mahu keluarkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup Yang Berhormat. Baik.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, tak tahu fasal berapa, fasal berapa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Amat Berhormat.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Dan ini satu...ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Banyak Kementerian Yang Amat Berhormat hendak bangkit jugakah?

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Terima kasih, sebenarnya saya banyak hendak bercakap tetapi oleh kerana ada soalan-soalan minta penjelasan, kalau hendak beri saya bercakap jangan kemukakan soalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masuk ke Kementerian yang lain.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Ya, ini Kementerian Pendidikan, masih dalam Kementerian Pendidikan. Salah satu daripada peranan Kementerian Pendidikan ini ialah pelajaran agama, pelajaran akhlak. Salah satu daripada akhlak ialah untuk menahan marah dan saya boleh menahan marah. Walaupun begitu hebat soalan-soalan yang dikemukakan.

Tuan Ramli bin Ibrahim: *[Bangun].*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Amat Berhormat, Kota Bharu bangun.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Saya tidak bersikap seperti sarang tebuhan, bila dijolok maka bertaburlah, di mana insya-Allah, saya akan bersikap laksana pokok yang berbuah, walaupun dilontar dengan batu-batu kita akan balas dengan buah-buah yang masak untuk diambil manfaat oleh semua pihak, Tuan Yang di-Pertua. Sila, sila. *[Disampuk]*

Tuan Ramli bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Amat Berhormat bagi Marang. Nampaknya manifestasi daripada tidak faham Islam makin bertambah jelas dari kalangan pimpinan Barisan Nasional. Saya hendak minta pandangan Yang Amat Berhormat bagi Marang dari soalan yang dibangkitkan oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan sebentar tadi. Beliau mengatakan kita

mesti mendidik dahulu dan jawapan yang diberi oleh Marang kita sudah 40 tahun memerintah tetapi kesannya tidak ada.

Saya hendak tanya pendapat Marang, adakah bersetuju kalau mata pelajaran syariah ini diajar secara komprehensif di semua peringkat universiti terutama sekali di Fakulti Undang-undang di Malaysia hari ini. Kerana saya tahu di UiTM mata pelajaran syariah yang diterapkan ke dalam mata pelajaran undang-undang pun telah dihapuskan dan tidak diajar sama sekali kepada mahasiswa mulai tahun lepas ataupun tahun ini. Minta pandangan Yang Amat Berhormat bagi Marang.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Saya sangat bersetuju, Yang Berhormat, kita perlu menuju ke arah untuk mendaulatkan Islam dengan secara yang sepenuhnya. Apa yang sangat mendukacitakan kita, bukan sahaja menghakis pelajaran agama, bahkan menekan pensyarah-pensyarah, menekan kalangan akademik supaya memberi buah fikiran yang bernas. Satu contoh yang sangat bersejarah, yang sangat mendukacitakan kita ialah ketika kita menggubal Undang-undang Jenayah di negeri Kelantan di mana jawatankuasanya disertai oleh Almarhum Profesor Dr. Ahmad Ibrahim yang merupakan Ketua Pengajian Undang-undang di UIA dan dalam masa beberapa bulan beliau menyertai jawatankuasa ini, pihak universiti mungkin kerana tekanan daripada kerajaan telah meminta Almarhum supaya menarik diri daripada menyertai jawatankuasa itu.

Ini menandakan usaha-usaha yang dilakukan oleh UMNO Barisan Nasional untuk menghalang pelaksanaan hukum syariah. Apa lagi hendak memberi faham kepada rakyat sudah jauh. Dalam masa 40 tahun lebih diberi peluang tetapi tidak menunjukkan satu sikap yang positif. Apa yang berlaku ialah sikap yang sangat negatif, menakut-nakutkan rakyat daripada hukum syariah. Oleh kerana itu, saya bersetuju supaya mata pelajaran syariah hendaklah ditingkatkan di pusat-pusat pengajian di semua peringkat dengan cara yang menyeluruh, bukan dengan cara sebahagian sahaja...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ringkaskan ya, beri sedikit-sebanyak pandangan.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Oleh kerana perbincangan bagi perkara ini hanya diberi peluang satu hari sahaja. Jadi, saya nampak tentu ada ramai Ahli Yang Berhormat hendak berucap. Maka saya mintalah kalau boleh Yang Amat Berhormat cuba ringkaskan perkara-perkara yang difikirkan perlu dibangkitkan. Saya mintalah Yang Amat Berhormat. Sila sambung dan ringkaskan.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menghormati teguran Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa sudah jelas dan sudah banyak saya bercakap tentang perkara itu.

Saya ingin menarik perhatian sekali lagi dalam bahagian Perbendaharaan, Kewangan di manakah *capitation grant* yang diberi kepada kerajaan-kerajaan negeri yang diperintah oleh Barisan Alternatif dibayar tidak mengikut jadual, sengaja dilambatkan dan ini merupakan satu perkara yang sangat bercanggah dengan prinsip patriotisme dan akhlak demokrasi berparlimen. Saya mengharapkan sikap yang seperti ini hendaklah diubah oleh Kerajaan Pusat, kerana kita adalah sebuah negara demokrasi dan kita mestilah mempunyai fikiran yang terbuka dan pentadbiran yang terbuka di mana campur-campur tangan politik, elemen-elemen politik tidak boleh mempengaruhi pentadbiran sehingga berlakunya tekanan-tekanan diskriminasi dan *double standard* sama sendiri, merupakan satu perangkap yang sangat tidak baik bagi masa depan negara kita.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Rompin.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Ya.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih Yang Amat Berhormat. Ini boleh dibahaskan. Saya nampak satu pandangan Yang Amat Berhormat, satu pandangan yang boleh dibahaskan secara waras, satu teguran saya kira kepada isu campur tangan politik dalam pentadbiran. Ini satu topik yang besar, inilah kematangan. Saya mohon kalau boleh Marang terus, sebab apa selepas ini

Marang akan menjadi Ketua Pembangkang, yang rasional. Bermakna DAP tidak bersetuju supaya PAS terus memegang sebagai Ketua Pembangkang. Adakah PAS sudah tidak sanggup lagi memimpin obor sebagai Ketua Pembangkang ataupun DAP tidak beri restu. Saya rasa mengapa tidak Yang Amat Berhormat jadi Ketua Pembangkang. *[Disampuk]* Politik pula.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat!

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Bagi saya teruskan hujah saya. Ini adakah demokrasi dalam PAS ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Rompin!

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya hendak bertanya Yang Berhormat tentang isu peranan politik dalam pentadbiran. Saya rasa perbincangan campur tangan politik dalam pentadbiran ini satu topik yang banyak pandangan. Satu, tadi pandangan Yang Amat Berhormat tetapi di Kuala Lumpur ada mengatakan bahawa di Terengganu, ia terbalik (*reverse*) ada JKRR, ada JSR, banyak ketua kampung, ini kata orang di Kuala Lumpur, tadika KEMAS hendak masuk, disuruhnya pindah. Ini ada orang kata campuran politik dalam pentadbiran.

Tadi Yang Berhormat kata di Kuala Lumpur tetapi orang Kuala Lumpur tuduh pula ke Terengganu. Ada dua, macam mana, ini perbincangan, ini pandangan Yang Amat Berhormat tadi tetapi ada pandangan yang kedua, macam mana Yang Amat Berhormat nampak ada konflik dalam isu ini, sebagai pemimpin Kerajaan Negeri Terengganu saya minta bagaimana kita hendak menjawab ada dua pandangan yang berbeza ini. Satu, negeri kata ke *Federal*, oleh kerana Kuala Lumpur kata ke negeri, macam ada konflik dalam ciri-ciri, dalam hati Yang Amat Berhormat tadi.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Saya memahami Yang Berhormat kepanasan dalam TNB tetapi tak perlulah dicampur-campur dalam perbincangan ini. Walau bagaimanapun, saya ingin memberi respons bahawa kita adalah sebuah kerajaan yang dipilih secara politik, dalam masa yang sama kita perlu menyedari bahawa kakitangan kerajaan dan pegawai-pegawai kerajaan mempunyai profesional mereka dalam bidang masing-masing yang perlu dihormati. Bila selepas pilihan raya maka pegawai-pegawai kerajaan tidak perlu diambil kira apakah parti yang dia anuti. Dia menjalankan kerja secara profesional. Apa yang menjadi masalah ialah adanya elemen-elemen politik yang mempengaruhi jabatan-jabatan kerajaan. Inilah yang menyebabkan berlakunya kelewatan *capitation grant* sebagaimana yang saya kata tadi.

Bila kita sudah menang di peringkat kerajaan negeri, maka adalah menjadi hak kepada kerajaan negeri untuk memilih pemimpin-pemimpin kampung, kita tidak pecat JKRR tetapi bila tamat tempoh dia pada akhir bulan Disember, maka kita tidak lantik lagi. Maka kita lantik JSR, ini adalah bidang kuasa kerajaan negeri. Apa yang menjadi masalah ialah Kerajaan Pusat – UMNO melantik JKRR, ini bukan bidang kuasa kerajaan negeri. Dia tidak sedar, dia kalah di peringkat negeri, dia menganggap dia masih lagi memerintah di peringkat negeri, hendak campur tangan dalam urusan masyarakat yang menjadi bidang kuasa kerajaan negeri.

Begitu juga saya pernah sebut hendak campur tangan dalam urusan pentadbiran. Kalau orang main bola sepak, saya tidak pandai main bola sepak tetapi tahulah juga dengar orang cakap sedikit-sedikit. Secara profesionalnya bila seorang itu duduk dalam satu pasukan bola, walaupun dia orang Pahang, tetapi dia sudah duduk dalam pasukan negeri Terengganu, bila dia main bola dia hendaklah memenangkan pasukan Terengganu walaupun dia orang Pahang. Jangan bila dia berlawanan dengan Pahang, dia sumbat gol Terengganu. Kerana apa? Saya orang Pahang!

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Itu tidak profesional! Inilah paksaan yang dikenakan kepada pegawai-pegawai kerajaan. Ini yang menjadi masalahnya. Bila kita memerintah, ada pegawai-pegawai UMNO dia suruh lambatkan urusan pentadbiran kita kerana ada orang-orang parti di belakang. Ini macam main bola sepak tidak betul! Kalau pemain yang macam ini bukan sahaja pengadil marah, penonton pun marah. Ini yang menjadi masalah. Inilah satu sikap yang tidak betul yang berlaku dalam negara kita. Saya mengharapkan supaya ...

Tuan Muhamad bin Mustafa: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat,

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Ya, saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Peringat bangun.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Ya, sila.

Tuan Muhamad bin Mustafa: Terima kasih Yang Berhormat Marang. Saya ingin minta penjelasan berkenaan dengan satu sikap Kerajaan Pusat yang suatu ketika semacam anti kezaliman tetapi di waktu yang sama dia melakukan banyak kezaliman. Jadi, semacam ada suatu percanggahan sikap mereka menuduh ada suatu kezaliman dalam pelaksanaan hukum Hudud di Terengganu.

Jadi, macam mana jadi suatu ketika bersikap anti kezaliman tetapi di waktu yang lain mereka sendiri melakukan kezaliman yang besar termasuklah kezaliman terhadap royalti minyak Terengganu dan banyak lagi kalau kita hendak senaraikan kezaliman-kezaliman yang dilakukan oleh pihak Kerajaan Pusat termasuk memaksa undang-undang yang bukan Islam terhadap orang-orang yang Islam dan menuduh zalim terhadap undang-undang Islam, sedangkan undang-undang yang jelas-jelas bertentangan dengan Islam tidak ada seorang pun dari pemimpin kerajaan pusat yang mengatakan undang-undang itu zalim, pada halnya itulah kezaliman. Jadi, apakah sikap-sikap yang seperti ini merupakan suatu tindakan yang akan meninggikan tempat jatuhnya. Wallahualam.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, inilah yang dikatakan cakap tidak serupa bikin. Inilah yang dikatakannya bercakap tentang keadilan tetapi dari segi pelaksanaan tidak berlaku. Oleh kerana kita menyedari bahawa pegawai-pegawai kerajaan bukan sembarangan orang, mereka mengaji di universiti dalam negeri, luar negara, kalangan ilmunan yang duduk dalam jabatan-jabatan kerajaan dan mereka mengetahui bidang mereka dalam bidang pentadbiran. walaupun mereka bebas menganut mana-mana fahaman parti politik dalam negara yang mengamalkan demokrasi.

Oleh kerana itulah maka Kerajaan Kelantan dan Terengganu tidak perlu Akujanji sebagaimana Kerajaan Pusat kerana kita sudah tahu tentang kebijaksanaan pegawai kerajaan. Terpulang kepada mereka hendak menganut apa-apa parti, kita tidak takut, tidak bimbang. Dia hendak kalahkan kita di Terengganu dan Kelantan, silalah! Sedangkan kita di Terengganu sanggup tunggu hampir 40 tahun. Kita jatuh di Terengganu setelah hampir 40 tahun, kita tidak demonstrasi, kita tidak melakukan huru-hara, kita terus sabar melalui pilihan raya tetapi UMNO dia tidak tahan, kalah sedikit pun tidak tahan, macam cacing kepanasan. Ini yang jadi suatu masalah.

Saya ingin menarik perhatian, tadi Yang Berhormat bagi Kota Bharu timbulkan masalah Hudud, jadi terpaksa saya hendak baca ini, ini Hudud UMNO...

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: "Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah Persekutuan 1997....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat Rompin.....

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:memperuntukkan bahawa sesiapa yang melakukan sumbang mahram, maksudnya yang dikategorikan sebagai kes berzina, boleh didenda tidak melebihi RM5,000 atau dipenjarakan tidak lebih tiga tahun atau disebat tidak lebih daripada enam kali sebatan atau dihukum dengan mana-mana gabungan hukum itu".

Ini dia Hudud UMNO. Saya rasa itulah sahaja ucapan saya Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Rompin hendak berucapkah?

Beberapa Ahli: [Bangun]

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya bagi peluang kepada saya serah balik kepada Tuan Yang di-Pertua. [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kepong.

4.20 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyentuh beberapa perkara termasuk pendidikan, kesihatan dan juga multimedia serta Industri Kecil dan Sederhana (IKS). Itulah yang diperuntukkan di dalam rang undang-undang ini dan pagi tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah pun siapkan satu jawapan kepada soalan saya mengenai keadaan ekonomi di negara ini dan malangnya saya hendak menyertai satu forum WTO dan tidak sempat berkejar balik ke Dewan.

Walaupun bagaimanapun, beliau di dalam jawapannya ada menyebutkan dengan adanya pakej rangsangan ekonomi kita, maka kita dapat mengekalkan pertumbuhan positif iaitu sebanyak 0.4% dan dibandingkan dengan Singapura yang ada pertumbuhan negatif sebanyak 2%. Ekoran daripada itu, maka beliau mengatakan dengan rangsangan berjumlah RM7.3 bilion ini maka kita yakin pemulihan ekonomi negara akan bertambah mantap lagi.

Sama ada ini akan berlaku saya pun tidak tahu, cuma dari segi ekonomi, daripada akar umbi saya nampak mereka masih mengalami kesusahan. Walaupun berikutan jangkaan prestasi sektor luar yang lebih kukuh pada separuh kedua tahun ini pertumbuhan turut dibantu oleh dasar kewangan yang disebutkan sebagai *accommodative* dan penstrukturan semula sektor penerbangan dan korporat yang berterusan.

Walaupun itu kenyataan pihak kerajaan tetapi di dalam perniagaan biasa memang mereka masih berasa tidak senang. Misalnya, di pusat-pusat penjaja itu lebih ramai dan di restoran-restoran kita nampak memang pelanggan-pelanggan tidak ramai. Ini menunjukkan keadaan ekonomi adalah masih lembab dan saya berharap di dalam semua pakej pun kita mesti menjaga orang-orang yang menderita sama ada di luar bandar ataupun di bandar.

Ekoran daripada itu kita pun berharap di dalam semua pengumuman kita mesti menjaga dengan baik-baik untuk ekonomi kita. Misalnya peristiwa 22 Jun di PWTC memang mengejutkan. Satu kejutan! Dan Parit Sulong pun tidak begitu seronok kerana nampak akan kejutan ekonomi kita juga. Di dalam keadaan pasca 11 September diikuti dengan peristiwa 22 Jun, jadi ini juga akan menjejaskan ekonomi negara kita.

Saya berharap ekoran dari peristiwa ini kita mendapat satu laporan yang lengkap di dalam keadaan yang kucar-kacir sekarang, kita tidak boleh adakan satu kejutan ataupun gempa bumi yang merosakkan ekonomi negara kita. Saya berharaplah kerajaan dapat mengemukakan satu laporan yang lengkap mengapa peristiwa itu berlaku sebab kita sama-samalah mengambil perhatian kerana ini akan menjejaskan semua rakyat di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengukuhkan ekonomi, saya tidak mahu sentuh perkara ini cuma apa faktor yang boleh menjejaskan ekonomi kita di dalam Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini, kita mesti ada satu perbincangan dasarnya hendak kukuhkan ekonomi kita di mana di dalam satu daripada tajuk kita, kita hendak kukuhkan ekonomi dan kerajaan mesti menangani misalnya seperti laporan Suhakam.

Kita mesti ada satu perbincangan untuk menunjukkan kepada dunia luar kita adalah mengambil berat masalah masih ada 113 orang yang di bawah tahanan ISA dan sebagainya dan ada kumpulan-kumpulan yang dikatakan memang ganas dan termasuk Al-Maunah, KMM, Gerakan Arkim, Merdeka dan sebagainya. Kita mesti mengadakan satu perbincangan untuk mengukuhkan imej kita di luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, untuk imej kita, *Political And Economic Risk Consultancy (PERC)*, ada satu kajian mengenai orang-orang asing yang menetap di rantau Asia yang ditepati sistem polis dan kehakiman di beberapa negara di Asia itu, Malaysia sebenarnya terletak di tengah-tengah, kalau dibandingkan dengan Indonesia yang

mendapat 9.83 *ratingnya* itu, penaktifan *ratingnya* 9.83 yang paling rendah sekali, kita di Malaysia ini ada di tengah-tengah, yang paling baiklah.

Saya pun tidak tahu apa kriteria yang digunakan ialah Singapura 1.7 diikuti dengan Hong Kong, Jepun dan sebagainya. Ini satu PERC - *Political And Economic Risk Consultancy* - ini memang mengeluarkan satu *rating* yang boleh menjejaskan kita, walaupun ada akhbar seperti *The New Straits Times*, dia tengok itu tajuknya, kata Malaysia paling baik di negara ini, paling baik di Asia Tenggara, dan di Asia itu satu gambaran yang tidak mengikut hakikat, sebenarnya kita ada tidak baik juga, ikut *Political And Economic Risk Consultancy*, sebab itulah saya mencadangkan kita adakan satu kajian sendiri menunjukkan di rantau Asia ini di mana kedudukan kita, satu jawatankuasa bebas untuk berbuat demikian supaya imej kita, ekonomi kita dapat terus berkembang dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, di negara ini memang masalah yang hangat diperbincangkan ialah mengenai pendidikan. Ini lebih 30 tahun kita menyarankan supaya di semua sektor termasuk pendidikan kita menggunakan merit dan keperluan, itu memang. Merit sahaja tidak cukup, ini mesti tengok keperluan untuk semua kaum. Ini dasar kita lebih 30 tahun dan pada waktu di dalam tempoh 32 tahun lebih ini memang Ahli-ahli UMNO termasuk Rompin pun tidak berani... [*Telefon bimbit berbunyi*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, panggilan telefon.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya ada hendak padamkan Tuan Yang di-Pertua. [*Ketawa*] Tidak boleh, ini lebih pentinglah. Lebih penting Rompin, dia tidak dengan merit dan keperluannya, dia tidak langsung hendak berucap ataupun menjadi satu dasar rasmi dia. Tidak ada langsung, kemudian sekarang hooiiii dah! Daripada 21 Jun dengan perhimpunan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, apa sebab hendak libatkan Rompin?

Dr. Tan Seng Giaw: Rompin kerana dialah sentiasa hendak menonjolkan diri, saya beri dia peluang sedikit penonjolannya baik. Itu masalah, dan sekarang 21 Jun ini ada di PWTC perhimpunan, wah! Sokong dengan penuh merit sistem kita, dan juga penggunaan bahasa Inggeris yang lebih, saya pun seronok juga, nampak Rompin dia dua tangan macam itu [*Sambil mengangkat kedua tangan ke atas*] meluluskan semua.

Saya seronok. Tetapi masalah sekarang, Tuan Yang di-Pertua, apabila mengakui sistem merit mesti diadakan kerana kita perlu dengan WTO dan liberalisasi dan globalisasi ini pada tahun 2004 dan 2005 kita mestilah mengadakan satu sistem yang lebih berdasarkan kepada merit. Dan sebab itulah saya nampak ramai yang sokong sekarang, tetapi apabila peringkat pelaksanaan pada *practice* memang menimbulkan masalah.

Apa masalahnya? Misalnya di dalam pengambilan para pelajar di institut pengajian tinggi awam, pihak kerajaan menggunakan matrikulasi bersama dengan STPM, walhal ini tidak boleh dilakukan. Matrikulasi satu sistem yang digunakan semata-mata untuk membolehkan orang-orang daripada luar bandar, pelajar-pelajar Melayu masuk ke universiti untuk menyertai kursus perubatan, pergigian, kejuruteraan dan sains. Itu di dalam tempoh 32 tahun, itu perkara ini dilakukan.

Dan kalau kita samakan matrikulasi dengan STPM memang satu kesalahan. Tidak boleh disamakan, kerana sistem yang tidak serupa. Kalau kita hendak sistem merit maka kita hendaklah selaraskan semua ini, seragamkan. Kalau hendak ikut matrikulasi, kita ikut matrikulasi, kalau hendak ikut STPM kita ikut STPM.

Beberapa minggu yang lepas Yang Berhormat Menteri Pendidikan ada menyatakan bahawa kita hendak menggunakan STPM dan tidak akan menggunakan matrikulasi lagi, dan ini pun ditentang oleh beberapa orang. Ini memang satu perkara yang tidak baik. Kita seragamkan, kita terima merit dan kalau terima merit inilah cara yang baik untuk dibuat dan ini tidak bermakna kita mengabaikan orang-orang yang tidak mampu. Kalau orang-orang di luar bandar dan kurang pendedahan dan mendapat prestasi yang kurang sedikit, kita mesti mengambil kira. Kalau semata-mata menggunakan merit pun tidak cukup juga. Tidak adil bagi orang-orang yang kurang didedahkan kepada dunia moden ini.

Walau bagaimanapun, saya berharap pihak Kementerian Pendidikan dapat mengadakan satu ukuran yang seragam untuk pengambilan penuntut secara merit, adakan satu ukuran yang baik.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bercakap di bawah mana itu?

Dr. Tan Seng Giaw: Oh, pendidikan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Adakah mengenai pendidikan?

Dr. Tan Seng Giaw: Ada. Pasal banyak, Tuan Yang di-Pertua, banyak. Tengok di dalam daripada sekolah rendah kepada universiti, memang banyak di dalam. Memang di dalam lingkungan kerana kita cakap dasar sekarang ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, kita cakap dasar dan ekor dari itu, memang kerajaan hendak mengambil hati bukan Melayu, dia kata hai tak payah bising, kita adakan 10% kuota untuk matrikulasi bagi pelajar-pelajar bukan Melayu yang miskin. Saya seronok juga dengar itu. Oooi! Kerana dia hendak dapat undi juga. Bukan masalah, kita setuju, kalau hendak ambil tidak kira kaumlah, yang miskin, yang ada prestasi yang baik, walaupun kurang sedikit kalau berbanding dengan bandar, kita beri peluang, itu memang satu perkara hendak kita buat kerana di dalam negara yang kita hendak menyaksikan keamanan dan kemakmuran, kita mesti mengurangkan jurang (*divide*), jurang di antara kaum di dalam kaum dan di semua sektor, kita mesti sentiasa berusaha berikhtiar untuk mengurangkan semua jurang.

Walau bagaimanapun, saya berharap dengan adanya Maktab Rendah Sains MARA, dengan adanya 10% kuota bagi bukan Melayu, kalau dikekalkan sistem kuota sekarang, tidak akan menyelesaikan masalah.

Saya bersetuju juga dengan Yang Amat Berhormat kalau kita sentiasa mengadakan kuota sebagai tongkat, kita tidak akan menyelesaikan masalah, kerana apabila tidak ada tongkat itu maka tidak boleh berdiri sendiri, tidak boleh berdikari. Ini memang satu masalah. Ada juga baiknya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata kalau kita ada kuota sekarang, apabila ramai yang mampu lebih daripada 10% apa masalah? Begitu juga bagi semua kaumlah dan kita patut mengadakan lebih banyak institusi pengajian tinggi di negara ini.

Saya pernah mencadangkan di sini bahawa kita perlu adakan 35 buah universiti di negara ini untuk menampung semua keperluan kerana kita hendak menyaksikan bilangan penduduk di Malaysia ini meningkat yang mempunyai ijazah ataupun pendidikan tinggi. Kalau tidak silap saya 50%, 60% hendaklah iaitu graduan daripada IPTA atau IPTS. Ini memang satu matlamat yang baik dan kita berharap dapat diadakan.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya hendak menekankan keperluan, keperluan untuk memantau semua kursus yang diadakan oleh IPTA dan IPTS, sebab kita hendak menyaksikan lebih ramai pelajar daripada luar negara kita menyertai kursus-kursus di negara ini terutamanya kursus berkembar.

Mengikut pihak Kementerian Pendidikan sekarang kita ada lebih 13,000 penuntut luar negara, penuntut asing yang menyertai kursus-kursus di IPTS berkembar di negara ini terutamanya daripada negara-negara China, Indonesia, USA, India dan South Korea (Korea Selatan) dan ini memang satu perkara yang baik. Tapi pihak kerajaan mesti ada satu sistem atau mekanisme yang lebih mantap untuk memantau, memantau standard di dalam semua kursus ini sama ada di dalam IPTA ataupun IPTS.

Kerana di IPTA juga kita mesti adakan iaitu pelajar-pelajar asing. Di dalam itu hasrat kita untuk mewujudkan satu pusat kecemerlangan pendidikan di rantau ini, kita mesti adakan penuntut-penuntut asing dan juga profesor-profesor asing untuk bercampur gaul dengan orang-orang kita, sebab dengan adanya dengan izin Tuan Yang di-Pertua *cross fertilization* maka kita boleh wujudkan satu kecemerlangan di dalam pendidikan kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, di satu perkara lagi untuk IKS, untuk IKS kerana tidak cukuplah bagi pendidikan negara. IKS, IKS kita misalnya baru-baru ini, untuk menggalakkan IKS kita adakan banyak bantuan, tabung demi tabung diadakan. Saya

berharap tabung-tabung ini dapat digunakan dengan baik dan pada minggu yang lepas ada cadangan untuk menggalakkan bank-bank memberi pinjaman yang lebih kepada IKS kita, memang satu cadangan yang baik.

Walau bagaimanapun saya berharap dasar kerajaan untuk IKS ini mestilah konsisten, mestilah konsisten. Misalnya kerana hendak memelihara, menjaga Mega Steel yang salah satu syarikat itu besi keluli di bawah Lions Group dan Mega Steel ini ada pemegang saham misalnya, itu Tabung Angkatan Tentera dan kerana hendak memelihara syarikat Mega Steel ini, maka dikenakan tarif import 50% dan dengan demikian *sheet, steel and iron* dan sebagainya, menjejaskan kilang-kilang seperti kilang yang membuat perabot, besi keluli sehingga saya diberitahu bahawa kilang-kilang sekarang mesti ditutupkan kerana itu harga besi dan harga keluli tarifnya tinggi.

Mereka keluarkan perabot-perabot dan produk-produk yang lain itu tidak begitu ekonomik dan kemudian mereka sekarang ada berusaha hendak melabur di negara China. Tutupkan kilang di sini pergi ke negara China. Inilah sistem dasar tidak konsisten untuk IKS. Kalau itu tarif untuk besi keluli dinaikkan kepada 50% seperti mana dilakukan oleh Bush di Amerika Syarikat memang matilah semua itu industri hiliran yang menggunakan besi keluli.

Walaupun ada kenyataan daripada pihak kementerian mengatakan boleh dipertimbangkan kes-kes yang berasingan, macam mana hendak melaksanakan. Pihak Kastam dan Eksais memang pening kepala, macam mana kita boleh asingkan untuk melaksanakan hal ini dan mesti menimbulkan kerumitan. Saya berharap pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh mendalami masalah ini sebab apa kita hendak menjaga Mega Steel dengan begitu dahsyat sehingga mengabaikan dasar untuk menolong IKS kita.

Itu bermakna kita adakan tabung begitu banyak kemudian kita akan dasarnya yang tidak konsisten, saya berharap kerajaan dapat mempertimbangkan dan akhir sekali kerana saya hendak bagi peluang kepada rakan-rakan saya di sini mengenai kesihatan. Memang tidak ada dimasukkan cuma semak tengok masuk di dalam kesihatan kita.

Di sinilah saya hendak bangkitkan satu perkara memang menyedihkan kita, menyedihkan kita. Masa dulu saya pernah bercakap dengan banyak juga, mengenai kesihatan dan bagaimana pihak kerajaan, pihak Kementerian Kesihatan tidak mengadakan satu sistem mekanisme yang cukup untuk menangani masalah termasuklah beberapa hari yang lepas mengenai sistem yang tidak cukup oleh pihak kerajaan, misalnya epidemik virus nipah yang melanda negara ini.

Sebenarnya dibawa oleh keluang daripada Pulau Tioman yang membawa virus masuk ke sini dan pihak kerajaan kata ini bukan tidak kena-mengena dengan itu dan sampai sekarang tidak ada jawapan. Tiada laporan langsung. Apakah sebabnya berlaku epidemik virus nipah *encephalitis* sehingga beratus-ratus maut, ini tiada, tiada laporan yang lengkap. Saya berharap pihak kementerian dapat mengemukakan satu laporan bagaimana virus ini dapat masuk ke Tambun pada mulanya dan kemudian menjangkit kepada Negeri Sembilan kerana di Tambun apabila berlakunya tidak ada kawalan yang ketat sehingga khinzir-khinzir yang sakit itu dapat diangkut ke Negeri Sembilan dan sebagainya. Waktu itu pihak kerajaan menafikan semua ini.

Walau bagaimanapun, saya berharap ada laporan yang lengkap dan baru-baru ini kita nampak sos, sos tiram ya, sos tiram. Walaupun pihak kementerian mengatakan dia ada kaedah untuk memantau semua, tetapi kita tunggulah laporan daripada luar.

Waktu itu ada laporan daripada England mengatakan ada sekian - sekian banyak sos tiram ini tidak sesuai dimakan. Maka pihak kementerian barulah mengambil tindakan. Baik juga ada mengambil tindakan, tetapi selepas laporan daripada orang lain. Dan baru-baru ini juga ada pil untuk mengurangkan berat badan kita. Slimming pil kita. Itu *Fenfluramine* dan *Phentermine*. *Fenfluramine* dan *Phentermine*. kerana apa masalahnya laporan kesihatan daripada Singapura ada yang mengambil pil daripada negara China ada yang maut kerana kerosakan hati.

Sebab ada laporan sedemikian maka pihak Kementerian Kesihatan barulah mengambil tindakan. Untuk menyiasat, untuk mengambil tindakan terhadap syarikat-syarikat yang keluarkan ataupun yang menjual pil-pil untuk menguruskan badan. Ini memang satu perkara.... selepas ada laporan daripada luar maka ambil tindakan.

Walhal *Fenfluramine* dan *Phentermine* bukan satu ubat-ubat yang diharamkan. Cuma apabila digunakan untuk sesuatu yang tidak baik maka diambil tindakan.

Di sini suka saya hendak menekankan bahawa di dunia ini tidak ada satu pil pun yang boleh menguruskan badan. Dengan fesyen sekarang itu semua hendak kurus, baik juga hendak kurus tetapi bukan melalui memakan pil. Pil untuk mengurus tidak ada, tidak ada. Slimming pil memang tidak ada di dunia ini. Tetapi pil untuk mengurangkan selera, ada. Pil sekarang, satu, dua, tiga tahun ada mengurangkan lemak yang dimakan itu. Berhenti daripada diserap kepada masuk ke usus kita, lemak, itu memang ada. Pil kurangkan lemak, ada. Pil kurangkan selera, ada. Tetapi semua ini terutama pil *Fenfluramine* dan *Phentermine* yang boleh mengurangkan selera kita, merosakkan otak kita juga kerana hendak cantik otak rosak pun tidak apalah. Ini masalah tabiat manusia kita semua kaumlah, semua kaum. [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Boleh jadi gila ya, Yang Berhormat? Ya?

Dr. Tan Seng Giaw: Gila pun boleh. Gila pun boleh juga. Bukan sekat kerana dia ada *amphetamine* digunakan untuk bukan sahaja untuk *stimulus* di dalam dadah. Penagihan dadah pun ada sampai sekarang. *Ecstasy*, kita nampak ada tindakan yang diambil tahun yang lepas. Nampak adalah. Hoi! Huru hara bukan main beritanya banyak di dalam akhbar kita tetapi sekarang pil *ecstasy* dijual dengan begitu sahaja sekarang. Dijual dengan berleluasa.

Kononnya ada sindiket-sindiket yang melibatkan orang-orang atasan. Saya pun tidak tahu itu susah hendak cari bukti dan saksi. Ini memang susah. Yang Berhormat, Ini memang satu masalah yang kita hadapi. Pihak kerajaan termasuk Kementerian Kesihatan apabila mengambil tindakan untuk publisiti sahaja... Untuk publisiti sahaja.

Dan sini saya menekankan bahawa kita mesti memperbaiki sistem mekanisme untuk mengawal, untuk memantau semua ini termasuk pil *ecstasy*. Sebab apa perkara ini berlaku? Kerana saya diberitahu ini kerana ada kecurangan di pihak penguat kuasa. Kalau penguat kuasa benar-benar berkesan, beramanah, memang *ecstasy* susah hendak dijual. Ini pil *ecstasy*, *amphetamine* itu semua itu, syabu pun *amphetamine* juga. Ini di dalam penagihan itu boleh merosakkan otak kita.

Kerana hendak seronok di pusat-pusat hiburan dia sanggup makan. Dan kalau dia sanggup makan, ada pembekal. Ada pembekal dan saya berharaplah pihak kerajaan dapat memperkukuhkan tindakan-tindakan atau dasar dan pelaksanaan untuk mencegah semua ini dan walaupun saya ada banyak lagi untuk dibentangkan di Dewan yang mulia ini, saya nampak ada orang-orang yang berminat untuk menyertai di dalam perbincangan ini, Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, saya bagi ini Kemaman dahulu.

4.48 ptg.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof [Kemaman]: Terima kasih. Sebelum saya memulakan, saya ingin merakamkan ucapan takziah saya kepada keluarga Ustaz Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor, semoga Allah mencucuri rahmat dan berkatNya kepada beliau dan meredhai segala usaha dan perjuangan beliau dan menggolongkan beliau ke dalam golongan orang-orang yang soleh.

Saya mengucapkan berbilang terima kasih di atas peluang yang diberikan untuk membahaskan belanjawan tambahan ini dan oleh kerana belanjawan tambahan ini melibatkan pembangunan IKS dan Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd. yang menghadapi persaingan hebat di rantau Asia Timur maka ucapan saya lebih tertumpu kepada suasana ekonomi di persekitaran Asia Tenggara dan Asia Timur dan juga suasana ekonomi dalam negara.

Kalau kita membaca dan mendengar media massa baik tempatan mahupun antarabangsa, kita dapati salah satu isu yang sering diungkitkan dalam perbincangan dengan Amerika Syarikat ialah masalah peningkatan kegiatan lanun di Selat Melaka.

Keadaannya amat meruncing dan berbahaya sehingga kapal-kapal perdagangan perlu dikawal dan diiringi oleh kapal-kapal perang Amerika Syarikat dan Malaysia. Untuk menyelesaikan masalah ini, kerajaan bercadang untuk menubuhkan

Pasukan Pengawal Pantai untuk melindungi kapal-kapal perdagangan yang melalui Selat Melaka dan berbilion ringgit akan dibelanjakan.

Permasalahan ini timbul sudah lama tetapi pelbagai permasalahan dalaman yang melanda negara, perkara ini diabaikan. Perlu diingatkan bahawa pelabuhan dari Pulau Pinang, Lumut, Klang, Port Dickson dan Tanjung Pelepas semuanya dalam Selat Melaka.

Keluaran Kasar Dalam Negeri atau GDP sebahagian besarnya bergantung kepada penyediaan laluan yang selamat untuk perdagangan antarabangsa. Sebagai sebuah negara yang berorientasikan eksport, pergantungan kepada pengangkutan laut menjadi sebahagian daripada aspek kritikal dalam pembangunan ekonomi yang perlu dipertahankan dan diurus dengan berkesan.

Ketidakupayaan negara untuk menyediakan laluan selamat dan terjamin kepada kapal-kapal yang melalui Selat Melaka akan membuka peluang kepada negara lain untuk mengolok skema untuk menguntungkan mereka. Inilah yang sedang berlaku sekarang.

Kerajaan Thailand sudah bercadang untuk membina terusan melalui Isthmus of Kra ataupun Segenting Kra. Sekiranya dibina maka Malaysia, Singapura dan Indonesia akan terputus daripada laluan terpenting dunia yang boleh memberi kesan yang amat buruk kepada masa depan ekonomi negara.

Malaysia bercadang membelanjakan berbilion ringgit dalam pembesaran dan pemodenan kemudahan-kemudahan di pelabuhan-pelabuhan dalam perairan Selat Melaka. Tetapi sekiranya pembinaan Terusan Kra ini terlaksana maka segala perbelanjaan ini tidak bermakna lagi.

Walaupun Perdana Menteri menyatakan ia tidak memberi kesan yang besar kepada ekonomi negara tetapi apa yang berlaku kepada pembangunan Lapangan Terbang Bangkok menjadi pengajaran. Lapangan Terbang KLIA tidak berupaya bersaing dengan Lapangan Terbang Bangkok, malah Lapangan Terbang Changi di Singapura pun kalah dalam persaingannya dengan Lapangan Terbang Bangkok.

Dari segi kekerapan penerbangan, jumlah penumpang, destinasi penerbangan dan sebagainya, Lapangan Terbang Bangkok jauh lebih pesat sehingga tiga kali ganda lebih pesat daripada KLIA dan sekali ganda daripada Lapangan Terbang Changi di Singapura. Ini disahkan sendiri oleh Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan dalam taklimat beliau kepada Jawatankuasa Audit Parlimen baru-baru ini.

Seperti biasa, rakyat dibohongi oleh kepimpinan negara bahawa KLIA lah yang terhebat, terancang dan paling sibuk di Asia Tenggara. Ekonomi Asia bersaing hebat untuk mendapat pelaburan asing. Sekiranya terusan ini dibina, maka seluruh perjalanan kapal akan melencong menerusi Terusan Kra dan tidak lagi melalui Selat Melaka. Ini akan mengubah pilihan pusat pembuatan, pengilangan dan perindustrian yang sudah tentunya beralih dari Malaysia. Thailand dan China akan menjadi pilihan utama pelabur asing, sebagai pusat perniagaan Asia dan Malaysia akan terus ketinggalan dalam persaingan ini. Apa persediaan negara dalam menghadapi fenomena ini?

Tuan Yang di-Pertua, kita sering mendengar kebimbangan negara dalam menghadapi persaingan untuk menarik pelabur dan memasarkan barangan-barangan yang dikeluarkan oleh IKS dan MDS dengan negara China. Baru-baru ini, Perdana Menteri menyatakan secara terbuka, sokongan negara, China menjadi kuasa besar dunia. Dengan berakhirnya persaingan dua kuasa besar dunia, Amerika Syarikat dan Rusia, China mengambil tempat baru dalam mengolah peranannya dalam hubungan luar dunia.

Sebagai negara teras peradaban masyarakat Cina, mereka meletakkan dua matlamat untuk dicapai. Pertama, menjadi juara atau tonggak kebudayaan Cina sebagai pusat tarikan kepada seluruh masyarakat Cina mengarah kepada negaranya.

Kedua, mengembalikan kedudukan sejarah yang hilang pada abad ke-19 sebagai kuasa hegemoni Asia Timur.

Kemunculan peranan baru China ini dapat dilihat dalam:

- (i) cara China mentakrifkan kedudukannya dalam hubungan luarnya;
- (ii) sejauh mana penglibatan masyarakat Cina seberang laut dalam pembangunan ekonomi Tanah Besar China;
- (iii) peningkatan hubungan ekonomi, politik dan diplomatik dengan tiga entiti utama masyarakat Cina iaitu Hong Kong, Taiwan dan Singapura; dan
- (iv) perubahan orientasi negara-negara Asia Tenggara terhadap negara China di mana masyarakat Cina mempunyai pengaruh besar dalam politik mereka.

Kerajaan China melihat Tanah Besar China sebagai negara teras peradaban masyarakat Cina yang mana seluruh masyarakat Cina berorientasi ke arahnya. Kepada Kerajaan China, masyarakat keturunan Cina, walaupun menjadi kerakyatan negara lain, adalah ahli masyarakat Cina dan sedikit-sebanyak mempunyai hubungan atau kaitan dengan mereka.

Hubungan di antara *Huaren* iaitu orang keturunan Cina dan *Zhun Huaren* iaitu orang berasal dari negara Cina berpaksi kepada konsep kebudayaan Cina seperti yang terserlah dalam *zhong shi* ataupun kesedaran bersama.

Konsep '*Greater China*' atau "Pelebaran China" berkembang dengan cepatnya dalam kebudayaan dan ekonomi dan telah menular dalam realiti politik pula. Masyarakat Cina memainkan peranan besar dalam pembangunan pesat ekonomi Tanah Besar China, ekonomi Harimau Asia di mana tiga daripada empat Harimau Asia adalah masyarakat Cina iaitu Taiwan, Hong Kong dan Singapura; dan ekonomi Asia Tenggara pada tahun-tahun 80-an dan 90-an.

Pembangunan ekonomi Asia Timur lebih berpusat kepada China dan dikuasai oleh masyarakat Cina. Masyarakat Cina dari Hong Kong, Taiwan dan Singapura merupakan penyumbang terbesar modal kepada pertumbuhan ekonomi Tanah Besar China dalam tahun 90-an. Masyarakat Cina menguasai ekonomi negara-negara Asia Tenggara.

Di Filipina di mana masyarakat Cina merupakan 1% sahaja daripada jumlah penduduknya menguasai 35% dari ekonominya. Di Indonesia, masyarakat Cina merupakan 2% hingga 3% dari jumlah penduduknya menguasai 70% dari ekonominya. 17 daripada 25 perniagaan terbesarnya dikuasai oleh masyarakat Cina dan sebuah konglomerat Cina dilaporkan menyumbangkan 5% KDNK Indonesia. Di Thailand, masyarakat Cina merupakan 10% daripada jumlah penduduknya menguasai 9 daripada 10 perniagaan terbesar dan menyumbang 50% kepada KDNK Thailand.

Di Malaysia, di mana penduduk masyarakat China hampir satu pertiga, menguasai hampir keseluruhan sektor swasta ekonomi negara. Di luar Jepun dan Korea, ekonomi Asia secara keseluruhannya berasaskan ekonomi China. Walaupun negara Barat mengurangkan pelaburan mereka di China selepas peristiwa Dataran Tiananmen, masyarakat Cina seberang laut mengambil kesempatan ini dan menyumbang 80% daripada pelaburan terus asing ke China, terutamanya daripada Hong Kong – 63.3%, Taiwan – 9.3%, Singapura, Macao dan sebagainya. Jepun hanya menyumbang 6.6% sahaja, sedangkan Amerika Syarikat hanya 4.6% dari keseluruhan pelaburan asing yang masuk ke negara China.

Singapura yang pada satu ketika dahulu merupakan pelabur terbesar di Malaysia dan Indonesia, sekarang berpindah ke China. Separuh daripada projek bantuan luar negara oleh Kerajaan Singapura adalah di China dan banyak *capital flights* daripada masyarakat Cina di Asia Tenggara mengalir ke China.

Tanah Besar China merupakan pasaran paling pesat berkembang dan menarik paling banyak pelaburan asing di dunia ini. Perdagangan meningkat begitu ketara di kalangan masyarakat Cina di Asia Timur sehingga pengaruh kuasa Barat tidak bermakna lagi bagi mereka. Malah negara Barat pula yang mengharap dapat berdagang dengan mereka sehingga sanggup menggadaikan prinsip perdagangan negara mereka demi menjaga kepentingan perniagaan dan pelaburan mereka.

Sebagai sebuah kuasa hegemoni di Asia Timur, China mengharap negara-negara Asia Timur sedikit-sebanyak akur kepada sebahagian atau semua daripada tuntutan-tuntutan berikut:

- (i) menyokong integriti wilayah-wilayah China dalam penguasaan terhadap Tibet dan Xiang Zian dan integrasi Hong Kong dan Taiwan sebagai wilayah China;
- (ii) menghormati kedaulatan China ke atas Laut China Selatan dan kemungkinan Mongolia;
- (iii) menyokong China dalam menangani persengketaan dengan kuasa Barat dalam isu ekonomi, hak asasi kemanusiaan, pembinaan kekuatan ketenteraan dan persenjataan dan lain-lain isu;
- (iv) menerima keutuhan tentera China di Rantau Asia Timur dan tidak membangun senjata nuklear dan kekuatan ketenteraan konvensional yang lain yang bersaing dengan kekuatan tentera China;
- (v) menyesuaikan polisi perdagangan dan pelaburan...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua, masuk tajuk kah ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Masuklah, pelabur....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Masuk ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sri Gading ya.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Kita baru hendak cakap pasal ekonomi Asia Timur.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ini dasar, adalah sedikit. Bila sudah dalam Jawatankuasa, tidak boleh.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof:

- (v) menyesuaikan polisi perdagangan dan pelaburan selaras dengan kepentingan masyarakat Cina dan menggalak pembangunan ekonomi masyarakat Cina, mendapat pandangan kepimpinan China dahulu dalam menangani masalah serantau;
- (vi) terbuka dan menerima penghijrahan orang dari negeri China;
- (vii) menghalang dan menekan kebangkitan pergerakan anti China dan anti masyarakat Cina dalam negara masing-masing;
- (viii) menghormati hak masyarakat Cina termasuk hak menjalin hubungan rapat dengan waris dan keluarga mereka di China;
- (ix) berkecuali dalam gabungan atau kerjasama ketenteraan dengan kuasa lain dan menjauhi daripada bergabung dengan kuasa lain untuk bersaing atau bersengketa dengan China; dan

- (x) menggalakkan penggunaan bahasa Mandarin sebagai bahasa kedua dan beransur-ansur menggantikan bahasa Inggeris sebagai bahasa komunikasi di Asia Timur.

Apabila Perdana Menteri menyatakan sokongan kepada China sebagai kuasa dunia, apakah kerajaan menerima tuntutan-tuntutan yang dibuat oleh China terhadap negara-negara Asia Timur ini? Berhadapan dengan realiti ini, bagaimana negara dapat menyesuaikan diri dalam pembangunan ekonomi sekarang sebagai sebahagian daripada negara Asia Timur. Adakah kita mentakrifkan negara sebagai sebahagian dari negara Asia Timur atau sebagai negara Islam atau sebagai *proxy* kuasa Barat? Benarkan Malaysia menjadi negara contoh negara-negara membangun dan negara Islam?

Bagaimana negara dapat mempertahankan kepentingan masyarakat peribuminya dalam perkembangan globalisasi yang berpusat kepada ekonomi masyarakat Cina di Asia Timur ini? Bagaimana hubungan ekonomi negara dengan negara-negara Islam dan negara-negara Barat? Masihkah negara menjadi pilihan pelaburan negara-negara Barat? Bagaimana perkembangan hubungan ekonomi negara dengan negara-negara Islam? Kenapa kerajaan menentang usaha Kerajaan Negeri Terengganu dan Kelantan untuk menarik pelancongan dan pelaburan dari negara-negara Islam dengan menyediakan kemudahan-kemudahan berteraskan Islam.

Terlalu banyak persoalan yang perlu ditangani dan insya-Allah di masa yang lebih sesuai, saya akan memberi pandangan apa erti masyarakat Asia Timur, apa erti masyarakat peradaban Islam dan apa erti menjadi *proxy* Barat berlandaskan perjalanan sejarah negara?

Tuan Yang di-Pertua, orang Melayu mendukung UMNO kerana dasar perjuangannya untuk memartabatkan bangsa Melayu dan kaum bumiputera, baik dari segi ekonomi, bahasa, pendidikan mahupun agama mereka. Orang Melayu memberi mandat kepada UMNO hampir 45 tahun untuk memerintah negara agar dapat mengolah dasar, perencanaan dan perancangan untuk mencapai hasrat dan cita-cita mereka. Lebih separuh daripada masa tersebut, UMNO dan negara dipimpin oleh Perdana Menteri sekarang, Yang Berhormat bagi Kubang Pasu.

Hasilnya orang perseorangan Melayu dan bumiputera hanya dapat menguasai tidak sampai 2% dari kekayaan negara, 17% lagi yang didakwa kepunyaan Melayu dan bumiputera dimiliki oleh kerajaan dan agensi kerajaan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri Yang Berhormat, Sri Gading berdiri Yang Berhormat. Hendak beri jalan? Okey, sila.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat Yang Berhormat bagi Kemaman. 45 tahun UMNO memerintah daripada sebuah negara yang belum merdeka sampai merdeka dan hari ini kita begitu hebat, dikagumi oleh seluruh dunia dan ada negara mengiktiraf bahawa negara kita ini negara maju. Tidakkah itu sebenarnya usaha dan jasa kerajaan UMNO Barisan Nasional yang telah dapat memberikan manfaat yang begitu hebat kepada rakyat.

Apakah Yang Berhormat tidak dapat hendak menilai termasuk Yang Berhormat sendiri mendapat faedah-faedah yang begitu hebat. Apakah itu bukan jasa UMNO dan apakah Yang Berhormat kerana perselisihan politik sanggup menafikan kebaikan-kebaikan dan kemajuan-kemajuan, pembangunan-pembangunan negara yang begitu hebat, malahan kita sebenarnya patut berterima kasih kepada kepimpinan.

Tadi Yang Berhormat kata kita seorang Islam yang baik. Seorang Islam yang baik harus menghargai dan berterima kasih kepada orang yang berjasa. Jadi saya minta sedikit komen Yang Berhormat.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Terima kasih. Seperti mana yang saya beritahu tadi bahawa kebangkitan ekonomi ataupun pembangunan ekonomi Asia Timur ini sebenarnya berlandaskan ekonomi Cina dan masyarakat Cina semua negara baik Thailand, baik Malaysia, baik Indonesia, baik Filipina, kebangkitannya secara menyeluruh dan di Indonesia pun UMNO tidak ada, tetapi membangun juga oleh

masyarakat Cina begitu juga di Thailand dan sebagainya, UMNO tidak ada. Jadi di Malaysia ini kalau diberi peluang kepada saya, saya hendak beritahu apa jasa UMNO kepada orang Melayu. Izinkan saya teruskan.

Adalah tidak wajar untuk menyatakan bahawa kekayaan ini hak milik Melayu dan bumiputera kerana ia dimiliki kerajaan dan agensi kerajaan. Daripada 19% ini saya percaya nilainya sudah susut dengan teruknya akibat krisis kewangan 1997 yang lalu. Pada masa ini terdapat 10 buah tabung unit amanah dalam pasaran yang dikhaskan untuk kaum bumiputera daripada 159 buah tabung amanah di Malaysia iaitu lebih kurang 6.3% sahaja daripada jumlah keseluruhan tabung amanah. Tabung-tabung ini diuruskan oleh lapan buah syarikat pengurusan iaitu Permodalan Nasional Berhad, ASM Mara Unit Trust Management Berhad, Amanah Saham Sarawak Berhad, Amanah Saham Kedah Berhad, Tabung Amanah Saham Selangor Berhad, Pelaburan Johor Berhad, Pengurusan Kumipa Berhad dan PTB Unit Trust Berhad.

Sebahagian besar pelaburan tabung-tabung ini adalah dalam saham syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL). Pada 31 Disember 1996 nilai aset bersih tabung-tabung ini berjumlah RM49,627 juta atau hampir RM50 bilion. Ketika Indeks Komposit BSKL berada pada paras 1,214 mata, walau bagaimanapun berikutan dengan krisis kewangan tahun 1997 nilai aset bersih berkurangan sebanyak 47.4% kepada 26.124 juta atau RM26 bilion pada 31 Disember 1997 apabila Indeks Komposit BSKL jatuh kepada 568 mata. Dalam tempoh antara 31 Disember 1998 hingga 31 Disember 2001 nilai aset bersih adalah di antara RM25,750 juta hingga RM29,899 juta. Ini bermakna nilai aset bersih tabung-tabung unit amanah bumiputera susut lebih kurang RM20 bilion atau 40% dari RM50 bilion ke RM30 bilion sehingga 31 Disember 2001.

Jadi, saya ingin tahu berapa kekayaan terkumpul kaum bumiputera hingga hari ini? Adakah ia masih 19% seperti mana yang didakwa oleh kepimpinan UMNO yang menguasai kerajaan hari ini atau makin mengurang sekarang ini? Saya difahamkan kekayaan negara dikuasai oleh orang perseorangan Melayu dan bumiputera dan agensi kerajaan sudah tidak sampai 19% lagi malah ada sesetengah berpendapat bahawa ia hanya sekitar antara 12% sahaja.

Terlalu banyak kegagalan kerajaan kepimpinan UMNO untuk memartabatkan bangsa Melayu dan kaum bumiputera. Dasar penswastaannya yang telah banyak diperkatakan dalam Dewan ini, dasar membina usahawan dan jutawan bumiputeranya dan pelbagai dasar lagi yang menempuh kegagalan demi kegagalan. Apakah layak Perdana Menteri melolong seperti seorang yang sedang dirasuk oleh syaitan dalam Stadium Melawati. Wahai pembangkang, kamu tidak ada isu lagi dan meminta parti-parti pembangkang dibubarkan sahaja sedangkan pelbagai isu yang diungkitkan oleh pembangkang tidak dapat dan masih belum diselesaikan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri Yang Berhormat. Ya, Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya Yang Berhormat Kemaman, walaupun benci dengan kepimpinan UMNO tidak sepatutnya mengeluarkan perkataan 'melolong' macam syaitan. Pasal Yang Amat Berhormat waktu berucap di Stadium Melawati itu dengan bersahaja sahaja, tidak melolong. Jangan hendak putar-putar fakta dan tidak patutlah kita rakyat Malaysia yang menerima begitu baik kepimpinannya, kemewahan, kemakmuran, keamanan dengan kerana kita berbeza politik, kita tidak dapat lagi langsung hendak berbudi bahasa dengan budi bahasa yang baik. Itu bukan menggambarkan sebagai seorang yang betul-betul dapat mengamalkan Islam sejati.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Terima kasih tetapi apa yang saya tengok dalam televisyen, dia dengan angkat tangannya dan melaungkan, saya kata tidaklah dirasuk syaitan tetapi seperti orang yang sedang dirasuk syaitan, itu yang saya sebutkan. Banyak isu lagi yang belum diselesaikan. Isu PERWAJA, hutang negara, penerbitan bon palsu, Permodalan Usahawan Nasional Berhad sebanyak RM19 bilion, hutang Petronas, pasaran saham dan modal, *bailout* syarikat-syarikat kroni yang menggunakan wang kerajaan dan rakyat, Tabung Haji, KWSP, Bank Pembangunan, pertukaran wang asing, hutang lapuk dalam sistem perbankan dan institusi kewangan, kenaikan tol yang tidak henti-henti, penyalahgunaan ISA, OSA, Akta Cetak,

pengongkongan media massa, penyalahgunaan institusi polis dan kehakiman, kegagalan Multimedia Super Corridor dan pengaliran keluar pelabur asing dan banyak lagi isu-isu yang masih belum diselesaikan. Bagaimana boleh Perdana Menteri menyatakan bahawa pembangkang sudah tidak ada isu lagi.

Saya tidak bercadang untuk membahaskan kegagalan UMNO dalam menangani isu pendidikan bahasa dan agama dan percaya akan dibahaskan oleh sahabat-sahabat saya selepas ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan ucapan berbilang-banyak terima kasih ke atas kesudian Perdana Menteri melawat dan merasmikan Kompleks Perindustrian Petroleum, Gas dan Petrokimia di Kerteh, Kemaman Terengganu pada 9 Mei baru-baru ini.

Ingin dimaklumkan bahawa perancangan pembangunan kompleks petroleum, gas dan petrokimia di Kerteh, Kemaman ini bermula pada tahun 1973, dan kompleks ini yang pertama siap ialah pada tahun 1978, iaitu sebelum Ahli Parlimen bagi Kubang Pasu menjadi Perdana Menteri lagi.

Jadi, untuk menyatakan bahawa pembangunan kawasan dan kompleks perindustrian petroleum, gas dan petrokimia di Kerteh ini adalah hasil daripada cita-cita dan impian yang direncanakan oleh Perdana Menteri sekarang, seperti mana yang diucapkan oleh Pengerusi Petronas dan Perdana Menteri sendiri, tidak begitu tepat dan sama sekali sama dengan kata pepatah Melayu, "lembu punya susu, sapi dapat nama".

Saya juga berkongsi perasaan sedih Perdana Menteri, seperti mana yang dilaporkan oleh media perdana, yang melihat pembangunan bandar di persekitaran kompleks perindustrian ini tidak seimbang dengan pembangunan dan pelaburan yang melibatkan pelaburan lebih kurang RM70 bilion. Inilah hasil perancangan dan perancangan pemerintahan lebih 40 tahun di bawah Kerajaan Barisan Nasional di negeri Terengganu. Memang benar Kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman di bawah pemerintahan Kerajaan Barisan Nasional tidak berupaya mengolah perancangan, perancangan dasar dan polisi yang baik untuk negeri Terengganu secara amnya dan kawasan Kerteh, Kemaman khususnya, sehingga negeri Terengganu ..

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: [Bangun]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [Bangun]

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Sekejap ya. Sekejap, sekejap.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada dua orang bangun Yang Berhormat.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof:sehingga negeri Terengganu ditakrif sebagai negeri kedua termiskin dalam negara ..

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: [Bangun]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dua orang bangun Yang Berhormat.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: ...walaupun mendapat hasil royalti petroleum yang begitu lumayan dari Petronas lebih daripada 20 tahun sebanyak lebih RM7 bilion..

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada dua orang berdiri Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat bagi Jeli.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Kemaman. Saya terkejut dengan angka yang diberikan oleh Yang Berhormat bagi Kemaman bahawa pelaburan yang dilaburkan untuk projek petroleum, industri petrokimia ini semenjak 1973, berjumlah sebanyak RM70 bilion. Daripada pengamatan dan oleh kerana Yang Berhormat merupakan mereka yang terlibat di dalam bidang ini, daripada pengamatan dan kajian Yang Berhormat bagi Kemaman, daripada RM70 bilion itu, berapa bilionkah yang dijalankan atau mendapat manfaat *direct* kepada rakyat Terengganu dan yang kedua, berapa bilionkah yang mendapat manfaat *direct* kepada bumiputera. Sekian, terima kasih.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Terima kasih. Selama penglibatan saya dalam pembinaan kilang-kilang ataupun loji-loji petroleum dan gas ini, sehingga hari ini saya masih ingin melihat sebuah syarikat bumiputera yang boleh dikaitkan dengan pembangunan Petronas. Kita dengar seperti Telekom, kita ada syarikat seperti Sapura, yang dikaitkan dengan kejayaan Telekom dan Tenaga Nasional, kita dengar cerita EPE Power dan sebagainya tetapi setakat ini pembangunan Petronas tidak ada....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Sri Gading berdiri Yang Berhormat.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: ...tidak ada syarikat bumiputera ...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi lagi Yang Berhormat.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof:yang boleh dikatakan berjaya kerana hasil daripada pembangunan-pembangunan di kompleks-kompleks yang dibina oleh Petronas. Saya tidak tahu, sudah 25 tahun lagi, saya tidak tahu bila akan ada sebuah syarikat yang benar-benar berjaya yang dikaitkan dengan industri petroleum dan gas ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat bagi Sri Gading, sila.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya bagi Kemaman. Saya kenal Terengganu ini, fasal saudara saya banyak di Kemaman, tempat Yang Berhormat. Tidak tahulah sama ada dia mengundi Yang Berhormat atau tidak, *wallahu'alamlah*. Waktu Ibrahim Fikri jadi Menteri Besar dahulu, Kuala Terengganu itu tidak ada apa-apa. Kemaman lagi tidak ada, macam bandar nelayan sahaja. Apabila Menteri Besar UMNO, Tan Sri Wan Mokhtar, memerintah, Terengganu hebat, berubah betul – Terengganu itu sudah dikagumi, antara negeri yang termaju. Maknanya, hebat - rakyatnya, mahu pun pembangunan boleh dilihat, itu boleh dilihat, itu boleh dibuat perbezaan, tidak dapat siapa hendak menipulah.

Cuma saya hendak tanya sedikit, sudah dua, tiga tahun PAS memerintah Terengganu, apa benda yang dia buat? Agaknya yang berbeza daripada Wan Mokhtar dahulu – pembangunan yang mengagumkan rakyat Terengganu, yang boleh ditiru pula oleh negeri-negeri lain. Jadi, minta Yang Berhormat bagi Kemaman huraikan sedikit.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Terima kasih. Hasil daripada dia memerintah Terengganu hampir 25 tahun tetapi hasilnya saya tidak tahu, saya bertanding di kawasan beliau bertandinglah tetapi rakyat tolak dialah. Maknanya, rakyat pun menolak apa yang telah dibuat oleh beliau di Terengganu....

Tuan Mohamad bin Sabu: Yang Berhormat.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Dan kita lihat bahawa dalam masa dua tahun yang saya akan sebut, dalam masa dua tahun Kerajaan Negeri Terengganu memerintah, Terengganu sudah mengurangkan kadar kemiskinannya daripada dahulu pada tingkat kedua tetapi sekarang pada tingkat ketiga.

Tuan Mohamad bin Sabu: Yang Berhormat bagi Kemaman.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kuala Kedah berdiri.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Sekejap, sekejap ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sekejap Yang Berhormat.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Yang keduanya, negeri Terengganu merupakan negeri bersama Sarawak sebagai negeri paling banyak memberi peruntukan untuk kebajikan masyarakat dan yang ketiganya, seperti mana yang dinyatakan oleh Ketua Polis Negeri Terengganu, dan ada disiarkan dalam *Berita Harian*, ini surat khabar saudara punya ini, menyatakan bahawa kadar jenayah negeri Terengganu turun secara mendadak. Jadi ini baru dua tahun setengah, belum lama lagi itu, ini 40 tahun UMNO memerintah. [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya, Yang Berhormat bagi Kuala Kedah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Lambung, lambung. *[Bercakap tanpa pembesar suara] [Ketawa]*

Tuan Mohamad bin Sabu: Soalan, setuju atau tidak dengan Kuala Kedah, jawapan yang paling baik kepada pertanyaan oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading itu, ialah "macam mana hendak buat pembangunan, duit Barisan Nasional curi" *[Ketawa]* Duit peruntukan untuk rakyat dicuri oleh Barisan Nasional, dicuri oleh Barisan Nasional, bukankah jawapan macam itu lebih baik? Setuju atau tidak dengan saya?

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Jawapan itu sebenarnya saya hendak berucap selepas ini. *[Ketawa]* Banyak lagi *points* sudah kena potong. Jadi saya ingat saya sambung ucapan saya.

Insya-Allah, saya akan memberi jawapan-jawapan dari persoalan-persoalan yang ditimbulkan. Negeri Terengganu bernasib baik kerana rakyatnya menyedari kelemahan dan kepincangan di bawah pemerintahan Kerajaan Barisan Nasional dan membuat perubahan pada pilihan raya yang lepas untuk melihat satu pembangunan yang seimbang dapat dilaksanakan di bawah kerajaan Barisan Alternatif.

Dalam jangka masa yang pendek, lebih kurang dua tahun sahaja di bawah kepimpinan Barisan Alternatif, negeri Terengganu telah dapat mengurangkan jurang kemiskinannya, dari tangga kedua ke tangga ketiga, walaupun dalam keadaan hasil royalti petroleum ditarik balik. Malah negeri Terengganu dan Sarawak merupakan dua buah negeri paling tinggi memberi bantuan kepada warga miskin dan daif. Ini menunjukkan keprihatinan kerajaan di bawah Barisan Alternatif dalam menangani masalah kemiskinan. Jadi, adalah adil sekiranya kerajaan mengembalikan semula hasil royalti petroleum kepada Kerajaan Negeri Terengganu dan saya percaya di bawah kepimpinan Kerajaan Barisan Alternatif, negeri Terengganu akan membangun dengan lebih pesat dan seimbang lagi seperti mana yang dicita-citakan oleh Perdana Menteri sendiri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Larut. Ya, sila.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih, saya minta penjelasan sedikit sahaja. Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Kemaman tadi, adakah rang undang-undang hudud yang dibentangkan oleh Kerajaan PAS Terengganu baru-baru ini ..

Seorang Ahli: Akan.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ya?

Seorang Ahli: Akan.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sama ada 'akan' ataupun 'elah', hanyalah semata-mata untuk menutup kelemahan Kerajaan PAS yang tidak mampu untuk mentadbirkan, menguruskan negeri Terengganu, selepas membuat janji, pelbagai janji, kepada rakyat. Minta sedikit penjelasan. Jangan melencong ke lain.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Saya ingin mengisahkan sebuah kisah di zaman Rasulullah s.a.w. Pada satu ketika, Rasulullah s.a.w. berjalan ke pasar dan melihat seorang pria dan remaja Yahudi diarak dengan mukanya berconteng dan sebagainya. Apabila ditanya kepada masyarakat Yahudi di situ, "*Kenapa pria dan remaja ini diperlakukan sedemikian?*" Katanya, "*Kerana mereka berdua didapati berzina.*" Jadi, Rasulullah s.a.w. bertanya, "*Apakah hukumannya di dalam Taurat?*" Jawabnya, "*Oleh kerana dalam Taurat hukumannya adalah rejam.*" "*Kenapa tidak dilaksanakan rejam kepada kedua-dua pria ini?*" "*Kerana sekiranya rejam dilaksanakan, maka yang akan terkenanya adalah pemimpin-pemimpin tertinggi mereka.*" Jadi, seperti mana yang telah dibongkar oleh Yang Berhormat bagi Baling, ramai kepimpinan tertinggi negara terlibat dalam berbagai skandal. Saya percaya sebab itulah mereka menentang habis-habisan mengenai hukum *hudud* ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Jangan buat anggapan begitu. Telahan begitu tidak baik.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang bangun. Ya, hendak bagi yang mana Yang Berhormat?

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: *[Memandang ke arah Yang Berhormat bagi Sri Gading]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Kemaman. Saya hendak betulkan apa yang telah diperkatakan oleh Yang Berhormat bagi Kemaman. Kita tidak menolak hudud, dan bukan kerana kita hendak melindungi sesiapa – yang bersalah tetap bersalah. Hukum hudud ialah hukum Allah. Kita tidak menentang. Jangan salah takrif, kerana menentang hukum hudud, hukumnya boleh kufur, boleh keluar agama, kerana kita menentang hukum Allah. Jadi, jangan salah faham. UMNO tidak pernah menentang hukum hudud, itu kena jelas supaya nanti jangan dikelirukan. Yang ada sedikit berbunyi ini ialah kerana enakmen yang hendak dibentangkan oleh Kerajaan PAS di Terengganu itu, Perkara 9 itu, nampaknya bercanggah sedikit dengan hukum hudud Islam yang sebenarnya. Ini yang orang mempertikaikan.

Kalau hukum hudud itu benar-benar mengikut apa yang telah pun disyariatkan, tidak ada masalah. Kita menyokong ya, tetapi janganlah pula nanti hukum hudud ini cuma hendak dibentang untuk dipolitikkan lepas itu tidak dilaksanakan kerana hendak menutup janji waktu pilihan raya dahulu, “Sebelum ayam berkokok kita akan laksanakan hudud.” Nampaknya sekarang sudah berpuluh-puluh ribu ayam mati waktu berkokok pun belum dijalankan hukum hudud. Tetapi kerana pilihan raya sudah hampir maka itu tergopoh-gapah buat enakmen ini yang dipertikaikan oleh setengah-setengah pihak tentang perkara-perkara tertentu yang dilihat bercanggah dengan kehendak hudud yang sebenarnya.

Kalau yang sebenarnya mengikut hudud Islam, alhamdulillah, kita sokong beramai-ramai. Biar Kerajaan Negeri Terengganu buat contoh macam mana hendak laksanakan dengan penuh.... *[Disampuk]* Ini hukum Allah tidak boleh dipolitikkan dan kita tidak akan berani menentang hukum Allah. Tetapi kalau enakmen itu benar-benar mengelirukan ataupun ada tanggapan yang boleh dipertikaikan, ayuh kita perbahaskan.

Macam Yang Amat Berhormat bagi Marang tadi kata, hendak perbahaskan. Bahaskanlah dengan orang yang ahli, yang bijak pandai tentang hukum hakam Islam ini. Tetapi orang PAS dia suka mempolitikkan. Kelantan dahulu sudah lulus pun tetapi tak laksana, entah berpuluh-puluh ribu pula ayam yang mati selepas berkokok tetapi tidak juga laksanakan. Ini pun saya percaya Kerajaan Terengganu PAS hanya hendak bentang, selepas itu hendak beritahu dunia kita sudah bentang hudud, apabila tak jalan, UMNO tak kasi, itu sahaja. Ini kerana politik, bukan kerana lillahi taala. Kalau lillahi taala kenapa kita hendak menentang, tak ada soal hendak menentang.

Saya ulang lagi sekali, UMNO tidak pernah menentang hukum-hakam Allah termasuk hukum hudud yang sama-sama kita tahu maksudnya.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Terima kasih. Saya dapati kenyataan beliau bercanggah dengan kenyataan Perdana Menteri sendiri yang mengeluarkan kenyataan bahawa beliau akan menggunakan segala kuasa yang ada untuk menghalang pelaksanaan hudud di negeri Terengganu. Jadi, pendapat Yang Berhormat ini bercanggah dengan kenyataan yang dibuat oleh Perdana Menteri sendiri.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak payahlah bercakap. Ya Larut.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Tunggu sekejap.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tak bagi lagi Yang Berhormat.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Hasil daripada ura-ura untuk melaksanakan hudud dua hari lepas, Ketua Polis Negeri Terengganu menyatakan kadar jenayah di negeri Terengganu turun mendadak dan begitu ketara kerana orang ramai banyak

memberi kerjasama dalam membanteras kegiatan jenayah di negeri ini. Jadi, tidak usah hendak memperlekehkan kejayaan negeri Terengganu dalam pembangunan sosial, ekonomi dan politiknya. Fakta dan bukti nyata menunjukkan bahawa negeri Terengganu jauh lebih baik dalam jangka masa yang pendek di bawah pemerintahan Barisan Alternatif berbanding dengan kerajaan di bawah Barisan Nasional dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Larut berdiri Yang Berhormat, hendak beri jalan?

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kemaman. Saya hendak kemuka soalan yang kedua. Sejauh mana PAS walaupun Yang Berhormat daripada KeADILan dapat meyakinkan DAP tentang undang-undang hudud yang hendak dilaksanakan kerana kita tahu DAP sendiri menolak secara bujur atau secara bulatkah tentang undang-undang hudud yang hendak dilaksanakan oleh Kerajaan PAS. Memang saya menafikan bahawa UMNO tidak pernah mengatakan bahawa kita tidak pernah bersetuju.

Yang kedua, sejauh mana pemimpin pembangkang, saya sebut secara keseluruhannya hendak melaksanakan undang-undang ini sedangkan perangai pemimpin-pemimpin pembangkang itu lebih teruk untuk dijadikan contoh. Sila bagi jawapan dan jangan kelentong.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya dalam pelaksanaan perundangan di kalangan Barisan Alternatif ini kita memberi kebebasan masing-masing untuk menyatakan pendapat mereka. Kalau mereka tak setuju kita hormati apa yang mereka tak setuju tetapi apa yang kitaersetujui, kita akan laksanakan dan mereka mesti menghormati apa yang kita ingin laksanakan. Itu ada perhubungan di antara parti-parti pembangkang. Kita menghormati pandangan masing-masing. Kerajaan Negeri Terengganu telah mengeluarkan manifesto menjanjikan rakyatnya bahawa kerajaan akan diperintah secara pelaksanaan Islam maka mereka telah menunaikan hasratnya dan mana-mana parti mesti menghormati kehendak parti yang memenangi pilihan raya di negeri Terengganu.

Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, masa kita sudah habis pukul 5.30. Sekarang kita masuk kepada Ucapan Penangguhan sebab kita ada Ucapan Penangguhan. Jadi, saya minta menteri buat usul.

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 16(3)

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa

“Mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang”.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Dr. Tiki anak Lafe]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kemaman sambung esok ya.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

Penambahan SRJK(C) di Kawasan Cheras

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya sila.

5.31 ptg.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam kawasan Parlimen Cheras terdapat hanya SRJK(C) iaitu SRJK(C) Sam Yoke di Jalan Sungai Besi dan SRJK(C) Chung Kwo di Jalan Loke Yew. Akan tetapi sekolah-sekolah

tersebut terletak jauh dari pusat kawasan Parlimen Cheras di mana taburan penduduknya lebih tertumpu di kawasan-kawasan perumahan Cheras.

Sekolah-sekolah yang berdekatan dengan kawasan-kawasan perumahan Cheras ialah SRJK(C) Naam Kheung di Ikan Ayu dan SRJK(C) Taman Connaught, kedua-dua terletak dalam kawasan Parlimen Bandar Tun Razak. Kawasan Cheras sama ada dalam kawasan Parlimen Cheras atau Bandar Tun Razak adalah kawasan yang sangat padat dengan penduduk. Setiap tahun permintaan untuk memasuki SRJK(C) Nam Keong dan Taman Connaught adalah sangat tinggi kerana majoriti penduduk Cheras dalam kawasan Parlimen Cheras dan Bandar Tun Razak melebihi 80% terdiri daripada keturunan Cina. Apabila penggal persekolahan dibuka awal tahun didapati hampir 1,000 kanak-kanak tidak dapat memasuki sekolah-sekolah SRJK(C) Nam Keong dan Taman Connaught dan mereka dihantar ke SRJK(C) Sam Yoke dan SRJK(C) Chung Kwo atau lain-lain di kawasan Parlimen Bukit Bintang.

Malangnya, SRJK(C) Sam Yoke dan Chung Kwo dan yang lain kurang diterima kerana jauh dari tempat kediaman mereka dan kesusahan untuk sampai ke sekolah tersebut kerana ketiadaan perkhidmatan bas sekolah. Ramai ibu bapa merasa kecewa terutama mereka yang kurang berkemampuan dan tidak ada pilihan lain, terpaksa berbuat sesuatu yang bertentangan dengan keinginan masing-masing dan terpaksa mengorbankan hak anak-anak mereka untuk mendapatkan pendidikan berbahasa ibunda dengan menghantar anak-anak ke sekolah kebangsaan yang berdekatan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, walaupun Kementerian Pendidikan ada rancangan untuk membina SRJK(C) Taman Connaught 2, tetapi ini bukanlah satu berita baik untuk ibu bapa yang tinggal dalam kawasan Cheras di bahagian Wilayah Persekutuan kerana sekolah baru ini sungguhpun dinamakan SRJK(C) Taman Connaught 2 tidak akan dibina dalam kawasan Taman Connaught atau kawasan lain dalam Bandar Tun Razak atau Cheras, sebaliknya dibina di Taman Damai Perdana yang terletak di negeri Selangor yang mana terdapat 15 taman perumahan di persekitarannya. Ia lebih mengutamakan murid setempat dalam negeri Selangor sahaja dan akan menampung permintaan dari kawasan-kawasan Cheras di Wilayah Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta kerajaan supaya jangan sesekali merampas hak mutlak ibu bapa dan anak-anak berketurunan China di Cheras untuk menerima pendidikan ibunda mereka. Bagi tujuan ini saya ingin mencadangkan supaya dibina tambahan dua buah SRJK(C) dalam kawasan Parlimen Cheras dalam menampung permintaan yang semakin meningkat bagi tempoh lima tahun yang akan datang. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kementerian Pendidikan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Tuan Yang di-Pertua, kesempatan ini izinkan saya memberi penjelasan terhadap perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Cheras berkaitan dengan masalah persekolahan di kawasan Parlimen Cheras.

Kementerian Pendidikan sentiasa mengambil berat dan memberi perhatian yang sewajarnya bagi mengatasi setiap permasalahan yang timbul khususnya berkaitan dengan pendidikan. Berkaitan dengan permasalahan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Cheras, kementerian menyedari masalah yang dihadapi. Dalam hubungan ini, kementerian memberi keutamaan kepada sekolah-sekolah yang dapat memenuhi keperluan untuk semua lapisan rakyat dan kaum.

Kementerian Pendidikan juga menyedari keperluan pertambahan bilik-bilik darjah SJK(C) di sekitar kawasan Cheras dan Bandar Tun Razak. Sehubungan itu Kementerian Pendidikan akan membina SJK(C) Taman Connaught II bagi mengatasi masalah kesesakan murid di SJK(C) Taman Connaught dan sekitarnya. Dengan pembinaan SJK(C) Taman Connaught tersebut, Kementerian Pendidikan tidak bercadang untuk membina SJK(C) yang lain di kawasan tersebut.

Tuan Tan Kok Wai: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ucapan penungguhan tidak boleh dicelah Yang Berhormat.

Tuan Tan Kok Wai: Minta jalan, sedikit sahaja sebab Yang Berhormat Setiausaha...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat tidak payah dicelah, tidak boleh.

Tuan Tan Kok Wai: Lokasi sekolah baru itu ia terletak dalam negeri Selangor [Bercakap tanpa pembesar suara]

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Ya, beri saya selesaikan dahulu.

Tuan Tan Kok Wai: [Masih bercakap tanpa pembesar suara]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, jawapan ucapan penangguhan tidak boleh diganggu.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Ya, Cheras, bukan Cheras ini di antara Selangor dan Perlis? [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terus, teruskan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Walaupun sekolah tersebut terletak di negeri Selangor, ibu bapa yang tinggal berhampiran dengan sekolah tersebut sama ada di negeri Selangor atau Wilayah Persekutuan boleh menghantar anak-anak mereka ke sekolah tersebut. Jadi, ini tidak timbul bahawa kita *depressed* mana-mana anak kita. Tidak bermakna bahawa dia tinggal di Wilayah, dia tidak berhak pergi ke sekolah di negeri Selangor tetapi kita masih bina. Terima kasih.

Industri Bioteknologi, Keperluan Strategik Ke arah Pemantapan Negara Maju Tahun 2020

5.38 ptg.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop [Alor Gajah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ucapan penangguhan saya adalah berkaitan dengan industri bioteknologi keperluan strategik negara ke arah pemantapan negeri maju tahun 2020.

Industri bioteknologi merupakan satu teknologi penghasilan produk menggunakan asas-asas biologi dan kejuruteraan. Bidang ini melibatkan berbagai disiplin ilmu yang merangkumi mikrobiologi, kejuruteraan genetik, tisu kultur, biokimia, reka bentuk, bioreaktor dan perkara-perkara lain yang melibatkan sains hayat keseluruhannya.

Di negara kita bidang bioteknologi ini telah lama wujud dan mula dikenali umum apabila penemuan baru dalam bidang biologi molekul yang menghasilkan produk secara komersial. Semenjak tahun 1960 penggunaan bioteknologi mikro menghasilkan berbagai produk seperti sirap, foktus tinggi, polysacchrine dan racun serangga dari bakteria. Dalam bidang pertanian pula, melalui bioteknologi penghasilan klon-klon pokok yang lebih baik dapat dihasilkan.

Bagi industri pertanian seperti perladangan adalah penting untuk mendapatkan pokok yang mempunyai tempoh tumbuh besar yang singkat serta boleh menghasilkan buah yang banyak dan berkualiti. Ini semua boleh dicapai dengan melakukan kejuruteraan genetik di mana DNA-DNA yang terpilih yang memiliki ciri-ciri yang diinginkan digabungkan bersama DNA pokok tersebut.

Dalam bidang penternakan pula, bidang ini telah mencapai kemajuan yang cukup baik kerana banyak uji kaji yang telah dijalankan telah berjaya menghasilkan klon-klon haiwan yang tahan penyakit, sihat dan kuat. Dengan adanya pencapaian ini kos operasi dapat dikurangkan, penghasilan produk dan tanaman yang bermutu tinggi serta kualiti dan kuantitinya terjamin. Ini memudahkan kita untuk bersaing di pasaran global yang memerlukan produk yang begitu kompetitif.

Bioteknologi juga telah menyumbang pencapaian yang amat baik terutama dalam penghasilan penicillin daripada fungus. Begitu juga dengan penggunaan bakteria dalam menghasilkan produk untuk menghapuskan larva nyamuk yang berbahaya seperti nyamuk aedes. Sebenarnya penggunaan bahan kimia seperti DDT dan penyemburan asap adalah tidak lagi relevan. Jadi alternatif bagi kaedah

bioteknologi ini adalah yang terbaik memandangkan setiap tahun kita mendengar berita kematian yang disebabkan penyakit Denggi.

Di negara maju kaedah tersebut telah terbukti penggunaannya tetapi penggunaan di negara ini mungkin memerlukan sedikit kajian. Walau bagaimanapun, peluang untuk menjadikan penghasilan bakteria ini sebagai bahan dagangan adalah terbuka luas kerana penggunaan yang lebih mesra alam. Selain daripada itu, penganalisisan produk plastik daripada sisa-sisa buangan menerusi kaedah bioplastik sangat menarik perhatian. Bioplastik bukan sahaja mendatangkan kebaikan kepada alam sekitar bahkan mampu menjadikan bidang komersial yang berpotensi.

Dijangka penggunaan bioteknologi di dalam penghasilan produk dan meningkatkan seiringan dengan keperluan rakyat di negara ini yang memerlukan tahap pemakanan dan kesihatan yang baik. Justeru menyedari akan kepentingan industri ini kepada keperluan strategik negara, maka saya ingin menyarankan agar Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar hendaklah bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk memperluaskan peluang kepada para graduan di institusi pengajian tinggi awam untuk melanjutkan pengajian dalam bioteknologi ini.

Setakat ini pengambilan pelajar dalam bidang ini adalah agak terbatas. Di samping itu juga pihak kerajaan diseru untuk memberi peruntukan yang lebih besar dalam penyelidikan dan pembangunan ataupun R&D pada setiap rancangan Malaysia dan rancangan jangka panjang negara dalam bidang ini.

Selain daripada menambah peruntukan yang ada adalah disarankan agar Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menjalankan kajian yang terperinci bagi mengenal pasti bidang bioteknologi yang berpotensi besar ke arah pembangunan negara untuk dimajukan. Bagi menjamin hasrat ini adalah dicadangkan agar diwujudkan dana pembangunan industri bioteknologi negara. Buat peringkat awal sejumlah satu bilion disarankan untuk diperuntukkan bagi memulakan dana ini. Kementerian yang berkenaan juga hendaklah bekerjasama dengan Kementerian Sumber Manusia bagi memantau penghijrahan tenaga pakar dalam bidang bioteknologi ini ke negara-negara luar kerana kita tidak mahu tenaga pakar ini akan berkurangan.

Selain daripada itu unjuran keperluan sumber tenaga manusia dan tenaga pakar dalam bidang ini hendaklah dibuat dalam tempoh sepuluh tahun akan datang bagi menjamin penawaran sumber tenaga manusia dalam industri bioteknologi ini. Sesungguhnya industri bioteknologi ini diibaratkan seperti lombong emas atau telaga minyak yang belum diterokai sepenuhnya lagi. Saya yakin dan percaya segala apa yang diusahakan bakal memacu pembangunan pesat industri bioteknologi ini ke arah negara maju menjelang tahun 2020. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

5.45 ptg.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Zainal bin Dahalan]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Alor Gajah yang telah mengemukakan Ucapan Penangguhan di bawah tajuk, Industri Bioteknologi, Keperluan Strategik ke Arah Pemantapan Negara Maju Tahun 2020 kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, suka saya maklumkan bahawa bidang bioteknologi dikenali sebagai teknologi untuk Abad ke-21 dan mempunyai potensi yang besar dalam industri selepas ICT.

Bioteknologi adalah bidang multi sektoral yang dapat menjana faedah ekonomi dalam bidang pertanian, perubatan, kesihatan, kejuruteraan, alam sekitar dan lain-lain lagi. Bidang ini akan memberi kesan yang besar kepada alam kehidupan di dunia seperti penghasilan dadah ataupun *drugs* baru untuk tujuan perubatan, makanan yang kaya dengan khasiat dan lain-lain lagi. Penemuan jujukan gen manusia melalui *human genome project* pada Februari 2001 memberi impak yang besar kepada *scientists* dalam bidang bioteknologi khususnya melalui perkongsian ilmu pengetahuan mengenai kehidupan manusia.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang terdapat lebih kurang 5,000 syarikat bioteknologi di seluruh dunia dengan anggaran pasaran ialah sebanyak

USD700 bilion dan pendapatan tahunan ialah USD50 bilion. Kebanyakan syarikat bioteknologi ini merupakan aktiviti di Amerika Utara, Selatan Eropah dan Jepun.

Komuniti ekonomi meramalkan bahawa pendapatan yang akan dijanakan dari perdagangan berasaskan bioteknologi seluruh dunia mencapai USD1.36 trilion menjelang tahun 2010. Bioteknologi telah dikenal pasti sebagai salah satu dari lima bidang teknologi yang akan membawa Malaysia sebagai sebuah negara industri dalam tahun 2020 melalui sokongan dan komitmen dari kerajaan.

Menyedari pentingnya bioteknologi, sebuah majlis bioteknologi dan biodiversity negara yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan ahli-ahli majlis ini terdiri dari menteri-menteri besar dan telah ditubuhkan pada tahun 2001 dengan tujuan:-

- (i) mengenal pasti hala tuju, polisi dan strategi pembangunan untuk bioteknologi dan *biodiversity* negara;
- (ii) mengkoordinasi pembangunan *biodiversity* dan bioteknologi negara; dan
- (iii) mencadangkan kepada kerajaan arah tuju dan pembangunan strategik untuk bioteknologi dan *biodiversity* ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan melalui kementerian telah menubuhkan Direktorat Bioteknologi Kebangsaan, pada tahun 1995 dengan tujuan untuk mengkoordinasi aktiviti penyelidikan dan pembangunan dalam bidang bioteknologi secara lebih khusus lagi.

Ianya juga bertujuan memantapkan lagi hubungan kerjasama penyelidikan dan pembangunan antara sektor awam dan swasta bagi menerajui pembangunan bioteknologi negara dan menghasilkan produk yang boleh dikomersialkan.

Strategi yang dilaksanakan bagi mencapai matlamat berkenaan adalah seperti berikut:-

- (i) membangunkan kerjasama penyelidikan dengan organisasi penyelidikan dan industri yang hasilnya menjurus kepada *commercialization* dengan izin, dan menggalakkan pembangunan ekonomi lestari;
- (ii) membangunkan keupayaan penyelidikan dalam bidang bioteknologi;
- (iii) menyokong serta mempertingkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan program biotech dan pembangunan sumber manusia; dan
- (iv) mengadakan perkongsian pintar dengan institusi penyelidikan luar negara.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, projek-projek R&D dalam bidang bioteknologi dilaksanakan secara kerjasama antara *scientist* institusi penyelidikan tempatan melalui pusat Koperatif bioteknologi.

Menerusi jalinan dan kerjasama ini, beberapa pencapaian seperti penghasilan tumbuhan yang diubah genetiknya bagi tujuan rintangan kepada serangan virus, penghasilan *recombinant vaccine* ataupun vaksin rekombinant untuk haiwan, penghasilan teknik *bioremedy* untuk rawatan sisa kumbahan industri dan pertanian, teknik penanda DNA untuk tumbuhan telah ditemui dan dicipta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi memastikan sumber tenaga manusia dilatih secara berterusan, khususnya dalam bidang bioteknologi, maka beberapa program latihan secara khusus telah diadakan.

Sehingga kini, seramai 340 *scientists* telah dilatih dalam teknik-teknik terkini bioteknologi di bawah pelbagai program pembangunan sumber manusia yang ditaja oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dengan kerjasama Pusat Koperatif Bioteknologi.

Seramai 80 pelajar peringkat sarjana dan 39 orang pelajar peringkat Doktor Falsafah telah diberikan biasiswa di bawah skim pembiayaan biasiswa penyelidikan sains nasional untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang bioteknologi.

Tuan Yang di-Pertua, dan Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi memanfaatkan negara dalam pemindahan teknologi, pihak kementerian telah mengadakan kerjasama dengan institusi penyelidikan luar, salah satu program kerjasama yang dijalankan ialah program kerjasama penyelidikan Malaysia dengan Massachusetts Institute of Technology (MIT) dalam bidang bioteknologi.

Program ini telah berjaya meningkatkan keupayaan kita dalam bidang bioteknologi kelapa sawit dan penemuan produk semula jadi. Di bawah program ini, sebanyak 11 projek dilaksanakan dengan penglibatan seramai 160 orang *scientists* dari institusi penyelidikan tinggi awam dan swasta.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia mempunyai semua bahan dan resepi untuk mencapai kejayaan dalam industri bioteknologi. Sebagai sebuah dari 12 buah negara mega biodiversity dunia, Malaysia mempunyai khazanah flora dan fauna yang belum diterokai sepenuhnya untuk penyelidikan dan pembangunan bagi tujuan kesihatan dan perubatan. Kekayaan khazanah negara hanya boleh dimanfaatkan sepenuhnya sekiranya kita mempunyai keupayaan dari segi kemahiran dan kemudahan infrastruktur yang sesuai. Usaha-usaha ke arah ini sedang dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

Bioteknologi dikenali sebagai pemaju pengetahuan teknologi yang memerlukan sokongan kuat melalui perkongsian pengetahuan dan rangkaian. Dengan adanya MSC, infrastruktur sedia ada Malaysia mampu menerokai bidang biofarmatik dan bioteknologi secara yang lebih berkesan lagi.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan telah bersetuju untuk melaksanakan projek biovalley sebagai projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan. Ianya merupakan satu pelan tindakan yang digariskan di bawah strategi bioteknologi kebangsaan bagi membangunkan *cluster* bioteknologi dalam Koridor Raya Multimedia.

Bagi tujuan mempromosikan usaha-usaha yang dijalankan oleh kerajaan untuk memajukan aktiviti bioteknologi negara, kementerian ini akan menganjurkan Bio Malaysia 2002, International Biotechnology Symposium Exhibition and Business Partnering dari 1 hingga 4 Oktober 2002 akan datang ini.

Bio Malaysia 2002 adalah bertujuan untuk memberi peluang dan ruang kepada *scientists*, penyelidikan, usahawan dan pelabur untuk mengenali lebih dekat lagi industri bioteknologi di Malaysia dan seterusnya melibatkan diri dalam biovalley Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dan Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian penjelasan yang dapat saya berikan dan juga beberapa saranan yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat, kita ambil ingatan untuk dibuat penyelidikan dan kajian yang lebih lanjut. Mudah-mudahan ia akan dapat membantu lagi program bagi mencapai matlamat seperti yang kita harapkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Ucapan-ucapan Penangguhan kita selesai, dengan ini saya menangguhkan persidangan kepada besok hari jam 10.00 pagi, 25 Jun 2002.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.52 petang.